

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah

Harta pusaka merupakan salah satu persoalan yang penting dalam kehidupan manusia. Harta yang diperolehi melalui pembahagian harta pusaka dapat menjamin kehidupan seseorang individu di masa hadapan. Oleh itu, hak-hak kemanusiaan daripada satu generasi kepada generasi berikutnya terjamin dalam kalangan umat Islam.¹ Allah SWT berfirman:

لِلرَّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ
وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كُثُرٌ نَصِيبًا مَفْرُوضًا ﴿٧﴾

Al-Nisa' 4: 7

Bagi orang lelaki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada hak bahagiannya (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan.

Sebahagian manusia menganggap bahawa harta benda dijadikan ukuran sebagai penentu kejayaan hidup seseorang, maka akan terbukalah ruang terjadinya perbalahan dalam penguasaan harta pusaka tersebut. Wujudnya perbalahan dalam pembahagian pusaka terjadi dalam pelbagai bentuk, ada yang disebabkan harta pusaka hanya dibahagikan setelah sekian lama orang yang diwarisi itu meninggal dunia, ada juga yang disebabkan oleh kedudukan harta yang tidak jelas, dan ada di antara ahli waris yang sengaja melakukan penipuan dokumen penting seperti surat kematian, surat perjanjian dan

¹Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad, *Interaksi Harta Dalam Al-Qur'an, Pengertian, Pengumpulan dan Pemanfaatan*, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2005)

sebagainya.²

Berdasarkan hasil penyelidikan pelaksanaan pembahagian pusaka Islam di beberapa buah daerah di Indonesia dapat disimpulkan bahawa kebanyakan harta pusaka yang dimiliki oleh umat Islam di Indonesia tidak diurus dengan cekap dan berkesan, antaranya seperti pemilikan harta pusaka oleh sebahagian ahli waris sahaja dan penangguhan pembahagian harta pusaka yang mengakibatkan kebanyakan umat Islam terhalang daripada memiliki harta peninggalan waris mereka untuk meneruskan kehidupan seharian.

Ketua Mahkamah Syariah Aceh H. Idris Mahmudy menyatakan bahawa kes yang banyak ditangani oleh Mahkamah Syariah Aceh selain masalah perceraian ialah masalah pembahagian harta pusaka.³ Kes pembahagian harta pusaka di Aceh sememangnya telah meningkat saban tahun sejak berlakunya musibah tsunami pada tahun 2004. Hal ini dapat diketahui daripada kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah di Aceh.⁴

Perbalahan dan pertelingkahan di antara ahli keluarga yang kerap terjadi kerana permasalahan harta pusaka, bahkan ada yang berakhir dengan pembunuhan.⁵

Berikut ini adalah kes penangguhan pembahagian harta pusaka di Aceh Besar tahun 2009-2011, sebagaimana yang berdaftar di Mahkamah Syariah Aceh Besar.

Jadual 1.1 Kes Penangguhan pembahagian harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah, Aceh Besar tahun 2009

²Satria Effendi M. Zein, “Analisa Fiqh terhadap Perundungan tentang Kewarisan”, *Jurnal Mimbar Hukum*, no. 20 Tahun IV, 1995, 131.

³Republika, “Di Aceh ramai-ramai isteri minta cerai”, laman sesawang: <http://www.republika.co.id/berita/regional/nusantara/11/08/18/lq4654-di-aceh-ramairamai-istri-minta-cerai>, dicapai pada 20 Hb Jun 2012.

⁴ H. Abd. Hafiz, (Pengetua Jabatan Mahkamah Syari’ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 15 Januari 2014.

⁵Serambi Indonesia, “Abang gorok adik kandung hingga tewas”, laman sesawang: <http://aceh.tribunnews.com/2014/01/02/abang-gorok-adik-kandung-hingga-tewas>, dicapai pada 8 Hb Jan 2014.

No	Nombo Kes	Ahli Waris Yang Berselisih
1	06/Pdt.G/2009/ms-Jth	Aminah Rayeuk Bt. Ibrahim, Melawan Fauzi Bin M. Daud,
2	23/Pdt.G/2009/ms-Jth	Abu Bakar Bin Sulaiman Melawan T. Rayeuk Bin T.M. Jakfar
3	27 PK/AG/2009	Nyak Dien Melawan Muhammad Zami Bin Zam Zam Ali
4	58/Pdt.G/2009/ms-Jth	Sakdiah Binti Mahmud Melawan M. Nur Bin Mahmud
5	59/PK/AG/2009	Tgk. Zakaria Bin Tgk. H.M. Amin Melawan H. Hasan Bin Tgk. H.M. Amin
6	72/Pdt.G/2009/ms-Jth	Muchsin Bin M. Ali Melawan Cut Adenen Binti Po Nyak Makam
7	88/Pdt.G/2009/ms-Jth	Nurhayati Binti Mahmud Melawan Arba'iyah
8	105/Pdt.G/2009/ms-Jth	Hanisah Binti Musa Melawan Saad Bin Musa
9	110/Pdt.G/2009/ms-Jth	Radiyah Binti H. Mahmud Melawan M. Raudhi Bin H. Mahmud
10	118/Pdt.G/2009/ms-Jth	Sakdiah Binti Mahmud Yusuf Melawan M. Nur Bin Mahmud Yusuf

Jadual 1.2 Kes Penangguhan pembahagian harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah, Aceh Besar tahun 2010

No	Nombo Kes	Ahli Waris Yang Berselisih
1	11/Pdt.G/2010/ms-Jth	Marhaban Bin Harun Melawan Syamaun Bin M. Amin
2	16/Pdt.G/2010/ms-Jth	Siti Hawa Binti M. Saleh Melawan Asnah Binti M. Saleh
3	41/Pdt.G/2010/ms-Jth	Abdul Latif Bin Muhammad

		Melawan Abdul Rasyid Bin Gam
4	68/Pdt.G/2010/ms-Jth	Khadijah Binti M. Daud Melawan Harun Bin M. Daud
5	92/Pdt.G/2010/ms-Jth	Agussalim Bin Hasballah Melawan Ridwan Bin Hasballah
6	107/Pdt.G/2010/ms-Jth	Ramlah Binti Abdullah Melawan Razali Binti Abdullah
7	155/Pdt.G/2010/ms-Jth	Nurmala Binti Husin Melawan Syamsidar Binti Syamsuddin
8	198/Pdt.G/2010/ms-Jth	M. Kasim Bin Sulaiman Melawan a. Siti Nurbaya Binti H.M. Ali
9	210/Pdt.G/2010/ms-Jth	Zuriah Binti Sabi Melawan Marhaban Bin Sabi
10	218/Pdt.G/2010/ms-Jth	Abu Bakar Bin Sulaiman Melawan T. Hasyim Bin T. H. Jakfar

Jadual 1.3 Kes Penangguhan pembahagian harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah, Aceh Besar tahun 2011

No	Nombor Kes	Ahli Waris Yang Berselisih
1	09/Pdt.G/2011/ms-Jth	Salbiah Binti M.Sufi Melawan Fauzi Bin M. Daud
2	46/Pdt.G/2011/ms-Jth	Anisah Binti Ismail Melawan Sofyan Bin Abdullah
3	56/Pdt.G/2011/ms-Jth	M. Kasim Bin Sulaiman Melawan Siti Nurbaya Binti H.M. Ali
4	80/Pdt.G/2011/ms-Jth	Nasrullah Bin Sulaiman Melawan M. Yunus Bin M. Ali
5	84/Pdt.G/2011/ms-Jth	Muhammad bin Yusuf Melawan Hj. Aminah binti Rahman

6	144/Pdt.G/2011/ms-Jth	Hj. Zainab Ali Melawan H. M. Nur Bin Abu Leh
7	184/Pdt.G/2011/ms-Jth	Cut Keumala Binti Tgk. H. Arsyad Melawan Muhammad Ramli Bin Tgk. H. Arsyad
8	191/Pdt.G/2011/ms-Jth	Abu Bakar Bin Sulaiman Melawan T. Hasyim Bin T. H. Jakfar
9	234/Pdt.G/2011/ms-Jth	Abu Bakar Bin Sulaiman Melawan T. Hasyim Bin T. H. Jakfar (Pihak Yang Sama dengan Perkara No. 191/Pdt.G/2011/ms-Jth)

Sumber: Mahkamah Syariah, Aceh Besar.

Berdasarkan kes harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah, Aceh Besar.

Jumlah purata kes pusaka pertahun ialah 30 kes. Dimana pada tahun 2009 sebanyak 28 kes, tahun 2010 sebanyak 30 kes dan tahun 2011 sebanyak 32 kes. Dari jumlah kes tersebut sebanyak 10% telah diselesaikan secara khidmat kauseling atau dengan cara perdamaian tanpa melalui proses perundangan, sebanyak 65 % daripada kes pusaka pula berjaya diselesaikan melalui proses perundangan dan sebanyak 25 % daripada kes pusaka tidak selesai di peringkat Mahkamah Syariah Aceh Besar kerana ada pihak yang tidak berpuas hati terhadap keputusan hakim dengan melakukan Banding⁶, Kasasi⁷ dan Peninjauan Kembali⁸ (PK) ke Mahkamah Agung.⁹ Dan kebanyakan daripada kes yang

⁶Banding adalah upaya hukum dari pihak yang merasa tidak puas dengan putusan Pengadilan tingkat pertama dan dapat diajukan dalam tempoh 14 hari sejak tanggal putusan itu diberitahukan dan diajukan kepada Pengadilan Tinggi (Pengadilan tingkat banding) melalui Pengadilan tingkat pertama yang memutuskan perkara tersebut. Lihat laman sesawang: <http://id.wikipedia.org/wiki/Banding>, dicapai pada 15 Hb Jun 2014.

⁷Kasasi adalah upaya hukum dari pihak yang merasa tidak puas dengan putusan Pengadilan tingkat banding yaitu pengadilan Tinggi dan dapat diajukan dalam masa tempoh 14 hari sejak tanggal putusan itu diberitahukan dan diajukan kepada Mahkamah Agung melalui Pengadilan tingkat pertama yang memutuskan perkara tersebut. *Ibid.*

⁸Permohonan Peninjauan Kembali (PK) diajukan tidak hanya atas ketidakpuasan terhadap putusan kasasi, tetapi terhadap putusan pengadilan yang telah memperoleh kekuatan hukum. Permohonan Peninjauan Kembali (PK) diajukan ke Mahkamah Agung. Lihat laman sesawang: http://id.wikipedia.org/wiki/Peninjauan_Kembali, dicapai pada 15 Hb Jun 2014.

⁹H. Abd. Hafiz, (Pengetua Jabatan Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 15 Januari 2014. Apabila salah satu pihak yang berperkara merasa bahawa putusan hakim tidak (belum) memenuhi rasa keadilan, para pihak dapat melakukan sanggahan atas putusan hakim pada tingkat pertama (I), untuk diperiksa kembali oleh pengadilan (peradilan) di tingkat yang lebih tinggi. Iaitu melalui : cara

tidak selesai di peringkat Mahkamah Syariah Aceh Besar ialah masalah kes penangguhan harta pusaka.

Berdasarkan beberapa kes tersebut, pengkaji merasakan perlunya kajian dilaksanakan dari beberapa sudut. Dari satu sudut pembahagian pusaka, Islam menggunakan sistem individu, hal ini bererti bahawa harta pusaka dapat dibahagikan untuk dimiliki secara perseorangan. Keseluruhan harta pusaka dapat dinyatakan dalam nilai tertentu yang boleh dibahagikan dan kemudian jumlah tersebut dibahagikan kepada setiap ahli waris yang berhak menerima menurut bahagian masing-masing.¹⁰

Sebahagian dari masyarakat Aceh beranggapan bahawa adalah tidak wajar membahagikan harta pusaka terlalu awal, kononnya “tanah kubur masih merah”. Jika terdapat salah seorang waris yang menyarankan agar pembahagian dan penyelesaian harta itu dibuat dengan segera, biasanya dia akan dipandang serong oleh waris-waris yang lain, dituduh sebagai tidak beradab, tidak menghormati si mati dan sebagainya. Untuk mengelakkan perkara ini, akhirnya semua waris mengambil sikap berdiam diri dan menanti-nanti bilakah perkara itu akan diselesaikan dan siapakah yang patut memulakannya.

Dalam kes penyelesaian harta pusaka ini umpamanya, masing-masing takut untuk bersuara, bertanyakan tentang harta pusaka nanti akan dituduh berkehendakkan harta, tamakkan harta. Justeru itu masing-masing membiarkan harta pusaka tersebut sehingga sekian lama tanpa menyelesaiannya. Dengan bersifat demikian, mereka telah mengabaikan tanggungjawab mereka untuk membahagikan pusaka, sekaligus mereka juga telah mengabaikan tuntutan agama supaya menyegerakan pembahagian pusaka.

hukum biasa iaitu Banding dan Kasasi oleh Mahkamah Agung dan cara hukum luar biasa iaitu Peninjauan Kembali (PK).

¹⁰ Ada beberapa berpendapat bahawa dilaksankannya hukum Pusaka Islam menyebabkan hartanah terbahagi menjadi bahagian yang tidak ekonomik. Abdul Mannan, *Teori dan Praktek Ekonomi Islam*, terj. M. Nastangin, (Yogjakarta: Dana Bhakti Wakaf, 1995), 141.

Oleh itu, penangguhan pembahagian harta pusaka boleh menimbulkan banyak permasalahan, antaranya hilangnya dokumen harta pusaka seperti surat tanah, surat perjanjian dan sebagainya, urusniaga hartanah tidak dapat dijalankan, wang pampasan pengambilan balik tanah tidak dapat dibayar kepada waris-waris, berbangkit isu pemilikan beramai-ramai keatas hartanah dan menyulitkan proses perbicaraan pembahagian pusaka.¹¹

Jika merujuk kepada hukum adat yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Aceh, pembahagian harta pusaka semestinya dilakukan setelah kematian. Pembahagian harta pusaka dilaksanakan apabila terdapat keadaan yang terdesak dan pembahagiannya dilaksanakan secara musyawarah dan kekeluargaan.¹²

Hal ini boleh menyebabkan terjadinya masalah di antara ahli waris apabila tidak disegerakan pembahagian harta pusaka, di mana ada salah satu atau lebih dari pihak ahli waris yang meninggal dunia, sehingga terjadi kematian berlapis dalam pembahagian harta pusaka dan terjadi kesamaran terhadap pemilikan.

Apabila pewaris meninggal dunia, proses pembahagian harta pusaka perlu segera dilakukan kerana ianya adalah *fard al-kifayah*, dan dalam pembahagian pusaka tersebut, Islam menganjurkan supaya menyegerakan pembahagian harta pusaka.

Berdasarkan kenyataan di atas, pengkaji merasakan perlu untuk melakukan kajian mengenai penangguhan pembahagian harta pusaka untuk mengetahui sejauh mana proses pembahagian harta pusaka, mengetahui kesan daripada penangguhan harta pusaka dan pandangan hukum Islam terhadap harta pusaka yang belum dibahagikan.

¹¹Satria, “Analisa Fiqh”, 131.

¹²Arskal Salim, *Praktek Penyelesaian Formal dan Informal Masalah Pertanahan, Kewarisan dan Perwalian Pasca Tsunami di Banda Aceh dan Aceh Besar*, (Laporan Penyelidikan, International Development Law Organization (IDLO), Post Tsunami Legal Assistance Initiative For Indonesia, “Laporan penelitian dan pencatatan Hukum adat tentang waris, harta serikat dan anak angkat di dalam lima daerah hukum Pengadilan Negeri dalam wilayah Pengadilan Tinggi Banda Aceh”, 2006.

1.2 Permasalahan Kajian

1. Bagaimanakah pembahagian harta pusaka dalam masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar?
2. Bagaimanakah pandangan hukum Islam terhadap pemilikan bersama pada harta yang belum dibahagikan?
3. Bagaimanakah kedudukan pegangan harta pusaka yang tertangguh?
4. Apakah faktor yang menyebabkan penangguhan pembahagian harta pusaka?
5. Bagaimanakah kesan daripada penangguhan pembahagian harta pusaka?

1.3 Objektif Kajian

1. Menjelaskan proses pembahagian harta pusaka yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar.
2. Menjelaskan pandangan hukum Islam bagi harta pusaka yang belum dibahagikan
3. Mengenalpasti kedudukan pegangan harta pusaka yang belum dibahagikan dalam kalangan masyarakat Islam di kabupaten Aceh Besar.
4. Mengenalpasti faktor penangguhan pembahagian harta pusaka yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar.
5. Mengenalpasti kesan daripada penangguhan pembahagian harta pusaka

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi penjelasan yang sebenar mengenai pembahagian harta pusaka kepada ahli waris. Segala penjelasan awal mengenai pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan apa yang telah digariskan oleh peruntukan syariah Islam.

Kajian ini dianggap penting bagi pihak yang berperan dalam masalah pembahagian harta pusaka kerana ianya menjelaskan proses pembahagian harta pusaka, faktor dan kesan penangguhan pembahagian harta pusaka dalam masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar. Hal ini kerana banyaknya kes-kes pertelingkahan di antara ahli waris dalam masalah harta pusaka yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Aceh Besar.

Secara khusus kajian ini dianggap penting bagi Institusi Mahkamah Syariah dalam memberikan maklumat terkini mengenai faktor dan kesan penangguhan pembahagian harta pusaka dalam masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar.

Hasil kajian ini diharapkan dapat menarik minat pengkaji lain untuk melakukan kajian yang lebih mendalam mengenai permasalahan yang berkaitan dengan amalan pembahagian harta pusaka dalam masyarakat Islam.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya bertumpu pada permasalahan penangguhan pembahagian harta pusaka dengan skop kajian terhadap kesan yang berlaku daripada penangguhan pembahagian harta pusaka.

Lokasi kajian ini dilaksanakan di kawasan Kabupaten Aceh Besar. Dalam hal ini pengkaji mengkhaskan pada kes penangguhan pembahagian harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah, Aceh Besar. Pemilihan daerah ini kerana banyak kes penangguhan pembahagian harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah Aceh Besar.

1.6 Ulasan Kajian Lepas

Secara amnya, kajian yang berkaitan dengan harta pusaka di Aceh agak sukar diperolehi berbanding dengan kajian yang berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan yang lain seperti perkahwinan, perceraian, nafkah, harta sepencarian dan lain-lain. Namun pengkaji telah menemui beberapa kajian yang berkaitan dengan tajuk pengkaji antaranya seperti berikut:

Berdasarkan kajian dan pembacaan yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai penangguhan pembahagian harta pusaka ini pernah dijalankan oleh pengkaji lain sebelum ini. Dalam sebuah disertasi yang ditulis oleh M. Syakroni (2000)¹³ bertajuk “Penundaan Pembagian Harta Pusaka dalam Perspektif Hukum Islam”, membincangkan tentang hukum dalam kes posisi kewarisan tentang perselisihan sesama ahli waris, yang mengakibatkan ada salah satu daripada ahli waris yang tidak berpuas hati dalam pemanfaatan harta pusaka dan pembahagian harta pusaka yang tertangguh. Kajian ini juga membincangkan tinjauan hukum Islam terhadap penangguhan pembahagian harta pusaka. Kemudian pengkaji juga menjelaskan dampak negatif daripada penangguhan pembahagian harta pusaka. Namun bagaimanapun, kajian ini lebih bersifat am dan hanya terfokus kepada kajian kepustakaan. Manakala dalam disertasi ini lebih memfokuskan terhadap kesan penangguhan berdasarkan kes-kes penangguhan pembahagian harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah di Aceh Besar.

Kemudian dua karya penulisan mengenai pembahagian harta pusaka di Aceh Besar ialah dalam jurnal “*KANUN*” terdapat sebuah kajian yang dilakukan oleh M. Jafar

¹³M. Syakroni, “Penundaan Pembagian Harta Pusaka Dalam Perspektif Islam”, (Disertasi Sarjana Syariah, Fakulti Syariah, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2000).

(2009)¹⁴ yang bertajuk “Pola Kewarisan Pada Masyarakat Aceh Di Kabupaten Aceh Besar” membincangkan tentang cara-cara yang digunakan dalam pembahagian harta pusaka di Kabupaten Aceh Besar. Secara amnya pembahagian harta pusaka dalam masyarakat Aceh tidak terlepas dari dua aturan hukum iaitu hukum Islam dan hukum adat. Walaupun hukum Islam telah mengatur mengenai pembahagian harta secara sempurna, namun bagi masyarakat Islam di Kabupaten Aceh besar aturan tersebut belum dilaksanakan secara sempurna. Dalam kajian ini juga disebutkan dalam masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar pembahagian harta pusaka masih mengikut pada hukum adat. Hukum pusaka Islam hanya diaplikasikan pada bahagian tertentu sahaja, seperti penentuan golongan ahli waris, manakala penetapan dari jumlah ataupun bahagian yang diterima oleh ahli waris masih merujuk kepada hukum adat.

Seterusnya kajian M. Yusuf Hasan (1999)¹⁵ menjelaskan tentang sistem pembahagian kekeluargaan kepada tiga, iaitu pertama, sistem *patrilineal* (sistem kekeluargaan yang didasarkan pada sebelah bapa), dalam sistem ini kedudukan lelaki lebih dominan pengaruhnya daripada perempuan dalam sistem pewarisan. Kedua, sistem *matrilineal* (sistem kekeluargaan yang didasarkan pada sebelah ibu), dalam masyarakat ini kedudukan perempuan lebih dominan pengaruhnya daripada lelaki, begitu juga dalam sistem pewarisan harta pusaka. Model masyarakat ini ditemui di Minangkabau, Engganau dan Timor-timor. Ketiga ialah sistem *parental* atau *bilateral* (sistem kekeluargaan yang didasarkan kepada kedua orang tua). Sistem kekeluargaan *parental* atau *bilateral* inilah yang banyak dijumpai di Indonesia, seperti di Aceh, Jawa, Kalimantan, Lombok, Sulawesi, Sumatra Selatan dan Timur serta Ternate. Kemudian, sesuai dengan sistem kekeluargaan

¹⁴M. Jafar, “Pola Pewarisan Pada Masyarakat Aceh Di Kabupaten Aceh Besar” *Jurnal Ilmu Hukum*, No. 46, April 2009, Fakultas Hukum, Universitas Syiah Kuala, Darussalam Banda Aceh.

¹⁵M. Yusuf Hasan, “Kecenderungan Pembahagian Pusaka Dalam Masyarakat Aceh Besar” *Jurnal Ilmu Hukum*, No. 24, Disember 1999, Fakultas Hukum, Universitas Syiah Kuala, Darussalam Banda Aceh.

parental yang dilaksanakan oleh masyarakat Islam di Aceh, maka sistem mempusakai mengikut kewarisan secara *bilateral*. Dengan demikian yang menjadi ahli waris mereka ialah dari keturunan lelaki dan dari keturunan perempuan termasuk suami atau isteri yang sepenuhnya berpedoman pada ketentuan hukum pusaka Islam. Dalam kajian ini juga dijelaskan tentang pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Pembahagian dan pemecahan harta pusaka biasanya dilakukan setelah berlalunya masa berkabung, iaitu 44 hari atau 100 hari setelah meninggalnya si pewaris. Walaubagaimanapun, masih banyak masyarakat yang menangguhkan pembahagian harta pusaka mereka.

Selanjutnya kajian-kajian yang membincangkan mengenai hukum adat dan hukum Islam serta undang-undang yang berlaku di Indonesia, antarnya ialah karya yang ditulis oleh Dr. Syahrizal¹⁶, menganalisis tentang hubungan antara hukum adat dan Islam dalam perspektif historis dan sosiologis, terutama berkaitan dengan hukum pusaka di Aceh. Dalam kajian ini juga dijelaskan bagaimana hukum Islam melibatkan hukum adat atau praktik adat dalam perumusan hukum Islam, dan bagaimana prinsip pusaka adat dan hukum Islam boleh disatupadukan, sehingga terciptanya hubungan yang bersesuaian antara keduanya.

Kemudian karya Satria Effendi M. Zein dalam Jurnal “*Mimbar Hukum*” yang bertajuk “Analisa Fiqh terhadap Perundangan tentang Kewarisan” menjelaskan tentang penyesuaian hukum fiqh terhadap keputusan kes kewarisan yang berdaftar di Pengadilan Negeri dan Mahkamah Syariah. Antaranya kes insuren pewaris, kes ahli waris pengganti dan juga kes kematian berlapis (*al-munasakhah*). Namun bagaimanapun, dalam kajian ini

¹⁶Syahrizal, *Hukum Adat dan Hukum Islam Di Indonesia; Refleksi Terhadap Beberapa Bentuk Integrasi Hukum Dalam Bidang Kewarisan di Aceh*, Batuphat: Nadiya Foundation, 2004.

hanya mengkaji terhadap keputusan hakim dalam kes tertentu dan disesuaikan dengan hukum Islam.

Selanjutnya sebuah karya yang bertajuk “Urus Harta Sebelum Mati”¹⁷ dan “RM 42 Billion Pusaka Belum Dituntut?”¹⁸ ditulis oleh Ghazali Ibrahim membincangkan tentang permasalahan pusaka di kalangan umat Islam yang berlaku hari ini atau boleh diterjemahkan sebagai fitnah harta. Dalam karya ini terdapat perancangan harta pusaka dengan mengambil langkah menulis surat wasiat pentadbiran pusaka atau menulis surat pengisyiharan hibah ataupun menulis surat pengisyiharan harta sepencarian. Selain itu, juga disebutkan bagaimana cara mengurus harta pusaka dan implikasi tidak mengurus harta dengan sebaik.

Karya yang dihasilkan oleh Sajuti Thalib (1982),¹⁹ Moh. Muhibbin dan Abdul Wahid (2009)²⁰ dan Zainuddin Ali (2008)²¹ bertajuk, “Pelaksanaan Hukum Waris di Indonesia”. Seperti kajian berkenaan dengan Pusaka Islam yang lain, ia juga tidak banyak berbeza. Bagaimanapun, suatu kelainan yang terdapat pada kajian ini ialah ia memuatkan sebab-sebab turunnya ayat-ayat al-Qur'an yang berhubung dengan pusaka. Pada awal kajian beliau membahas mengenai sistem kewarisan di Indonesia. Kemudian ianya menjelaskan sejarah perkembangan Undang-undang agama di Indonesia dan Kompilasi Hukum Islam (KHI). Walaubagaimanapun, dari kajian ini pengkaji mendapat maklumat mengenai sejarah KHI dan perundangan yang berlaku di Indonesia. Meskipun demikian, ia tidak membincangkan mengenai permasalahan penangguhan harta pusaka sebagaimana tajuk penyelidikan ini.

¹⁷Ghazali Ibrahim, *Urus Harta Sebelum Mati*, (Kuala Lumpur: Mustread, 2008).

¹⁸Ghazali Ibrahim, *RM 42 Billion Pusaka Belum Dituntut*, ed. ke-2, (Kuala Lumpur: Inteampublishing, 2011).

¹⁹Sajuti Thalib, *Hukum Kewarisan Islam di Indonesia*, (Jakarta: PT Bina Aksara, 1982).

²⁰Moh. Muhibuddin dan Abdul Wahid, *Hukum Kewarisan Islam Sebagai Pembaharuan Hukum Positif di Indonesia*, (Jakarta: PT. Sinar Grafika, 2009).

²¹Zainuddin Ali, *Pelaksanaan Hukum Waris di Indonesia*, (Jakarta: PT.Sinar Grafika, 2008).

Kemudian dalam artikel yang ditulis oleh Amir Syarifuddin (1999),²² beliau membincangkan tentang sejarah perkembangan hukum pusaka di Indonesia sebelum dan selepas kemerdekaan. Dalam kertas kerja ini terdapat tiga cara yang dilakukan dalam penyelesaian masalah harta pusaka dalam kalangan masyarakat Indonesia iaitu pertama, hukum sivil barat yang dikenal dengan Kitab Undang-Undang Hukum Perdata (KUHP). Kedua, hukum adat yang pelbagai bentuknya. Dan ketiga, hukum Islam atau *fara'id*. Dalam perkembangannya, hukum *fara'id* dikuatkuasakan sebagai hukum positif dan hukum yang diterapkan dalam kalangan masyarakat Indonesia asli. Namun dalam pelaksanaan hukum pusaka di Indonesia tertumpu kepada Kompilasi Hukum Islam (KHI). Walau bagaimanapun, tulisan ini hanya menfokuskan kepada sejarah perkembangan hukum pusaka di Indonesia tanpa menyentuh apa-apa permasalahan yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka.

Sementara itu, karya yang bertajuk “Hukum Kewarisan Bilateral menurut Qur'an dan Hadith” oleh Hazairin (1982),²³ merupakan suatu pemikiran untuk menghuraikan hukum kewarisan dalam al-Qur'an dan al-Hadith secara bilateral. Satu perkara yang menarik dalam karya tersebut ialah beliau menyentuh persoalan hubungan ekonomi yang perlu dihubungkaitkan dengan hukum pusaka Islam. Oleh itu, beliau juga menyarankan kepada sarjana-sarjana ekonomi yang juga ahli dalam ajaran-ajaran al-Qur'an untuk membincangkan hal ini dari aspek kemasyarakatan dan hasil usaha individu serta kedudukan milik dalam lingkungan hajat perseorangan dan dalam lingkungan hajat kemasyarakatan.

²²Amir Syarifuddin, “Hukum Kewarisan Di Indonesia”, (Isu Syariah dan Undang-undang siri 6, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999).

²³Hazairin, *Hukum Kewarisan Bilateral Menurut Qur'an dan Hadits*, (Jakarta: PT. Tinta mas, 1982).

Terdapat juga kajian dalam bentuk disertasi yang ditulis oleh Yulia Hidayat (2009)²⁴ bertajuk “Tanggungjawab Ahli Waris Terhadap Hutang Pewaris Ditinjau Dari Hukum Waris Islam”. Disertasi ini membincangkan mengenai hak dan kewajipan ahli waris terhadap harta peninggalan pewaris. Masalah utama daripada kajian ini ialah untuk mengenalpasti sejauhmana tanggungjawab ahli waris apabila jumlah hutang pewaris lebih besar daripada harta peninggalan pewaris.

Kajian mengenai pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia yang telah banyak dilakukan, antaranya Abdul Shakor bin Borham (1999),²⁵ Jasni Sulong (2000),²⁶ Rafidah binti Mohamad Khushairi (2004),²⁷ Saharuddin Bin Selamat (2008),²⁸ membincangkan tentang isu-isu pengurusan pembahagian harta pusaka di Malaysia. Kajian-kajian tersebut mengkaji beberapa perkara antaranya kedudukan harta, pentadbirannya oleh agensi pentadbir harta pusaka seperti Pejabat Tanah, Amanah Raya Berhad, Unit pembahagian Pusaka Kecil, Mahkamah Syariah dan Mahkamah tinggi di samping turut membincangkan prosedur yang dipakai dalam mentadbir harta pusaka tersebut.

Pada tahun 1988, hasil pembentangan dalam seminar *faraid* peringkat kebangsaan anjuran UKM, Ridzuan Awang telah menyunting sebuah buku yang bertajuk “*Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia*”. Buku ini telah menjadi antara rujukan utama kepada kajian-kajian selepasnya kerana telah menghuraikan secara

²⁴Yulia Hidayat, “Tanggungjawab Ahli Waris Terhadap Hutang Pewaris Ditinjau Dari Hukum Waris Islam”, (Disertasi Magister Kenotariatan, Fakultas Hukum, Universiti Indonesia, 2009).

²⁵Abdul Shakor bin Borham, “Amalan Pembahagian Harta Pusaka Orang-orang Islam di Daerah Muar, Johor”, (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999).

²⁶Jasni Sulong, “Bidangkuasa Mahkamah Syariah Dalam Pentadbiran Pusaka Di Malaysia”, (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000).

²⁷Rafidah binti Mohamad Khushairi, “Isu-isu Pengurusan Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam Di Malaysia; Suatu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”, (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

²⁸Saharuddin Bin Selamat, “Isu-isu dalam pembahagian Harta Pusaka di Mahkamah Syariah Negeri Selangor”, (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

menyeluruh aspek hukum syarak, perundangan dan amalan dalam pentadbiran harta pusaka dengan menghimpunkan penulis-penulis dari pelbagai latarbelakang dan kepakaran.

Selanjutnya Nasri Naiimi (2009)²⁹ dalam tesisnya yang bertajuk “Pengurusan Harta *Faraid* Oleh Pewaris Melalui Pembentukan *Sharikah*: Satu Kajian Terhadap *Sharikah Keluarga*” menjelaskan mengenai *sharikah* keluarga atau *holding* yang menjadikan harta pusaka sebagai satu aset kepentingan bersama. Dengan lain perkataan, harta tersebut tidak dipecah-pecahkan kepada ahli waris, akan tetapi harta tersebut dikenalkan menjadi satu kesatuan, di mana ahli waris akan mendapat manfaat secara syer atau saham mengikut hak masing-masing yang membolehkan harta tersebut kekal dan memberi manfaat yang lebih untuk semua ahli waris dalam masa terdekat mahupun dalam jangka masa panjang. Kemudian dalam tesis ini juga disebutkan wujudnya permasalahan yang kerap terjadi dalam mengekalkan harta tersebut menjadi satu kesatuan. Beliau juga menjelaskan mengenai konsep *sharikah* yang terdiri dari pengenalan, pembahagian *sharikah* menurut mazhab, pengurusan harta pusaka melalui pembentukan *sharikah* dan pengaplikasian *sharikah* bentuk baru menurut fiqh Islam dalam pengurusan harta pusaka. Dan untuk mendalami pembahasan tersebut beliau membuat kajian lapangan terhadap lapan buah *sharikah* keluarga untuk mengakaji maklumat-maklumat am *sharikah* terbabit.

Seterusnya dalam disertasi oleh Mohd. Mansor Bin Hj. Daod (1996)³⁰ yang bertajuk “*Konflik antara Dhaw al-Arhām dan Bayt al-māl dalam Pembahagian Pusaka Islam-Suatu Kajian di Negeri Kelantan*”, menjelaskan masalah pembahagian lebihan pusaka dalam sistem pusaka Islam, di mana terdapat perbezaan pendapat ulama dalam

²⁹Nasri Naiimi, “Pengurusan Harta *Farāid* Oleh Pewaris Melalui Pembentukan Syarikah: Satu Kajian Terhadap Syarikah Keluarga”, (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2009).

³⁰Mohd. Mansor Bin Hj. Daod, “Konflik Antara *Dhaw al-Arhām* dan *Bayt al-Māl* Dalam Pembahagian Pusaka Islam; suatu kajian di Negeri Kelantan”. (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1996).

menentukan siapakah di antara *dhaw al-Arhām* dan *bayt al-māl* yang berhak menerima lebihan pusaka tersebut. Kemudian apa yang berlaku dalam masyarakat hari ini, mereka membuat keputusan sendiri iaitu dengan memberikan lebihan harta kepada *dhaw al-Arhām* semasa mereka masih hidup bagi mengelakkan lebihan pusaka diserahkan kepada *bayt al-māl*. Dalam disertasi ini juga dijelaskan bahawa sistem pembahagian harta pusaka yang diamalkan di negeri Kelantan, terutama mengenai pembahagian lebihan harta pusaka tidak begitu tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak, ini adalah kerana lebihan pusaka diserahkan terus kepada *bayt al-māl*, sedangkan *bayt al-māl* tidak benar-benar berfungsi sepertimana *bayt al-māl* Islam, oleh itu lebihan pusaka hendaklah diserahkan kepada *dhaw al-Arhām*. Apabila lebihan pusaka hendak diserahkan kepada *bayt al-māl*, maka pihak bertanggungjawab mesti memperkemaskan pengurusan dan pelaksanaaan *bayt al-māl* sebagaimana *bayt al-māl* Islam.

Terdapat juga pembahasan yang bertajuk “Pemakaian Doktrin *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* Dalam Hukum *farā'id*”³¹ yang ditulis oleh Jasni Sulong dan Faisal Husen Ismail. Dalam tulisan ini penulis membincangkan pemakaian doktrin *al-maṣāliḥ al-mursalah* terhadap masalah tertentu dalam hukum *farā'id*. Penulis juga menjelaskan dalam pembahagian harta pusaka mestilah melibatkan perkara *ijtihadi* sebagai pertimbangan *maṣlaḥah* kepada ahli waris. *Maṣlaḥah* ini hendaklah mempunyai hubungan dengan semangat nas syarak sama ada yang merujuk kepada keutamaan waris atau merujuk kepada hikmah atau rahsia di sebalik pensyari'atan hukum. Sehingga lahirlah pandangan yang mengutamakan *maṣlaḥah* kepada waris terdekat seperti memberi *rad* kepada waris *fard* dan *dhaw al-Arhām*, menjadikan saudara mewarisi bersama datuk, begitu juga saudara seibu sebaik dapat mewarisi bersama saudara seibu (*al-mushārakah*) dan waris *dhaw al-Arhām*.

³¹ Jasni Sulong dan Faisal Husen Ismail, “Pemakaian Doktrin *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* Dalam Hukum *Farā'id*”, *Jurnal Syariah*, Jil. 1, Bil. 1, Akademi Pengajian Syariah Universiti Malaya, 2011.

diutamakan daripada *bayt al-māl*. Kemudian penulis menjelaskan bahawa jaminan *maslahah* juga ke atas waris jauh yang terhalang daripada menerima harta pusaka menerusi mekanisme pindah milik harta melalui kaedah wasiat dan hibah.

Pembahasan-pembahasan tentang Pusaka Islam juga boleh di dapati dalam karya berbahasa Arab. Di antaranya ialah “al-Mawārīth fī al-Shari’ah al-Islāmiyah fī Ḥaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah” yang dikarang oleh Muḥammad ‘Alī al-Šabūnī. Karya yang berjudul “Ilm al-Mawārīth : al-Rahabiyyah fī ‘Ilm al-Farā’id” dikarang oleh Muṣṭafā Dīb al-Bughā. Seterusnya, karya yang bertajuk: “Ahkām al-Mawārīth dirāsah taṭbiqiyah” dikarang oleh Muḥammad Tāhā Abu al-‘Ala Khalīfah. Kemudian karya “al-Mīrāṭ wa al-Waṣhiyyah bain al-Shari’ah wa al-Qānūn” ditulis oleh Ṣalāh Sulṭhān. Muḥammad Aḥmad al-Khuwailī dalam karyanya yang berjudul “al-Tahzīb fī ‘ilmī al-Farā’id wa al-Waṣāya”, diikuti dengan karya yang bertajuk, “al-Mīrāṭ ‘ala al-Madhāhib al-Arba’ah : Dirāsah wa Taṭbiqa” dikarang oleh Ḥusayn Yūsuf Ghazāl.

Tidak dinafikan bahawa pengarang-pengarang ini dalam beberapa keadaan tertentu menyediakan kepada pembaca dengan maklumat-maklumat yang kaya tentang sumber-sumber utama khususnya dari hasil-hasil kerja ulama fiqh silam daripada pelbagai mazhab fiqh yang utama. Kesemua karya-karya yang disebutkan di atas secara amnya membahas secara terperinci mengenai teori-teori asas pusaka yang membabitkan antara lainnya persoalan mengenai jenis ahli-ahli waris yang layak mempusakai harta tersebut, bahagian saham yang telah ditetapkan oleh syarak ke atas mereka, istilah-istilah dan konsep-konsep penting dalam ilmu ini serta kaedah-kaedah khusus bagi pengecualian kepada kaedah asal dalam pembahagian harta tersebut disebabkan keadaan tertentu. Namun demikian, tiada satupun dari karya-karya tersebut yang membahas isu mengenai penangguhan pembahagian harta pusaka dalam masyarakat Islam.

1.7 Metodologi Kajian

Penyelidikan ini adalah penyelidikan kualitatif³² yang bersifat deskriptif analitikal dengan menerapkan metode penyelidikan lapangan. Melalui penyelidikan ini dapat digambarkan secara lengkap kesan penangguhan pembahagian harta pusaka dalam masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar. Oleh itu, kunci utama dalam pelaksanaan penyelidikan lapangan adalah melalui pendekatan pengamatan langsung ke lapangan (*field participation observation*) disertai dengan *oral history*³³ untuk mengulas lebih lanjut mengenai sejarah kehidupan yang relevan dengan tajuk penyelidikan. Pengamatan akan diarahkan pada fenomena-fenomena umum yang terkait dengan keadaan sosial dan budaya di daerah penyelidikan, khususnya yang berhubung langsung dengan tajuk penyelidikan.

Dalam penyelidikan ini pada dasarnya pengkaji menggabungkan dua kaedah kajian, iaitu melalui di dalam pengumpulan data dan menganalisis data, iaitu:

A. Metodologi Pengumpulan Data

Dalam pengumpulan dan pencarian data, kaedah pengumpulan data terbagi kepada dua bahagian iaitu data sekunder dan data primer.

1. Data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat awal mengenai gambaran umum tentang penangguhan pembahagian harta pusaka dan mengenalpasti pandangan-pandangan sarjana mengenai kesan penangguhan pembahagian harta yang meliputi pengertian

³²Penyelidikan kualitatif menurut Bogdan dan Taylor sebagaimana yang dikutip Moleong menyatakan sebagai suatu prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang dapat diamati. Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, (Bandung: Remaja Rosdakarya, 2008), 4.

³³Oral history adalah pengumpulan dan analisis informasi yang berkaitan dengan peristiwa masal lalu yang pernah dialami langsung oleh saksi mata dengan tujuan untuk merekonstruksi sejarah. Sila lihat Michael Bloor and Fiona Wood, *Keywords and Qualitative Methods A Vocabulary of Research Concepts*, (London: SAGE, 2006), 125-127.

penangguhan dari sudut bahasa, dari sudut istilah syarak serta hukum adat dan penangguhan harta pusaka dalam undang-undang pusaka Indonesia, maka pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan.

Kaedah ini akan dilaksanakan dengan cara mengumpulkan bahan-bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk kajian. Melalui kaedah ini, sumber-sumber primer dan sekunder akan dikaji. Ianya akan melibatkan kajian terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, risalah-risalah, kertas kerja ilmiah, artikel ilmiah, akhbar, jurnal dan data-data yang berkaitan dengan kajian sebagai rujukan.

Setelah semua data serta maklumat yang dikehendaki dikumpulkan, kesemua maklumat tersebut akan dikaji dan dianalisis supaya ianya menepati dan bersesuaian dengan keperluan kajian.

2. Data Primer

Kajian ini akan merupakan kajian lapangan secara langsung sesuai dengan tajuk yang dipilih untuk dibuat kajian. Oleh yang demikian untuk mendapatkan ketepatan data dan juga maklumat, pemerhatian ke tempat yang dikaji telah dibuat iaitu dalam kalangan masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar. Untuk mendapatkan data primer, pengkaji menggunakan menggunakan tiga metod yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan dalam mengupas data-data yang diperlukan dalam penyelidikan ini:

1) Kaedah Dokumentasi

Kaedah ini lebih tertumpu kepada data-data yang ada di lapangan, terutama data-data yang tidak diterbitkan yang terdapat di objek yang dikaji. Data-data tersebut termasuklah Enakmen ataupun Akta yang terdapat di dalam Undang-undang Keluarga Islam khususnya, Kompilasi Hukum Islam di Indonesia, Hukum adat Aceh dan juga rekod-rekod mengenai penangguhan pembahagian harta pusaka yang terdapat di pejabat Mahkamah Syariah di Kabupaten Aceh Besar.

2) Kaedah Temu bual

Temu bual ini dimaksudkan ialah menemubual individu-individu tertentu terutama yang berautoriti di dalam satu-satu bidang dalam penelitian ini, bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan yang spesifik daripada responden.³⁴

Kajian ini telah memilih beberapa individu untuk ditemu bual iaitu dari kepala desa, Imam masjid, dan majelis adat Aceh, ianya digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan terutama mengenai pelaksanaan pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat Islam Kabupaten Aceh Besar. Bagi tujuan untuk mengenalpasti masalah yang sentiasa dihadapi oleh responden dan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut, maka pengkaji juga menemubual pihak Mahkamah Syariah yang terdiri dari Pengetua dan Pegawai Mahkamah Syariah Aceh Besar.

³⁴Che Zarina Sa'ari, “*Kaedah Penyelidikan Lanjutan*” (Kertas kursus, Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 22 julai 2009), 3-6.

Sebelum proses jawapan bermula, pengkaji telah merancang soalan tertentu berdasarkan tema yang telah dirancang lebih awal untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Jawaban tematik juga dikenali dengan jawapan tanpa struktur ini,³⁵ dilakukan untuk menghasilkan suatu keadaan yang fleksibel dan bebas, yang memungkinkan pengkaji mengemukakan soalan-soalan yang berbangkit daripada jawapan-jawapan orang yang ditemuduga.

3) Observasi

Observasi dibuat bagi melihat sendiri perjalanan prosedur permohonan yang didaftarkan, perbicaraan yang berjalan sehingga keputusan kes tersebut dibuat. Untuk itu, pengkaji memohon secara rasmi daripada Pegawai Mahkamah Syariah Aceh Besar supaya membenarkan pengkaji menghadiri perbicaraan yang berlangsung. Ini membolehkan pengkaji melihat sendiri prosedur yang dijalankan oleh Pegawai Mahkamah Syariah dalam mengendalikan pembahagian harta pusaka.

B. Metodologi Analisis Data

Data-data yang diperolehi melalui temu bual memberikan informasi yang amat penting dalam kajian ini. Data-data temu bual pada keseluruhannya akan dipersembahkan dalam bentuk transkripsi penulisan, yang pada umumnya pemakaian kaedah ini melibatkan pada bab keempat. Manakala data-data yang telah diperolehi kemudian diproses menggunakan metode-metode berikut :

1. Metode Induktif

Kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan maklumat secara berkelanjutan untuk membuat suatu kesimpulan umum dengan memasukkan bukti-bukti khusus

³⁵Idris Awang , “Penyelidikan; Amalan dalam Pengajaran Islam”, (Shah Alam; Kamil dan Syakir Sdn. Bhd., 2009), 71.

yang diperoleh dari sumber data. Kaedah ini digunakan semasa menganalisis mengenai proses pembahagian harta pusaka samada telah menepati syariat Islam atau belum dan mengenalpasti kesan penanganuan pembahagian harta pusaka di Kabupaten Aceh Besar. Iaitu pada bab empat, kesan penanganuan pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar.

2. Metode Deduktif

Kaedah ini juga secara ringkasnya boleh disimpulkan atau rumusan umum kepada kes-kes yang khusus. Dalam hal ini pembentukan kesimpulan akan dilakukan berdasarkan kepada satu teori atau konsep harta pusaka dalam perspektif Islam yang menjadi landasan asas. Konsep harta pusaka dalam perspektif Islam iaitu memberikan atau menyampaikan hak kepada ahli waris yang berhak mendapatkan harta pusaka.

1.8 Sistematika Kajian

Kajian ini terdiri dari lima bab. Manakala bab satu dimula dari Pendahuluan, Latar belakang masalah dan seterusnya dengan permasalahan Kajian, Objektif Kajian, Kepentingan Kajian, Skop kajian, Teori Kajian, Kajian Lepas Metodologi kajian serta Sistematika Kajian.

Bab kedua membincangkan tentang kajian dasar hukum Islam mengenai harta pusaka. Dalam pembahasan ini terdiri dari empat item. *Pertama*, meliputi Pendahuluan, *kedua* Sistem Pusaka Islam yang terdiri dari pengertian pusaka dalam Islam, dalil-dalil penyari'atan pusaka, rukun-rukun pusaka, syarat-syarat pusaka, sebab-sebab penerimaan pusaka, sebab-sebab yang menghalangi seseorang menerima pusaka, Konsep harta peninggalan (*al-Tirkah*). *Ketiga*, Asas-asas hukum pusaka Islam yang meliput Asas *Ijbārī*,

Asas Bilateral, Asas Individu, Asas Keadilan dan Asas Akibat kematian. Dan *keempat*, Penangguhan Pembahagian Harta Pusaka dalam Pandangan Islam.

Bab ketiga, ulasan umum mengenai Sistem Pusaka di Indonesia dan Pelaksanaannya di Aceh. Pembahasan ini akan dibahagikan kepada: Pendahuluan, Sistem Pusaka di Indonesia, Peruntukan Pusaka dalam Undang-undang Pentadbiran Keluarga Indonesia, dan Pelaksanaan Pembahagian Harta Pusaka di Aceh.

Bab keempat, pembahasan mengenai analisis kesan penangguhan pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar. Bab ini mengandungiuraian tentang pengenalan kawasan kajian, penanganan pembahagian harta pusaka, kedudukan pegangan harta pusaka yang belum dibahagikan dan faktor-faktor terjadinya penangguhan serta analisis kesan pembahagian harta pusaka sama ada kesan daripada segi hukum syarak mahupun kesan daripada segi sosio-ekonomi dalam masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar.

Bab kelima merupakan penutup iaitu kesimpulan, serta saranan dan cadangan.

BAB II

KONSEP DASAR DAN ASAS HUKUM PUSAKA ISLAM

2.1 Pendahuluan

Islam merupakan agama yang adil dan sempurna. Ianya mengandungi pelbagai peraturan dan ketetapan bagi mengatur kehidupan manusia yang lebih teratur. Antaranya mengadakan sistem bermuamalat yang sempurna dan termasuklah sistem pembahagian harta pusaka atau *farā'iḍ*.

Sistem pembahagian pusaka Islam yang dikenali sebagai sistem *farā'iḍ* merupakan suatu sistem pembahagian yang terbaik dalam kaedah pembahagian harta. Ia merupakan suatu ketetapan daripada Allah SWT yang telah dinyatakan dalam al-Qur'an dan al-Hadīth Nabi SAW.³⁶ Ianya merupakan suatu sistem yang adil dan teratur yang tidak terdapat di dalam amalan agama-agama lain. Bahkan sistem pusaka Islam mempunyai kualiti yang tinggi melebihi dari sistem pusaka di luar Islam.³⁷

Allah SWT telah mengatur sistem *farā'iḍ* ini dengan menetapkan kadar dan penerimanya.³⁸ Dalam penentuannya, Islam telah menentukan kadar yang lebih kepada golongan lelaki berbanding golongan perempuan. Ini kerana tanggungjawab yang diamanahkan kepada golongan lelaki lebih berat berbanding golongan perempuan.³⁹ Mereka diwajibkan membayar mas kahwin dan menanggung segala nafkah hidup keluarganya. Mereka juga menjadi pelindung kepada golongan perempuan daripada

³⁶ Abd. Karīm Zaidān, *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syari'ah al-Islāmiyah* (Baghdād: Muassasah al- Risālah, 1989), 209.

³⁷ Fatchur Rahman, *Ilmu Waris*, Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1988), 22-23. Sebagaimana kutipan dari Outlines of Muhammadan Law, Asaf A.A. Fyzee, 329; *Pokok-pokok Hukum Islam*, terj. Arifin Bey M.A., j. 2, 232.

³⁸ Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, ed. ke-4, (Damsyik: Dār al-Fikr, 2006), 10:7697

³⁹ Hamka, *Kedudukan Wanita dalam Islam*, (Kuala Lumpur: Penerbit Utisan Melayu, 1975), 215.

sebarang bentuk penindasan.⁴⁰ Bagi golongan perempuan, selain daripada mendapat bahagian pusaka mereka mendapat nafkah atau perbelanjaan hidup yang dipertanggungjawabkan ke atas golongan lelaki. Di samping itu, mereka juga tidak diwajibkan menanggung sara hidup diri dan keluarga kerana segala kewajipan tersebut akan ditanggung oleh bapanya. Setelah mereka berkahwin, kewajipan tersebut akan ditanggung oleh suaminya. Dalam menentukan penerimanya, Islam menentukan mereka yang mempunyai hubungan darah dan perkahwinan yang sah dengan si mati berhak menerima harta tersebut tanpa membezakan hak di antara golongan lelaki dan golongan perempuan.

Selanjutnya pembahagian harta pusaka bukanlah berdasarkan kepada kepentingan ahli waris tertentu tetapi berdasarkan kepada keadilan tanpa melihat kepada kedudukan, pangkat dan harta seseorang. Apabila berlaku kematian, ahli-ahli waris yang sah akan menerima harta-harta peninggalan si mati mengikuti kadar yang telah ditetapkan.⁴¹ Dengan kaedah pembahagian yang adil dan teratur, sistem *farā'iḍ* bukan sahaja memperkuatkan ikatan kekeluargaan, akan tetapi menjamin umatnya sentiasa hidup bahagia serta mengelakkan kesukuan dan kekeluargaan yang boleh membawa kepada perpecahan dalam kalangan ahli keluarga.⁴²

⁴⁰*Ibid.*

⁴¹ Abd. Karīm Zaidān, “*al-Madkhāl li Dirāsah al-Syari‘ah al-Islamiyah*”, 221.

⁴² Badrān Abu al-‘Aynayn Badrān, *Ahkām al-tarikah wa al-Mawāarith fi al-Syari‘ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*, (al-Qāherah: Dār al-Ma‘ārif, 1981), 1: 31; Yāsin Ahmad Ibrāhim al-Darādikah, *al-Mīrāth fi al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, ed. ke-5, (Bairūt: Mu’assasah al-Risālah, 1998), 57.

2.2 Pengertian Pusaka dalam Islam

Harta pusaka mengikut *Kamus Dewan* ialah segala harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang meninggal dunia untuk diwarisi oleh keluarganya.⁴³ Harta pusaka ini juga dikenali sebagai harta pusaka atau peninggalan dan dalam bahasa Arab disebut sebagai *tarikah* atau *tirkah* yang berasal dari perkataan *taraka* yang bermaksud meninggalkan sesuatu di belakang seperti si mati meninggalkan harta peninggalannya dan perkataan jamaknya ialah *tarikah*.⁴⁴ Ia juga mempunyai persamaan maksud dengan perkataan *al-irth* yang timbul dari perkataan asal *waritha* dan harta peninggalan orang yang telah meninggal dunia itu disebut sebagai *al-mirāth*.⁴⁵ *al-mirāth* secara bahasa dapat terbagi kepada dua makna⁴⁶; pertama, *al-baqā'* iaitu sesuatu yang tetap, dan juga telah disebutkan salah satu daripada sifat Allah SWT ialah *al-wārith* yang bermakna kekal.

Menurut Wahbah al-Zuhaili, *mirāth* ialah suatu kaedah dalam ilmu fiqh yang berhubungkait dengan urusan pembahagian ke atas harta peninggalan si mati kepada setiap ahli waris. Ia merupakan suatu ketetapan yang mesti dilaksanakan dengan kadar pembahagian daripada Allah SWT.⁴⁷

Hukum pusaka Islam juga dikenal istilah *al-farā'id*, iaitu masalah-masalah yang berhubungkait dengan pembahagian harta pusaka. Kata *al-farā'id* ini ialah bentuk jamak daripada kata *al-fari'dah* yang bermakna *al-mafrūdah* atau sesuatu yang diwajibkan. Atau

⁴³Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 5, entri “harta pusaka”.

⁴⁴Wazīrah al-Awqāf wa Syu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. (Kuwait: Matba'ah al-Mausū'iyyah al-Fiqhiyyah, 1988), 11: 206.

⁴⁵Ibn Manzūr, Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad Mukarram, *Lisān al-'Arab*. (Bairūt : Dār Sader, 1994) 8: 200-201; Wazīrah al-Awqāf wa Syu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 3:17.

⁴⁶Muhammad Mahyuddin Abd al-Hamid, *Aḥkām al-Mawārith fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah 'ala mazāhib al-Aimma'* (Bairūt : al-Maktabah al-'Asriyah, 1991), 7.

⁴⁷Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 10:7697.

dertiakan juga sesuatu yang telah ditentukan kadarnya.⁴⁸ Sedangkan menurut bahasa, kata *al-farīdah* diambil daripada kata *al-fard* atau kewajipan yang memiliki dua makna, iaitu:⁴⁹

1. Secara etimologi, antaranya sebagai berikut:

- a. *Al-Qat*, iaitu ketetapan atau kepastian;
- b. *Al-Taqdir*, iaitu suatu ketetapan;
- c. *Al-Inzāl*, iaitu menurunkan;
- d. *Al-Tabyīn*, iaitu penjelasan;
- e. *Al-Ihlāl*, iaitu penghalalan;
- f. *Al-‘Athā’* iaitu pemberian;

Keenam erti tersebut dapat digunakan seluruhnya kerana ilmu *farā’id* meliputi beberapa bahagian kepemilikan yang telah ditentukan secara tetap dan pasti.

2. Secara terminologi, ada beberapa definisi ilmu *farā’id* seperti berikut:

- a. Penetapan bahagian pusaka bagi ahli waris berdasarkan ketentuan syarak yang tidak bertambah kecuali dengan *radd* (iaitu mengembalikan baki lebihan harta kepada para ahli waris), dan tidak berkurang kecuali dengan ‘awl’ (iaitu pembahagian harta pusaka, di mana jumlah bahagian para ahli waris lebih besar daripada asal masalahnya, sehingga harus dinaikkan menjadi sebesar jumlah bahagian-bahagian itu);
- b. Pengetahuan tentang pembahagian pusaka dan cara perhitungannya yang berhubungkait dengan pembahagian harta pusaka dan pengetahuan tentang bahagian yang wajib dari harta peninggalan untuk setiap ahli waris;

⁴⁸Sibt al-Marīdīnī, Badr al-Dīn Muhammad ibn Muhammad, *al-Rahābiyyah fī al-‘Ilm al- Farāid*, (Damsyik: Dār al-Kalām, t.t), 12.

⁴⁹Komite Fakultas Syariah Universiti al-Azhar Mesir, *Hukum Waris*. (Jakarta: Senayan Abadi Publishing, 2009), 11.

- c. Disebut juga dengan *fiqh al-mawārith* dan perhitungan harta pusaka yang ditinggalkan;
- d. Kaedah fiqh dan cara menghitung untuk mengetahui bahagian setiap ahli waris daripada harta peninggalan. Termasuk juga dalam definisi ini ialah mengenai kaedah-kaedah yang berhubungkait dengan keadaan ahli waris, dan hal-hal yang berhubungkait dengan cara menyelesaikan pembahagian harta pusaka.
- e. Ianya juga bermaksud ilmu untuk mengetahui ahli waris yang dapat mewarisi dan yang tidak dapat mewarisi serta mengetahui kadar bahagian setiap ahli waris.

Dengan demikian, ilmu *farāid* meliputi 3 (tiga) unsur penting, iaitu:

1. Maklumat mengenai kerabat-kerabat yang menjadi ahli waris;
2. Maklumat mengenai bahagian setiap ahli waris; dan
3. Maklumat mengenai cara perhitungan pembahagian harta pusaka.

Berdasarkan definisi di atas, proses peralihan harta pusaka sama ada harta alih mahupun tidak alih dari orang yang meninggal dunia kepada orang yang masih hidup sebagai ahli waris dengan syarat dan rukun tertentu. Proses peralihan harta tersebut dapat terjadi apabila salah satu pihak terlebih dahulu meninggal dunia, kerana tanpa kematian maka tidak akan terjadi proses pusaka mempusakai. Hal ini berbeza dengan pembahagian harta pusaka secara hukum adat, di mana ada yang mengamalkan pembahagian harta sebelum pewaris meninggal dunia.

Pada umumnya dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, proses pembahagian pusaka dilaksanakan setelah ada orang yang meninggal dunia. Hal ini bersesuaian dengan ketentuan hukum Islam, di mana peralihan harta seseorang kepada orang lain terjadi setelah

orang yang memiliki harta itu meninggal dunia. Walaupun demikian, ada beberapa di antara ahli keluarga yang membahagikan harta pusaka sebelum pewaris meninggal dunia.

2.3 Konsep Harta Peninggalan (*al-Tarikah*)

Al-tarikah secara etimologi adalah sesuatu yang ditinggalkan oleh seseorang.⁵⁰ Para fuqaha telah memberikan pengertian *al-tarikah* dengan pengertian yang berbeza⁵¹.

Mazhab Syāfi'i menta'rifkan *al-tarikah* sebagai harta yang dimiliki oleh si pewaris semasa hidupnya yang ditinggalkan kepada ahli waris sama ada harta benda, hak kepunyaan dirinya atau harta yang dimiliki setelah ia meninggal.⁵² Sedangkan *al-tarikah* menurut Mazhab Maliki iaitu sebagai hak yang boleh dibahagikan dan menjadi milik tetap kepada ahli waris setelah ia meninggal dunia. Dalam pandangan mazhab Hanbali juga memberikan pengertian yang sama antar *al-tarikah* dengan kata *al-mīrāth* iaitu suatu hak yang berpindah dari si mati kepada ahli waris dan ianya diertikan juga sebagai *al-turāth* iaitu peninggalan atau pusaka. Segala harta yang ditinggalkan oleh si mati tanpa sebarang tuntutan orang lain adalah erti *al-tarikah* menurut mazhab Hanafi. Sekiranya harta tersebut masih berkaitan dengan orang lain seperti harta yang masih tergadai dengan sebab hutang yang belum dijelaskan dan sebagainya, maka harta tersebut belum lagi dikira *al-tarikah* atau harta peninggalan si mati.⁵³

⁵⁰ Muhammad 'Ali al-Šābūnī, *al-Mawārīth fī al-Syari'ah al-Islāmiah 'ala Ḏaw al-Kitāb wa al-Sunnah*, ed. ke-1, (Huqūq al-Taba' Mahfūdhah, 1969), 34; Abū Al-Yazīd Muhammād Abū Al-'Azam, *Maqāsid fi al-Mīrāth*, (Cairo: Universitas Al-Azhar, t.t), 10.

⁵¹ Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Ahkām al-tarikah*, 32-33; Shawqī Abdūh al-Sāhi, *Mausū'ah Ahkām al-Mawārīth*, (Bairūt: Dār al-hikmah, t.t), 100-102; Fatchur Rahman, *Ilmu Waris*, 37-38; Muhammad Suhaili Sufyan, *Fiqh Mawaris Praktis, Perbandingan Empat Mazhab dan Kompilasi Hukum Islam Indonesia*, (Bandung: Cita Pustaka Media Perintis, 2011), 22.

⁵² Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Ahkām al-tarikah*, 32.

⁵³ *Ibid.*, 33.

Dari kalangan fuqaha, Muḥammad ‘Alī al-Šābūnī telah menjelaskan pengertian *al-tarikah* sebagai segala harta peninggalan yang ditinggalkan si mati selepas kematiannya sama ada harta alih ataupun harta tak alih.⁵⁴

Meskipun terdapat perbezaan dalam pengertian ini, tidaklah menumbuhkan sesuatu perbezaan dalam segi amaliah. Namun, perbezaan ini hanyalah perbezaan *lafzī* sahaja.⁵⁵

Berdasarkan beberapa pengertian di atas maka dapat disimpulkan bahawa hal-hal yang dapat digolongkan kepada *al-tarikah* ialah:⁵⁶

- i. Harta yang dimiliki semasa hidupnya dalam bentuk apapun, sama ada harta alih mahupun harta tak alih, sama ada yang ada ditangannya mahupun ditangan orang lain.
- ii. Hak-hak yang bukan harta akan tetapi dapat dinilai dengan harta, seperti hak untuk minum, hak untuk melewati jalan tertentu.
- iii. Hak memilih (*khiyār*), seperti khiyar aib kerana benda yang dibeli telah menjadi milik orang yang telah meninggal.
- iv. Hak-hak orang meninggal yang belum sempat diterima semasa hidupnya.

Oleh itu, harta tersebut hendaklah digunakan untuk menyelesaikan segala keperluan si mati, termasuklah hak yang berkaitan dengan hak-hak Allah SWT, hak pengebumian jenazah dirinya dan hak yang berkaitan dengan orang lain. Ianya bertujuan supaya si mati tidak akan menanggung sebarang bebanan atau tuntutan selepas kematiannya, selain itu

⁵⁴ al-Šābūnī, *al-Mawārīd fi al-Syārī’ah al-Islāmiah*, 34.

⁵⁵ Hasbi ash-Shiddiedy, *Fiqh Mawarist*, (Semarang: Pustaka Rizki Putra, 1999), 10.

⁵⁶ Suhaili Sufyan, *Fiqh Mawaris Praktis*, 23.

segala urusan si mati semasa hidupnya akan sempurna tanpa membebankan masalah kepada ahli waris.⁵⁷

Sebelum harta peninggalan tersebut dibahagikan kepada ahli waris, terdapat hak-hak yang berkaitan dengan harta tersebut. Adapun hak-hak yang harus ditunaikan yang berhubungkait dengan harta peninggalan ialah:⁵⁸

a. Semua keperluan dan pembiayaan pengebumian si mati (*tajhīz al-mayyit*).

Pengebumian merupakan suatu hal yang asas berkaitan dengan hak si mati dan juga untuk menjaga kemuliaannya sebagai manusia. Oleh itu, yang dimaksud semua keperluan pengebumian ini ialah segala hal yang diperlukan untuk menguruskan pengebumian mayat, sejak kematiannya sampai ia dikuburkan.⁵⁹ Antaranya biaya memandikan mayat, pembelian kain kafan, dan pengebumian.

Dan segala keperluan tersebut akan berbeza-beza bergantung kepada perbezaan keadaan mayat, sama ada dari segi kemampuannya mahupun dari jenis jantinanya.

b. Melunaskan Hutang

Hutang ialah suatu tanggungan yang wajib dilunasi sebagai imbalan daripada apa yang pernah diterima oleh seseorang. Para fuqaha telah membahagikan hutang kepada dua, iaitu hutang kepada Allah dan hutang kepada manusia.⁶⁰

Hutang kepada Allah pada dasarnya merupakan kewajipan seseorang terhadap Allah yang merupakan hak fakir dan miskin, istilah hutang Allah ini untuk

⁵⁷Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān, *Ahkām al-tarikah*, 45.

⁵⁸Ibid., 54; Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, 10:7727; Abd al-Hamīd, *Ahkām al-Mawārith*, 8; al-Šābūnī, *al-Mawārith fi al-Syarī’ah al-Islami*, 34-35.

⁵⁹Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 10:7728.

⁶⁰Abduh al-Sāhi, *Mausū’ah Ahkām al-Mawārith*, 106.

menunjukkan pada eksistensi dan pentingnya hutang tersebut serta kewajipan untuk menunaikannya, seperti zakat.

Ulama Hanafiah berpendapat bahawa hutang ini gugur dengan sendirinya jika seseorang meninggal dunia kecuali diwasiatkan kepada ahli waris untuk melunasinya, maka ia menjadi wasiat yang perlu dibayar dengan tidak melebihi daripada sepertiga harta peninggalan dan dilaksanakan setelah membayar hutang kepada manusia. Jika melebihi sepertiga harta, maka perlu persetujuan daripada ahli waris. Alasan yang digunakannya ialah hutang-hutang tersebut merupakan ibadah, dan kewajipan ibadah akan gugur dengan meninggal dunia seseorang yang dibebankan kepadanya, kerena ibadah memerlukan niat dan itu tidaklah mungkin dilakukan setelah orang meninggal dunia.

Sementara jumhur ulama berpendapat, hutang kepada Allah wajib dibayarkan dari harta peninggalan dan tidak gugur dengan meninggalnya orang yang terbebani kewajipan pembayarannya tersebut. Alasan yang digunakan ialah, walaupun ia merupakan ibadah akan tetapi jika ditinjau daripada aspek tolong menolong lebih utama dari ibadah individu, maka tidak perlu kepada niat dalam pelaksanaannya.⁶¹

Sedangkan hutang kepada manusia ialah hutang yang belum diselesaikan semasa hidupnya. Secara amnya, hutang ini dapat dibahagi kepada hutang yang berhubungan langsung dengan harta peninggalan (*duyūn al-‘ainīyyah*) dan hutang biasa (*duyūn al-‘adīyyah*). *Duyūn al-‘ainīyyah* ialah hutang yang diwajipkan pada harta sebelum ia menjadi harta pusaka, seperti hak barang gadaian yang belum diselesaikan semasa hidupnya, hak penjual barang yang belum dilunasi pembayarannya, dan juga mahar yang belum lunas dibayar pada waktu akad nikah.

⁶¹ *Ibid.*, 26.

Sedangkan, *Duyūn al-'adīyyah* ialah hutang yang wajib dibayar oleh seseorang sebelum ia meninggal dan tidak berkaitan langsung dengan harta peninggalan.

c. Pelaksanaan wasiat

Di antara kewajipan yang harus diselesaikan sebelum harta pusaka dibahagikan kepada ahli waris adalah wasiat. Sebagaimana terdapat dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI), wasiat diertikan sebagai pemberian suatu benda dari pewaris kepada orang lain atau suatu lembaga yang akan berlaku setelah pewaris meninggal dunia.⁶²

Wasiat merupakan kewajipan yang mesti dilaksanakan setelah pemiliknya meninggal dunia, urutan pelaksanaannya adalah setelah pengebumian jenazah atau pembiayaan pemakaman si mati dan pelunasan hutang selesai dilakukan berdasarkan al-Hadīth yang diriwayatkan oleh imam al-Tirmizi:

عن علي رضي الله عنه قال : إنكم تقرعون هذه الآية : ”من بعد وصية يوصى
“

Dari Ali r.a berkata: engkau membaca firman Allah “*setelah menyelesaikan wasiat yang diwasiatkan dan membayar hutangnya*”, sesungguhnya Rasulullah SAW. memutuskan pelunasan hutang orang yang meninggal sebelum melaksanakan wasiat.⁶³

Wasiat tidak boleh melebihi batasan yang telah ditentukan syarak iaitu sepertiga dari harta pusaka. Namun jika wasiat tersebut melebihi sepertiga harta, untuk pelaksanaannya mesti mendapatkan persetujuan daripada ahli waris, kalau mereka

⁶²Team Redaksi Nuansa Aulia, *Kompilasi Hukum Islam; Hukum Perkahwinan, Kewarisan dan Perwaqafan*, ed. ke-2, (Bandung: C.V. Nuansa Aulia, 2009), 54.

⁶³ al-Shawkānī, *Nail al-Autār*, Hadits no. 2522, 5:43; Ibn Hanbal, *al-Musnad*, Hadit no. 1037, 3:108.

menyetujuinya maka wasiat boleh dilaksanakan, sekiranya ada yang tidak menyetujui maka wasiat tersebut terbatal, pendapat ini disepakati oleh ulama Hanafiyah, Syāfi'iyyah dan Hanābilah.⁶⁴

Jika semua hal yang telah disebutkan di atas telah dilaksanakan; mulai dari *tajhiz*, melunaskan hutang serta menunaikan wasiat maka selebihnya merupakan harta pusaka untuk dibahagikan kepada ahli waris sesuai dengan ketentuan yang berlaku.

2.4 Dalil Pensyariatan Pusaka

Dalil pensyariatan pusaka ini berdasarkan al-qur'an, al-hadīth, ijma' dan ijtihad para sahabat.

1. Ayat –ayat tentang pusaka dalam al-qur'an.

Ayat-ayat yang berhubungkait dengan pusaka dapat dibahagikan kepada dua; Pertama: ayat yang menjelaskan secara am tentang pembahagian harta pusaka. Kedua: ayat yang membincangkan secara terperinci mengenai ahli waris, kadar bahagiannya dan kewajipan yang berhubungkait dengan harta peninggalan (*al-tirkah*).⁶⁵

a) Ayat-ayat yang menjelaskan secara am (*mujmal*) :

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرُبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ
وَالْأَقْرُبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا مَفْرُوضًا ﴿٧﴾ وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُوا
الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا ﴿٨﴾

al-Nisā' 4: 7 dan 8

⁶⁴Suhaili Sufyan, *Fiqh Mawaris Praktis*, 28.

⁶⁵al-Darādikah, *al-Mīrāth fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah* , 57.

Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; Iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah). Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya, dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

وَالَّذِينَ ءامَنُوا مِنْ بَعْدِ وَهَاجَرُوا وَجَهَدُوا مَعَكُمْ فَأُولَئِكَ مِنْكُمْ وَأُولُو الْأَرْحَامِ
بَعْضُهُمْ أُولَئِكُمْ بِعَضٌ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

al-Anfāl 8: 75

Dan orang-orang yang beriman sesudah itu, kemudian mereka berhijrah dan berjihad bersama-sama kamu, maka adalah mereka dari golongan kamu. Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang (lain) menurut (hukum) Kitab Allah; Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

b) Ayat-ayat pusaka secara terperinci (*tafsīr*)

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوَّلِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِ الْأُنْشَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ أَنْتَيْنِ
فَاهْنَ ثُلَّا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا الْتِصْفُ وَلَا بَوِيهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا
السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرَثَهُ أَبُوهُ فَلِأُمِّهِ الْثُلُثُ
فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةً فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دِينٍ أَوْ أَباؤُكُمْ
وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنْ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا

حَكِيمًا

al-Nisā' 4: 11

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, Iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka

bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذِّكْرِ مِثْلُ حَظِ الْأُنْثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَاهْنَ ثُلَّا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَاهَا الْحِصْفُ وَلَا بَوِيهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا الْسُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبْوَاهُ فَلِأُمِّهِ الْثُلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الْسُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنْ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا

حَكِيمًا

al-Nisā' 4: 12

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, Iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِي كُمْ فِي الْكَلَالَةِ إِنْ أَمْرُوا هَلْكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا
 نِصْفُ مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَّهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَاتَنَا أَثْنَتَيْنِ فَأَهْمَانَا أَلْثَاثَانِ مِمَّا تَرَكَ
 وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَنْ تَضْلُلُوا
 وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

al-Nisā' 4: 176

Mereka (orang-orang Islam) meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad mengenai masalah Kalaalah). katakanlah: "Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara Kalaalah itu, Iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang di tinggalkan oleh si mati. dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan". Allah menerangkan (Hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Ayat-ayat di atas menjadi rujukan utama bagi para ulama untuk mengkaji dan menyelidik sesuatu hukum dalam masalah pusaka mempusakai.⁶⁶ Ayat-ayat tersebut adalah jelas membincangkan tentang perpindahan harta pusaka dari pewaris kepada ahli waris.

2. Hadīth Rasulullah mengenai pusaka

Diriwayatkan dari Ibn Abbās bahawa Rasulullah bersabda:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (الْحَقُّو الفَرَائِضُ بِأَهْلِهَا)

فَمَا بَقِيَ فِيهِ لَأُولَئِكُو رَجُلٌ ذَكَرٌ

Dari Ibnu Abbas RA dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: "Berikanlah farāīd (bahagian-bahagian yang telah ditentukan) kepada yang berhak, dan

⁶⁶ Al-Yasa' Abu Bakar, *Ahli Waris Sepertalian Darah: Kajian Perbandingan Terhadap Penalaran Hazairin dan Penalaran Fiqh Mazhab*, (Jakarta: Inis XXXVI, 1998), 81.

selebihnya berikanlah kepada lelaki dari keturunan lelaki yang terdekat.”⁶⁷

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (

)

Dari Usāmah bin Zaid : “Orang muslim tidak mewarsi orang kafir dan kafir tidak mewarisi orang Islam”.⁶⁸

”النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ“

الميراث

Dari Ubādah bin al-Ṣāmit, “Sesungguhnya Rasulullah SAW, memutuskan 1/6 untuk dua orang nenek dari harta peninggalan”.⁶⁹

”نَّ مَسْعُودٌ فِي بَنْتٍ وَّ بَنْتِ ابْنٍ وَّ قُضِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ“

”

Dari ibn Mas’ūd dalam masalah anak perempuan, cucu perempuan dan saudara perempuan: Rasulullah SAW memutuskan untuk anak perempuan 1/2 dari harta peninggalan, untuk cucu perempuan 1/6 untuk melengkapi 2/3 bahagian dan bakinya untuk saudara perempuan.⁷⁰

3. Ijma’ dan Ijtihad para Sahabat

Al-qur’ān dan al-ḥadīth telah menjelaskan ketentuan yang terperinci mengenai pembahagian harta pusaka. Namun dalam isu-isu tertentu ianya juga memerlukan kepada ijma’ dan ijtihad terhadap masalah-masalah yang tidak ditentukan dalam al-qur’ān dan al-

⁶⁷ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (al-Qāhirah: Dār wa Mathba’ al-Shātibī, t.t), 4:118

⁶⁸ Muḥammad Ibn ‘Ali al-Shawkānī, *Nail al-Autār min Ahādīth Sayyid al-Akhyār Syarh Muntaqa al-Akhbār*, (Beirūt: Dār al-Khair, 1996), hadith no. 2577, 6:73; al-Hāfiḍh abī al-Husain Muslim ibn al-Hajjāj al-Qusyairī al-Naisābūry, *Saḥīḥ Muslim*, ed. ke- 1, hadīth no. 1614, (Riyādh: Dār al-thayyibah, 1426H) , 2:757.

⁶⁹ al-Shawkānī, *Nail al-Autār*, hadith no.2550, 6:59; Aḥmad ibn Muḥammad ibn Hanbal, *al-Musnad*, ed.ke-1, hadīth no. 22677, (al-Qāherah: Dār al- Ḥadīth, 1995), 16: 420-421.

⁷⁰ al-Shawkānī, *Nail al-Autār*, hadith no.2547, 6:58; Ibn Hanbal, *al-Musnad*, hadīth no. 3691, 3:547-548.

hadīth. Ijma' ialah kesepakatan para mujtahid dari umat Muhammad pada suatu masa setelah wafatnya Rasulullah terhadap sesuatu hukum syarak.⁷¹

Adapun ijma' yang telah dihasilkan oleh para sahabat Nabi mengenai masalah pusaka di antaranya ialah:

- a. Pusaka datuk ketika tidak ada bapa si mati
- b. Bahagian cucu lelaki dari anak lelaki
- c. Bahagian saudara perempuan seberapa⁷²
- d. Pembahagian nenek sebanyak seperenam dari harta pusaka⁷³

Sedangkan ijtihad ialah suatu usaha yang dilakukan secara sungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu yang berat dan sulit dan fatwa mereka dapat diambil dan dijadikan pedoman dalam agama.

Adapun masalah pusaka yang ditetapkan melalui ijtihad para sahabat antaranya ialah:

- a. Masalah '*Awl*
- b. Masalah *Radd*
- c. Masalah *hijab*
- d. Pusaka Nabi⁷⁴

2.5 Rukun-rukun Pusaka

Rukun-rukun pusaka mengandungi tiga asas utama, iaitu:⁷⁵

1. *Al-Muwarrith*, iaitu orang yang meninggal dunia atau si mati yang meninggalkan harta untuk diwarisi.

⁷¹Muhammad Abū Zahrah, *Usūl al-Fiqh*, (Dar al-Fiqr 'Araby, t.t), 198.

⁷²al-Darādikah, *al-Mīrāth fī al-Syārī'ah al-Islamiyyah*, 66.

⁷³Abū Zahrah, *Usūl al-Fiqh*, 161.

⁷⁴Idris Djakfar dan Taufiq Yahya, *Kompilasi Hukum Kewarisan Islam*, (Jakarta: Pustaka Jaya, 1995), 28.

⁷⁵Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, 10:7703; al-Šābūnī, *al-Mawāriḥ fī al-Syārī'ah al-Islāmiyyah* 39.

2. *Al-Wārith*, iaitu orang yang berhak menerima harta pusaka. Mereka merupakan ahli-ahli waris *fard*⁷⁶, ‘*aṣabah*⁷⁷ dan *dhaw al-Arhām*⁷⁸. Apabila si mati tidak meninggalkan ahli waris dengan sebab tertentu seperti kematian ahli-ahli waris pada masa yang sama, maka harta si mati hendaklah diserahkan kepada waris saudaranya yang masih hidup. Kaedah pembahagian ini adalah berdasarkan kepada suatu peristiwa di mana Saidina Abu Bakar r.a telah memerintahkan Zaid bin Thābit supaya dibahagikan harta pusaka mereka yang mati syahid selepas peperangan yarmuk kepada saudara-mara mereka yang masih hidup.⁷⁹
3. *Maurūth* iaitu harta-harta yang ditinggalkan oleh si mati. Harta-harta tersebut dimiliki semasa hidupnya sama ada harta alih dan tak alih.

2.6 Syarat-syarat Mendapat Pusaka

Adapun syarat-syarat mendapatkan pusaka ialah sebagai berikut⁸⁰ :

- a. Meninggalnya pewaris secara *haqīqi*, *hukmi* mahupun secara *taqdīri*.

Kematiannya secara *haqīqi* ialah kematian yang disaksikan oleh pancaindera dan dapat dibuktikan dengan alat pembuktian, atau kematian yang disaksikan

⁷⁶Ahli-ahli *fard* iaitu ahli-ahli waris yang berhak mendapatkan bahagian tertentu daripada harta pusaka menurut ketetapan syarak. Jumlah ahli-ahli *fard* ialah 12 orang pewaris; 4 dari lelaki iaitu bapa, suami, datuk dan anak lelaki. Dan 8 daripada perempuan iaitu ibu, isteri, nenek, anak perempuan, cucu perempuan dari anak lelaki, saudara perempuan kandung, saudara perempuan sebaope dan saudara perempuan seibu. Sila lihat, Abd al-hamid, *Ahkām al-Mawārith*, 70.

⁷⁷Ahli ‘*aṣabah* atau *ta’ṣhib* iaitu ahli-ahli waris yang tidak mendapatkan bahagian mereka secara *fard* mengikut ketetapan syarak dan dalam hubungan mereka dengan si mati tidak diselingi perempuan, *Ibid*.

⁷⁸Dhaw al-*arḥām* ialah mereka yang mempunyai hubungan nasab dengan si mati selain daripada ahli-ahli *fard* dan ‘*aṣabah*. Sila lihat, *Ibid*, hal. 209.

⁷⁹Abdur Rahman I.Doi, *Undang-Undang Syariah*, terj. Rohani Abd. Rahman, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 354.

⁸⁰Wahbah Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, 10: 7707; al-Ṣābūnī, *al-Mawārith fī al-Syārī’ah al-Islāmiyyah*, 40; Badrān Abu al-‘Aynayn Badrān, *Ahkām al-tarikah*, 78; Abd al-Hamid, *Ahkām al-Mawārith*, 13; Abd al-Fatāh Muhammad Abū al-‘Anīn, *Ahkām al-Mīrāth fī al-Syārī’ah al-Islāmiyyah*, (Jami’ah al-Mansūrah: Kuliah al-Huqūq qism al-Syārī’ah al-Islāmiyyah, t.t), 74.

oleh sekurang-kurang dua orang saksi Islam yang adil bagi mengesahkan kematianya.⁸¹

Adapun kematian secara *ḥukmī* ialah mati menurut keputusan hakim dengan sebab-sebab tertentu. Contohnya pembahagian harta pusaka orang yang hilang (*mīrāth al-mafqūd*).⁸²

Kematian secara *taqdīrī* ialah suatu kematian yang bukan *haqīqī* dan bukan *ḥukmī*, tetapi semata-mata hanya berdasarkan sangkaan. Misalnya anak kandungan yang lahir mati dengan sebab suatu perbuatan jenayah yang berlaku ke atas ibunya.⁸³

b. Memastikan hidup ahli waris ketika meninggalnya pewaris.

Hidupnya ahli waris ketika meninggalnya pewaris samada secara *haqīqī*, *ḥukmī* ataupun secara *taqdīrī*.

Kedua syarat mempusakai di atas boleh menimbulkan permasalahan-permasalahan lain. Antaranya ialah pusaka orang yang hilang (*mīrāth al-mafqūd*), pusaka anak dalam kandungan dan pusaka orang yang mati bersamaan.

Masalah ini perlu dipecahkan kerana keraguan tentang hidup atau mati pewaris.⁸⁴

⁸¹ Abdul Rashid Hj. Abdul Latif, *Undang-undang Pusaka Dalam Islam: Suatu Kajian Perbandingan*, (Kuala Lumpur: Percetakan al-Hidayah dan Hizbi, 1987) 57.

⁸² Fatchur Rahman (1988), *Ilmu Waris*, 36; al-Šabūnī, *al-Mawārīth fi al-Syari’ah al-Islāmiyyah*, 40; Ahmad al-Għandūr, *al-Mīrāth fi al-Islām wa al-Qānūn*, (Mesir: Dār al-Ma’ārif, 1966), 7.

⁸³ Wahbah Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, 10: 7708.

⁸⁴ *Ibid.*

- c. Mengetahui sebab-sebab yang mengikat ahli waris dengan pewaris.; samada garis nasab atau hubungan perkahwinan atau kerana hubungan *walā'*, hal ini kerana berbeza hukumnya antara satu dengan yang lainnya.⁸⁵

2.7 Sebab-sebab Penerimaan Pusaka

Jumhur ulama bersepakat bahawa dalam Islam hak seseorang untuk mendapatkan harta pusaka berlaku daripada perkara-perkara berikut:⁸⁶

- a. Nikah atau perkahwinan yang sah antara suami isteri.

Nikah yang sah iaitu nikah yang diterima menurut hukum syarak sama ada berlaku persetubuhan atau tidak. Sekiranya mati salah seorang sebelum berlaku persetubuhan ia tetap mendapat pusaka.⁸⁷ Dan apabila perkahwinan seseorang itu terbatal dengan sebab-sebab tertentu seperti pernikahan yang tiada saksi, persetubuhan *syubhah*, maka jumhur fuqaha yang terdiri daripada Imam Syāfi'i, Hanafī dan Hanbali bersepakat ia tidak berhak mendapat pusaka.⁸⁸ Manakala Mazhab Maliki berpendapat, sekiranya pernikahan *fasid* disebabkan oleh perselisihan pendapat dalam kalangan fuqaha seperti pernikahan tanpa keizinan wali atau tidak disaksikan bilangan saksi yang mencukupi, ia masih berhak mendapat pusaka.⁸⁹

Selanjutnya isteri yang diceraikan dengan *talāq raj'i* berhak menerima pusaka suaminya sekiranya dalam tempo iddah tersebut suaminya mati. Namun, isteri

⁸⁵ *Ibid.*, 7709.

⁸⁶ Sibt al-Maridini, *al-Rahābiyyah*, 33; Muhammad Mahyuddin ‘Abd al-Hamid, *Ahkām al-Mawārith*, 15; al-Sābūni, *al-Mawārith fī al-Syari’ah al-Islāmiyyah*, 39 ; Abd al-Fatāh Muhammad Abu al-‘Anin, *Ahkām al-Mīrāth*, 68.

⁸⁷ Wahbah Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, 10: 7704.

⁸⁸ Abd al-Hamid, *Ahkām al-Mawārith*, 16.

⁸⁹ Muhammad Ibn Ahmad Ibn Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid*, (Bairūt : Dār al-Fikr, t.t) 2: 56 ; Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān, *Ahkām al-tarikah*, 83.

tersebut tidak berhak menerima pusaka suaminya sekiranya ia diceraikan dengan *talāq bā'in*.⁹⁰

Dalam permasalahan isteri yang diceraikan oleh suaminya dalam keadaan nazak, para jumhur fuqaha kecuali mazhab Syāfi'i berpendapat ia berhak mendapat pusaka suaminya. Ini berdasarkan kepada suatu peristiwa di mana Saidina Uthmān bin 'Affān r.a telah melakukan pembahagian pusaka kepada isteri 'Abd. Rahmān Bin Auf yang diceraikannya ketika beliau sedang dalam keadaan nazak.⁹¹ Manakala Mazhab Syāfi'i berpendapat, isteri yang diceraikan ketika suaminya sakit tenat atau nazak tidak berhak menerima pusaka kerana isteri yang diceraikan ketika itu dianggap sama seperti isteri yang diceraikan dengan *talāq bā'in*.

b. Nasab atau keturunan

Yang dimaksud dengan nasab atau keturunan iaitu hubungan yang wujud dengan sebab pertalian darah dan kekeluargaan dengan si mati seperti bapa, ibu, datuk, anak, dan sebagainya. Mereka akan mendapatkan bahagian pusaka si mati sama ada secara *fard* seperti ibu atau menggabungkan antara *fard* dan *aṣabah* seperti bapa atau *aṣabah* sahaja seperti anak lelaki dan saudara lelaki.

Nasab atau keturunan merupakan sebab memperolehi hak pusaka yang terkuat, kerana nasab itu termasuk unsur utama wujudnya seseorang yang tidak dapat dihilangkan. Berlainan dengan perkahwinan, ia merupakan hal yang baru dan dapat hilang, misalnya kalau ikatan perkahwinan itu telah diputuskan.⁹² Adapun nasab atau keturunan dikatakan sebab mewarisi yang paling kuat, kerana:⁹³

⁹⁰Wahbah Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, 10:7705.

⁹¹*Ibid.*

⁹²Fatchur Rahman, *Ilmu Waris*, 116.

⁹³Komite Fakultas Syariah Universiti al-Azhar Mesir, *Hukum Waris*, 44.

1. Keberadaan nasab lebih awal dan utama daripada yang lain;
2. Sebab mewarisi secara nasab tidak boleh hilang dan sentiasa utuh sampai akhir hayat, berbeza dengan perkahwinan yang boleh menyebabkan putus akibat jatuhnya talaq;
3. Sebab nasab dapat menghalangi sebab nikah secara *nuqṣān* (iaitu menutup sebahagian ahli waris) dan dapat menghalangi sebab *walā'* secara *hirmān* (iaitu menutup rapat ahli waris sehingga tidak dapat menerima pusaka);
4. Nasab dapat mewarisi pusaka dengan cara *fard* dan *ta'sīb*.

c. *Walā'*

Secara bahasa *walā'* ialah *al-Nuṣrah*, pembelaan, pertolongan. Secara istilah *Walā'* ialah hubungan di antara hamba dengan tuannya di mana hamba tersebut telah dimerdekakan.⁹⁴ *Walā'* oleh syariat digunakan untuk memberi pengertian:⁹⁵

1. *Walā'* *al-'ataqah* (dengan sebab pembebasan hamba)

Walā' *al-'ataqah* juga dikenal dengan istilah ‘*uṣūbah sababiyyah* iaitu *aṣabah* yang bukan disebabkan kerena pertalian nasab, tetapi disebabkan kerana sebab telah membebaskan hamba. Oleh itu, Rasulullah SAW menganggap *walā'* sebagai kerabat yang berdasarkan nasab, yang bermaksud:

(رواہ الحاکم)

“*Walā'* itu ialah suatu kerabat sebagai kerabat nasab yang tidak boleh dijual dan dihibahkan”. (Riwayat. Al-Hakim).⁹⁶

⁹⁴*Ibid.*, 24; Wahbah Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, 10: 7706.

⁹⁵Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Ahkām al-tarikah*, 75; Fatchur Rahman, *Ilmu Waris*, 121.

⁹⁶Abū al-Fath taqiyu al-Dīn Muhammad bin Abi al-Tā'ah al-Qusyairī al-Maṣrī, *al-Ilmām bi Ahādīth al-Ahkām*, ed. ke-2, (Bairūt: Dār- Ibn Hazm, 2002), 1: 254.

Maka orang yang mempunyai hak *walā'* itu mempunyai hak mempusakai harta peninggalan hambanya, bila hamba tersebut meninggal dunia.⁹⁷

2. *Walā' al-muwālah* (sebab perjanjian)

Walā' al-muwālah ialah kekerabatan menurut hukum dengan sebab perjanjian tolong-menolong dan sumpah setia antara seseorang dengan seseorang yang lain.

Seperti seseorang berjanji kepada orang lain sebagai berikut: "Hai saudaraku, engkau adalah tuanku yang dapat mempusakai aku bila aku telah mati dan dapat mengambil diyah untukku bila aku dilukai seseorang." Kemudian orang yang diajak berjanji menerima janji itu. Pihak pertama disebut dengan *al-mawāli* atau *al-adnā* dan pihak kedua disebut dengan *al-mawalā* atau *al-maulā*.⁹⁸

2.8 Perkara Yang Menegah Daripada Menerima Harta Pusaka

Seseorang terhalang mendapatkan harta pusaka apabila melakukan sebarang tindakan yang dapat menggugurkan hak seseorang untuk mewarisinya.⁹⁹ Hal-hal yang menyebabkan ahli waris terhalang daripada harta pusaka ialah sebagai berikut:¹⁰⁰

a. Hamba (*al-Riqq*)

Seseorang yang berstatus sebagai hamba tidak mempunyai hak untuk mewarisi dari mana-mana pihak. Sebab segala sesuatu yang dimiliki hamba, secara langsung menjadi hak milik tuannya. Sama ada hamba itu sebagai *qinnun* (hamba murni), *mudabbar* (hamba yang telah dinyatakan bebas jika tuannya meninggal dunia), atau *mukātab* (hamba yang telah menjalankan perjanjian pembebasan dengan tuannya, dengan syarat yang disepakati kedua-dua belah pihak). Akhirnya, semua

⁹⁷Fatchur Rahman, *Ilmu Waris*, 121-122.

⁹⁸*Ibid.*

⁹⁹Moh. Muhibuddin dan Abdul wahid, *Hukum Kewarisan Islam*, 25.

¹⁰⁰Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, 10:7710; Sibt al-Marīdīnī, *al-Rahābiyyah*, 36; 'Abd al-Hamīd, *Ahkām al-Mawārīh*, 38; Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Ahkām al-tarikah*, 88; al-Šābūnī, *al-Mawārīh fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, 41-43; Abd al-Fatāh Muhammad Abū al-'Anīn, *Ahkām al-Mīrāth*, 80.

jenis hamba merupakan penggugur hak mewarisi dan hak untuk diwarisi disebabkan mereka tidak mempunyai hak milik.

b. Pembunuhan

Para ulama sependapat mengatakan bahawa pembunuhan tidak boleh mewarisi harta orang yang dibunuhnya berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

“Pembunuh tidak mempunyai hak pusaka dalam harta pusaka”¹⁰¹

Hukum tersebut berlaku apabila ianya dianggap mempercepat untuk mendapatkan harta pusaka sebelum waktunya sehingga ia tidak mendapatkan harta pusaka.¹⁰²

Para Imam Mazhab berbeza pendapat dalam mengertikan istilah pembunuhan. Imam Hanafi dan Syāfie memberikan pengertian yang luas, iaitu pembunuhan dengan sengaja ataupun tidak segaja. Jadi seseorang yang menyebabkan kematian orang lain, dengan sengaja atau tidak, mahupun kerana kesilapan, kealpaan atau kemalangan, maka ia tidak mendapatkan harta pusaka. Sementara Imam Malik dan Hanbali memberi pengertian pembunuhan yang terbatas, iaitu hanya pembunuhan yang disengaja yang dapat menghalangi si pembunuh dari mewarisi harta si mati.¹⁰³

c. Perbezaan Agama

Perbezaan agama antara pewaris dengan ahli waris merupakan salah satu sebab yang menghalanginya untuk mendapatkan harta pusaka. Para ulama sependapat

¹⁰¹ al-Shawkānī, *Nail al-Autār*, hadith no. 2581 6: 90.

¹⁰² Wahbah Zuhaili dan Syeikh Ali al-Sabuni, terj. Hj. Abdul Rahman B. Mohd. Adil, *Hukum Harta Pusaka dan Ilmu farāid*, (Kuala Lumpur: Pustaka Azhar, 2011), 13.

¹⁰³ Abdullah Siddiq, *Hukum Waris Islam Dan Perkembangannya Di Seluruh Dunia Islam*, (Jakarta: Widjaya, 1984), 61-62.

bahawa orang muslim tidak boleh mempusakai orang kafir begitu juga sebaliknya, sama ada hubungan kekerabatannya secara nasab atau hubungan perkahwinan. Hal tersebut berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (

(

Dari Usāmah bin Zaid : “Orang muslim tidak mewarsi orang kafir dan kafir tidak mewarisi orang Islam”.¹⁰⁴

Alasannya ialah kerana hubungan antara muslim dengan kafir telah terputus.¹⁰⁵

Termasuk dalam pembahasan perbezaan agama ialah hak pusaka orang murtad, iaitu seorang muslim yang dengan suka rela tanpa ada paksaan meninggalkan agama Islam dan memeluk agama lain atau sama sekali tidak beragama (*atheis*).¹⁰⁶

Terkeluarnya seseorang dari agama Islam juga dapat terjadi dengan mengingkari sesuatu yang termasuk dalam kategori tidak boleh tidak diketahui dalam Islam (*al-ma'lūm min al-dīn bi al-darūrah*), seperti mengingkari kewajipan shalat, zakat, ataupun mengingkari keharaman khamar ataupun zina.¹⁰⁷

Para ulama bersepakat bahawa orang murtad tidak berhak mendapatkan pusaka dari siapapun kerana hubungan keagamaan antara dirinya dengan agama asalnya telah terputus akibat ia keluar dari Islam, dan harta yang ditinggalkan akan menjadi *fai'* (harta rampasan) sebagai sumber pendapatan bagi baitul mal.¹⁰⁸

¹⁰⁴al-Shawkāni, *Nail al-Autār*, hadith no.2577, 6: 88.

¹⁰⁵Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, 10: 7719.

¹⁰⁶*Ibid.*,7720.

¹⁰⁷Abd al-Wahhāb Hawwās, *al-Wasīth fī Ilmī al-Mawārīth*, (Qāherah: Maktab al-Risālah al-Dawliyah li al-Tibā'ah, 1997), 59.

¹⁰⁸Muhammad al-Khātib al-Sharbaini, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifati Ma'anī al-fādh al-Minhāj*, (Beirūt: Dār Fikr, 1995), 3:32.

2.9 Asas-asas Hukum Pusaka Islam

Asas-asas hukum pusaka Islam dapat dirujuk daripada ayat-ayat hukum pusaka dan sunah Rasulullah SAW. Adapun yang dimaksudkan dengan asas-asas tersebut ialah:¹⁰⁹

1. Asas *Ijbārī*

Secara etimologis, kata *ijbārī* bererti paksaan, iaitu melakukan sesuatu diluar kehendak sendiri. Dalam hukum pusaka Islam asas *ijbārī* ini mempunyai erti bahawa peralihan harta seseorang yang meninggal dunia kepada ahli waris berlaku dengan sendirinya menurut ketetapan Allah SWT tanpa digantungkan kepada kehendak daripada pewaris atau ahli waris.¹¹⁰ Oleh itu, ketika si pewaris meninggal dunia, maka secara langsung harta pewaris akan beralih kepada ahli waris, tanpa terkecuali apakah ahli waris suka menerima atau tidak, demikian juga halnya bagi si pewaris. Asas *ijbārī* ini boleh dilihat dari beberapa sudut, iaitu:

a. Sudut perpindahan harta

Hal ini dapat dilihat di dalam al-Qur'an surat An-Nisa' ayat 7, iaitu pada kata-kata "*ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu*", yang disedari atau tidak telah menunjukkan bahawa wujudnya bahagian ahli waris tanpa perlu pewaris membuat perjanjian akan memberikan harta pusaka sebelum ia meninggal, begitu juga ahli waris tidak perlu meminta haknya.¹¹¹

¹⁰⁹*Ibid.* 104; Amir Syarifuddin, *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam dalam Lingkungan Adat Minangkabau*, (Jakarta, Gunung Agung, 1984), 18; Moh. Muhibuddin dan Abdul wahid, *Hukum Kewarisan Islam*, 22-23; Zainuddin Ali, *Pelaksanaan Hukum Waris di Indonesia*, (Jakarta, Sinar Grafika, 2008), 53; H. M. Idris Ramulyo, *Perbandingan Hukum Kewarisan Islam Dengan Kewarisan Kitab Undang-Undang Hukum Perdata*, (Jakarta: Sinar Grafika, 2004), 91.

¹¹⁰Moh. Muhibuddin dan Abdul wahid, *Hukum Kewarisan Islam*, 23.

¹¹¹M. Idris Ramulyo, *Perbandingan Hukum Kewarisan Islam*, 91.

b. Sudut jumlah harta yang berpindah

Hal ini dapat dilihat di dalam al-Qur'an surat al-Nisā' ayat 11, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Apabila anak perempuan itu hanya seorang, maka bahagiannya ialah setengah dari harta peninggalan. Selain itu, kata *mafrūdan* pada surat al-Nisā' ayat 7 maksudnya ialah pembahagian yang pasti telah ditetapkan Allah SWT.¹¹²

c. Sudut kepada siapa harta itu berpindah

Aspek ini terdapat dalam al-Qur'an surat al-Nisā' ayat 11, 12, 13 dan ayat 176, iaitu antara lain anak-anak beserta keturunannya, ibu, bapa, suami dan isteri yang masih hidup.

2. Asas Bilateral

Asas ini dalam hukum pusaka Islam mengandung erti bahawa seseorang menerima pusaka dari dua belah pihak kerabat, sama ada dari kerabat garis keturunan lelaki maupun dari pihak kerabat garis keturunan perempuan.¹¹³ Pada prinsipnya asas ini menegaskan bahawa jenis jantina bukan merupakan suatu halangan untuk mendapatkan harta pusaka dan mempusakai.¹¹⁴ Asas ini secara nyata dinyatakan dalam al-Qur'an surat al-Nisā' ayat 7, 11, 12 dan 176. Salah satu contohnya ialah dalam surat al-Nisā' ayat 7 dijelaskan bahawa seorang lelaki berhak memperoleh pusaka dari pihak bapanya dan demikian juga dari pihak ibunya. Begitu juga seorang perempuan mendapat pusaka dari kedua pihak orang tuanya.

¹¹²*Ibid.*, 92.

¹¹³Moh.Muhibuddin dan Abdul Wahid, *Hukum Kewarisan*, 24 sebagaimana dikutip dari Amir Syarifuddin, *Hukum Kewarisan Islam*, (Jakarta, Kencana, 2004), 20.

¹¹⁴Rahmad Budiono, *Pembaharuan Hukum Kewarisan Islam di Indonesia*, (Jakarta, Citra Aditya Bakti, 2004), 5.

3. Asas Individu

Yang dimaksud asas individu iaitu setiap ahli waris berhak atas bahagian yang diperolehi tanpa terikat kepada ahli waris lainnya. Dalam pelaksanaannya masing-masing ahli waris menerima bahagiannya secara utuh, dan keseluruhan harta pusaka dinyatakan dalam nilai tertentu yang kemudian jumlah tersebut dibahagikan kepada setiap ahli waris yang berhak menerimanya menurut bahagian masing-masing.¹¹⁵ Oleh itu, bila setiap ahli waris berhak atas bahagian pusaka yang diperolehi tanpa terikat kepada ahli waris yang lain, bererti ia mempunyai kemampuan untuk menerima hak dan menjalankan kewajipan (*ahliyat al-adā'*).¹¹⁶

4. Asas Keadilan

Asas ini dapat di ertikan keseimbangan antara hak dan kewajipan serta keseimbangan antara yang diperolehi dengan keperluan dan kegunaannya.¹¹⁷ Dalam hal ini, faktor jantina tidaklah menentukan dalam hak mendapat pusaka, sama ada lelaki maupun perempuan sama-sama berhak sebagai ahli waris yang mewarisi harta peninggalan.

Dalam sistem pusaka Islam, harta peninggalan yang diterima oleh ahli waris dari pewaris pada hakikatnya ialah perlanjutan tanggungjawab terhadap keluarganya. Oleh itu, bahagian yang diterima oleh masing-masing ahli waris berimbang dengan perbezaan tanggungjawab masing-masing terhadap keluarganya.

5. Asas Akibat Kematian

Hukum pusaka Islam menyatakan bahawa peralihan harta peninggalan seseorang kepada orang lain hanya berlaku setelah orang yang mempunyai harta tersebut meninggal

¹¹⁵*Ibid.*, 28.

¹¹⁶Zainuddin Ali, *Pelaksanaan Hukum Waris di Indonesia*, 56.

¹¹⁷Moh. Muhibuddin dan Abdul Wahid, *Hukum Kewarisan Islam*, 29.

dunia. Asas ini bererti bahawa terjadinya peralihan harta semata-mata disebabkan kematian. Dengan demikian, harta seseorang tidak dapat berpindah (dengan cara pusaka) sekiranya ia masih hidup.¹¹⁸

Dari penjelasan diatas dapat diketahui bahawa Islam telah mewujudkan undang-undang pusaka Islam. Dan menjadi perpindahan harta pusaka pewaris kepada ahli waris sebagai kefarduan yang lazim yang tidak dapat dengan tolakan. Tidak dibenarkan pembahagian harta pusaka itu kecuali setelah dilaksanakannya wasiat atau hutang dan menjelaskan siapa mereka yang mewarisi dan apa hak setiap dari mereka dari harta peninggalan si mati dengan perincian yang tepat.

Perundangan pusaka Islam telah membantu untuk pengelolaan harta benda dan pembahagian serta pengarahannya dengan bentuk sekira harta pewaris itu terbahagi-bahagi antara ahli waris, sehingga mereka bermanfaat dan memanfaatkannya.

Ahli waris ‘*aṣabah* mendapatkan pusaka hingga mereka kukuh dan melanjutkan usahanya, sebagaimana mendapatkan kerabat dekat, maka menjadi kuatlah rasa cinta dan meratalah tali persaudaraan antara mereka, seluruh keluarga merasakan kenikmatan dengan harta yang Allah menjadikannya sebagai perantaraan untuk memenuhi keperluan dan keinginan yang direstui oleh fitrah manusia dan syariat Allah SWT.¹¹⁹

2.10 Penangguhan Pembahagian Harta Pusaka Dalam Pandangan Islam

Perbahasan mengenai penangguhan pembahagian harta pusaka hampir tidak kita dapati dalam literatur kitab-kitab fiqh *farāiq*, namun bukan bererti permasalah ini terluput

¹¹⁸*Ibid.*, 30.

¹¹⁹Mahmud Muhammad Baadly, *Pengurusan dan Penyelewengan Harta dalam Pandangan Islam*, terj. Abdul Hadi, (Kuala Lumpur: Dinie Publisher, 1994), 110.

daripada perbincangan para ulama. Semua permasalahan mengenai harta pusaka telah dijelaskan walaupun tidak dibincangkan secara langsung.

Pada dasarnya, masyarakat Islam dituntut supaya menyelesaikan harta pusaka seberapa segera yang mungkin kerana apabila seseorang itu sudah meninggal dunia, secara automatik hartanya menjadi harta pusaka. Maksudnya harta itu akan diwarisi oleh orang yang ditentukan mengikut hukum *farāid*.

Penangguhan pembahagian harta pusaka merupakan penangguhan pembahagian harta yang terjadi akibat berselang waktu yang lama sejak kematian si pewaris sampai terlaksananya pembahagaian harta pusaka.

Untuk mengetahui masa penangguhan tersebut, maka terlebih dahulu akan dikaji masa pembahagian yang tercepat dan penentuan waktu atau masa habis tempoh. Dalam aturan hukum pusaka Islam, waktu pelaksanaan pembahagian harta pusaka berawal sejak meninggalnya si pewaris.¹²⁰

Menurut kebiasaan adat dalam kalangan Masyarakat Islam bahawa sebahagian diantara mereka menyelesaikan pembahagian harta pusaka setelah memperingati hari kematian pada hari ke-44 atau hari ke-100. Dengan anggapan bahawa pada waktu-waktu tersebut akan dilaksanakan kenduri kematian untuk si mati dan di harapkan waris-waris dapat berkumpul di rumah pewaris.

Dalam rujukan kitab fiqh, adat kebiasaan dikenal dengan istilah ‘urf.¹²¹ Kedudukan ‘urf *sahih*¹²² dapat dijadikan sebagai hukum dan oleh seorang hakim dan dapat

¹²⁰Dalam hukum adat, pembahagian harta pusaka dapat terjadi semasa hidup si pewaris. Ter Haar Bzn, *Asas-Asas dan Susunan Hukum Adat*, (Jakarta: Paramita 1960), 120; Imam Sudiyat, *Hukum Adat Sketsa Asas*, (Yogyakarta: Liberty, 1981) 185.

¹²¹Sesuatu yg telah dilakukan oleh masyarakat dan merupakan kebiasaan di kalangan mereka, baik berupa perkataan maupun perbuatan.

dipergunakan dalam menetapkan hukum suatu perkara. Atas dasar itulah sarjana *uṣūl fiqh* membuat kaedah (العادة مُحَكّمة). Adat kebiasaan itu merupakan syariat yang ditetapkan sebagai hukum.

Dari perbincangan di atas dapat diketahui bahawa untuk pembahagian harta pusaka biasanya berawal dari meninggalnya pewaris sampai dengan dilaksanakannya peringatan hari kematian yang ke-100. Sementara itu mengenai lamanya waktu atau masa habis tempoh dalam kitab fiqh, di kenal dengan istilah *taqaddum* dan *ba'da mada al muddah*.¹²³ Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada beberapa pendapat dibawah ini:

Menurut Syeikh ‘Abdullah al-Syarqāwī, apabila telah lewat batas waktu lima belas tahun, maka hakim tidak boleh lagi menerima tuntutan.¹²⁴ Sedangkan menurut A’lā al-Dīn Afandi, seseorang yang tidak menuntut dalam masa 33 tahun, padahal ia tidak ada halangan untuk menuntut, kemudian ia menuntut kembali, maka tuntutan itu tidak di terima, dan ia tidak dapat menuntut padahal ada kemungkinan untuk itu.¹²⁵

Namun demikian, walaupun Islam mengenal masa habis tempoh tetapi Islam tidak mengakui itu sebagai sebab pemilikan. Untuk itu beberapa sebab *milkīyyah* yang tidak diakui dalam Islam di antaranya: *milkīyyah* dengan jalan peperangan sesama sendiri;

¹²² *Urf sahīh* ialah kebiasaan yang berlaku ditengah-tengah masyarakat yang tidak bertentangan dengan nash (ayat atau hadīth) tidak menghilangkan kemaslahatan mereka, dan tidak juga membawa mudarat kepada mereka. Lihat Abdul al-Wahhāb Khallāf, *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, ed. ke-8 (Cairo: Maktabah al-Dakwah al-Islamiyah, t.t), 89.

¹²³ Abd Ar-rahmān al-Jazāiry, *al-Fiqh Ala al-Maẓāhibul al-Arbaah*, (Misr: Dār al-fikr li al-Tabā' wa al-Nasyr wa al-Tawzī'iyy, t.t) 4-578; Ahmad Nāṣir al-Jundī, *Mabādi' al-Qadā' al-Syāfi'i Fi Khamsīn Am*, (Misr: Dār al-Fikr al-Arabiyy 1978) 1:165.

¹²⁴ Ini adalah pendapat Syeikh al-Rahmāniy dan difatwakan oleh Ziyād yang mengikuti pendapat al-Ramliy; ‘Abdullah Hijazi Bin Ibrāhīm al-Syarqāwī, *Hāshiyah al-Syarqāwī*, (Bairūt: Dar al-Ma'rifah, t.t), 382.

¹²⁵ Muhammad A’la al-Dīn Afandi, *Hāshiyah Qurratu ‘Uyūn al-Akhyār Takmilah Radd al-Muhtār ‘ala al-Darri al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Abshār*, (Riyādh: Dār ‘Alīm al-Kutub, 2003), 11: 653.

milkīyyah dengan jalan menghambakan orang yang tidak sanggup membayar hutang dan *milkīyyah* melalui masa habis tempoh atau dalam istilah fiqh dikatakan *taqaddum*.¹²⁶

Dalam permasalahan pemilikan harta, Mustafā Ahmad Zarqā’ mengatakan pemilikan harta itu masih dalam bidang *mu’āmalah māliyyah*. Sedangkan status pemilikan manfaat adalah terbatas.¹²⁷

Dari penjelasan di atas dapat difahami bahawa masa habis tempoh dalam kitab fiqh antara 15 sampai 33 tahun. Untuk menetapkan waktu penangguhan tersebut, maka dapat digunakan ukuran jarak antara waktu terlama pembahagian harta pusaka biasa iaitu 100 hari dengan jarak masa habis tempoh iaitu 33 tahun. Dengan menggunakan ukuran di atas dapat dirumuskan tenggang waktu pembahagian harta pusaka kepada tiga kategori:

1. Pembahagian biasa iaitu sejak meninggalnya si pewaris hingga peringatan hari kematian yang ke- 100 hari kenduri arwah.
2. Penangguhan iaitu sehabis peringatan 100 hari kematian sampai sebelum waktu atau masa habis tempoh 33 tahun.
3. Masa habis tempoh, iaitu dari 33 tahun hingga seterusnya.

Islam juga telah menentukan hak waris dalam harta pusaka si mati dan kemudian terpulang kepada waris tersebut untuk menentukan bagaimana pemilikan harta berdasarkan hak yang telah ditentukan itu sama ada untuk memecahkannya, mengekalkannya, menangguhkannya atau menambahkannya dengan harta milik mereka yang sedia ada. Begitu juga dalam Islam terdapat kaedah *takhāruj* yang membolehkan mana-mana waris untuk keluar daripada agihan tersebut. Namun begitu, persoalan ini masih belum terjawab

¹²⁶al-Kamāl ibn al-Humām, *Fath al-qadīr*, (Misr: Mustafā al-Bāb, 1970) 5:456; Hasbi ash-Shiddieqy, *Pengantar Fiqh Muamalah*, (Jakarta: Bulan Bintang, 1974), 9.

¹²⁷Muṣṭafa Aḥmad Zarqā’, *al-Fiqh al-Islamiyyī Tabwīb al-Jadīd*, (Bairut: Dār al-Fikr, 1968) 421.

dan kebanyakan penulis daripada aliran pengajian Islam tetap berpandangan bahawa larangan penangguhan pembahagian harta pusaka seperti yang banyak berlaku dalam masyarakat Islam, merupakan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam.

BAB III

SISTEM PUSAKA DI INDONESIA DAN PELAKSANAAN PUSAKA DI ACEH

3.1. Pendahuluan

Hukum Islam di Indonesia merupakan suatu aturan yang mengatur norma-norma kehidupan dan diamalkan dalam masyarakat Islam di Nusantara. Sejarah mencatatkan bahawa Snouck Hurgronje dan Van Vollen Hoppen pada tahun 1937 membuat sebuah teori yang terkenal dengan teori “*Repceptie*”, dimana hukum Islam berlaku bagi rakyat pribumi bila norma hukum Islam itu bersesuaian dengan hukum adat. Teori ini dijadikan alat agar masyarakat pribumi jangan sampai memegang ajaran Islam dan hukum Islam dengan kuat. Jika mereka berpegang terhadap ajaran dan hukum Islam, dikhawatirkan mereka akan sulit menerima dan mudah dipengaruhi oleh budaya barat.¹²⁸

Dengan adanya teori tersebut, maka sejak tahun 1937 Pengadilan Agama (*Preister Raad*) tidak mempunyai kekuasaan dalam penyelesaian perselisihan harta pusaka. Hal ini terjadi kerana hukum pusaka yang diamalkan di Peradilan Agama tersebut berasaskan kepada hukum pusaka Islam, dan bertentangan dengan hukum adat. Keadaan demikian berlangsung selama 52 tahun.

Dengan berakhirnya amalan teori tersebut pada tahun 1989, maka hak dan kekuasaan Pegadilan Agama untuk mengadili perkara harta pusaka kembali berlaku setelah undang-undang Nomor 7 tahun 1989 tentang Peradilan Agama disahkan pada tanggal 29 Disember 1989.

¹²⁸Amir Syarifuddin, *Hukum Kewarisan Islam*, (Jakarta: Kencana, 2008), 324; Osin Moh. Muhsin, S.H, M.Hum, *Penyelesaian Perkara Kewarisan di Mahkamah Syariah Kota Banda Aceh dan Problematikanya*, (Kertas kerja pada Pelatihan ilmu Fara'id Bagi Tokoh Masyarakat Se-Kota Banda Aceh, Aula Gedung C Pemerintah Kota Banda Aceh, 20-21 Maret 2013), 1.

Selain fakta sejarah tersebut, sangat sedikit diajarkannya mata pelajaran fiqh pusaka Islam sama ada di madrasah-madrasah, sekolah-sekolah agama, pondok-pondok pasantren, perguruan tinggi, dakwah dalam masyarakat, khutbah maupun diskusi-diskusi.

Dengan demikian, pada peringkat awal masyarakat di Indonesia tidak banyak mendapat maklumat tentang hukum pusaka Islam, mereka lebih cenderung untuk mengamalkan tradisi pembahagian harta pusaka secara adat dan turun temurun yang berlaku sejak zaman nenek moyang mereka.¹²⁹

3.2 Sistem Pusaka di Indonesia

Dalam kalangan masyarakat di Indonesia, terdapat lima macam sistem pusaka, iaitu:¹³⁰

1. Sistem Keturunan

Masyarakat Indonesia menganut pelbagai agama dan kepercayaan serta mempunyai bentuk kekeluargaan dengan sistem keturunan yang berbeza. Sistem keturunan ini sudah diamalkan sejak dahulu sebelum kedatangan agama Islam. Sistem keturunan yang berbeza ini telah mempengaruhi sistem pusaka di Indonesia.

Secara teori, sistem keturunan dapat dibezakan dalam tiga bentuk, iaitu:¹³¹

a. Sistem Kebapaan (*Patrilineal*),

Dalam kekeluargaan yang bersifat kebapaan, seorang isteri dilepaskan hubungan kekeluargannya dengan orang tuanya, datuknya, saudara kandungnya dan lain-lain dari sanak keluarganya kerana sebab perkahwinan. Sejak awal perkahwinan isteri

¹²⁹*Ibid.*,

¹³⁰Hazairin, *Hukum Kewarisan Bilateral*, 15; Hilman Hadikusuma, *Hukum Waris Adat*, (Bandung: Alumni, 1980), 33.

¹³¹Soerjono Soekanto, *Hukum Adat Indonesia*, (Jakarta: Rajawali Press, 2010), 259-260; Oemarsalim, *Dasar-dasar Hukum Waris di Indonesia*, (Jakarta: Rineka Cipta, 2000), 6; Al-yasa' Abubakar, *Rekonstruksi Fikih Kewarisan Reposisi Hak-hak Perempuan*, (Banda Aceh: LKAS, Institute for Religious and Social Studies, 2012), 21 ; Syahrizal, *Hukum Adat dan Hukum Islam Di Indonesia*, 194.

masuk dalam lingkungan keluarga suaminya sama ada anak-anak atau keturunan dari perkahwinan itu, kecuali bagi anak perempuannya yang sudah berkahwin, ia masuk dalam lingkungan keluarga suaminya. Ciri daripada perkahwinan dalam kekeluargaan yang bersifat kebapaan ialah di mana isteri dibeli oleh keluarga suaminya dari keluarga isteri dengan sejumlah wang sebagai harga pembelian. Perkahwinan *patrilineal* di Aceh umumnya dianut oleh masyarakat Gayo di Aceh Tengah. Perkahwinan semacam ini dikenal dengan *perkahwinan jueLEN*.¹³² Dalam *perkahwinan jueLEN*, seorang wanita dianggap telah putus hubungan dengan orang tuanya. Sehingga ia tidak dianggap sebagai ahli waris dan tidak lagi berhak atas pusaka dari orang tuanya. Harta yang biasanya berupa benda-benda selain harta tanah diberikan oleh orangtuanya sewaktu ia berkahwin telah dianggap sebagai ganti daripada bahagian pusakanya.¹³³

b. Sistem Keibuan (*Matrilineal*),

Kekeluargaan yang mengamalkan sistem keibuan di Indonesia hanya terdapat di satu daerah iaitu di tanah Minangkabau. Setelah perkahwinan di daerah itu terjadi suami tinggal di rumah isteri atau keluarga isterinya. Suami tidak masuk dalam ikatan keluarga isteri, tetapi anak-anak keturunannya dianggap milik isterinya sahaja, bukan milik bapanya. Bapa tidak mempunyai kekuasaan terhadap anak-anaknya. Kekayaan yang dipergunakan untuk keperluan rumah tangga suami isteri dan anak keturunannya biasanya diambil dari milik keluarga isteri.

c. Sifat Kebapa-Ibuan (*Parental*),

Kekeluargaan yang bersifat kebapa-ibuan adalah yang paling merata terdapat di Indonesia, iaitu di Jawa, Madura, Sumatra Timur, Riau, Aceh, Sumatra selatan,

¹³²Syahrizal, *Hukum Adat dan Hukum Islam Di Indonesia*, 203.

¹³³Ibid.

Kalimantan, Sulawesi, Ternate dan Lombok. Dalam kekeluargaan semacam ini pada dasarnya tiada perbezaan antara suami dan isteri perihal kedudukannya dalam keluarga masing-masing. Suami sebagai akibat dari perkahwinan menjadi anggota keluarga isteri, dan isteri juga menjadi anggota keluarga suami. Begitu juga dengan anak-anak keturunannya tidak ada perbezaan antara anak serta cucu sama ada lelaki maupun perempuan. Sistem kekeluargaan dalam masyarakat Aceh adalah *parental*, kerana itu sesuai dengan hukum pusaka Islam yang juga mengamalkan sistem *parental*. Islam mengakui hak pusaka dari pihak bapa dan dari pihak ibu dan tidak memihak atau berat sebelah dari salah satu keturunan suatu keluarga. Hukum pusaka Islam tetap memberikan hak atas harta pusaka orang tuanya kepada keturunan lelaki dan perempuan.¹³⁴

Perbezaan dari tiga sifat kekeluargaan di atas terjadi kerana hubungan perkahwinan yang boleh berlaku bentuk campuran atau berganti-ganti antara sistem *parental* dan *matrilineal*. Dalam perkembangannya di Indonesia, sistem keturunan *parental* adalah yang lebih dominan dalam hal yang menyangkut harta benda dan pusaka.¹³⁵

2. Sistem Pusaka Individu

Sistem pusaka individu iaitu suatu sistem pusaka di mana setiap ahli waris mendapatkan pembahagian untuk dapat menguasai dan memiliki harta pusaka menurut bahagiannya masing-masing. Setelah harta pusaka itu dilaksanakan pembahagian maka masing-masing waris dapat menguasai dan memiliki bahagian harta pusakanya untuk dimanfaatkan pada masa hadapan.¹³⁶

¹³⁴Ibid., 200.

¹³⁵Hadikusuma, *Hukum Waris Adat*, 33.

¹³⁶Dewi Wulansari, *Hukum Adat Indonesia; Suatu Pengantar*, (Bandung: Ferika Aditama, 2012), 75.

Sistem individu ini banyak berlaku dalam kalangan masyarakat yang mengamalkan sistem kekerabatan *parental* sebagaimana berlaku dalam kalangan masyarakat adat yang kuat dipengaruhi hukum Islam.

Masyarakat Aceh secara amnya mengamalkan sistem pusaka individu di mana harta pusaka dibahagikan kepada setiap ahli waris berdasarkan bahagian masing-masing ahli waris. Hal ini kerana hukum yang berlaku di masyarakat Aceh banyak dipengaruhi oleh hukum Islam.

Keutamaan daripada sistem ini ialah dengan pemilikan secara individu maka ahli waris bebas menguasai dan memiliki harta pusaka bahagiannya untuk dipergunakan sebagai modal kehidupannya pada masa hadapan tanpa dipengaruhi oleh anggota keluarga yang lain.

3. Sistem Pusaka Kolektif

Sistem pusaka ini cirinya adalah harta peninggalan itu dipusatkan secara bersama oleh sekumpulan ahli waris yang merupakan semacam pertubuhan hukum di mana harta pusaka tidak boleh dipecah-pecahan. Mereka hanya boleh memakai dan mengambil manfaatnya sahaja tanpa boleh memiliki, seperti dalam masyarakat matrilineal di Minangkabau yang dikenal dengan “*ganggam bauntui*”¹³⁷.

Pada umumnya sistem pusaka ini berbentuk harta peninggalan pewaris yang berupa tanah, sawah, dan rumah. Adapun cara pemakaian untuk kepentingan dan keperluan masing-masing ahli waris diatur bersama atas dasar musyawarah dan mufakat oleh seluruh anggota keluarga yang berhak atas harta peninggalan di bawah bimbingan seorang ketua dari pada kerabat.

¹³⁷ *Ibid.*

4. Sistem Pusaka Mayorat

Sistem pusaka ini mempunyai ciri di mana anak yang tertua pada saat meninggalnya pewaris berhak secara tunggal untuk mewarisi seluruh harta peninggalan atau berhak tunggal untuk mempusakai sejumlah harta pusaka dari satu keluarga, seperti dalam masyarakat *parental* yang berpindah-pindah di Bali (hak mayorat ada pada anak lelaki tertua) dan di tanah Semendo di Sumatra Selatan (hak mayorat ada pada anak perempuan tertua).

Sistem pusaka ini baik tidaknya tergantung kepada kepemimpinan anak tertua. Di mana dalam kedudukannya sebagai pengganti orang tua yang telah meninggal dunia dalam mengurus harta kekayaan dan memanfaatkannya untuk kepentingan semua anggota keluarga ahli waris yang ditinggalkannya. Dengan demikian, sistem pusaka ini dapat membuka ruang terjadinya perselisihan dalam penguasaan harta pusaka tersebut.

Sistem pusaka no. 2, 3 dan 4 yang telah dijelaskan di atas adalah termasuk kepada sistem hukum waris adat, namun dalam amalannya dapat diketahui bahawa dalam sebuah keluarga ketika menentukan sistem kewarisan adakahanya menggunakan sistem campuran yang mengambil ketentuan daripada ketiga sistem kewarisan tersebut.¹³⁸

5. Sistem Pusaka Islam

Sistem pusaka Islam ialah sistem hukum pusaka yang dalam pelaksanaan dilakukan setelah pewaris meninggal dunia. Maknanya, jika ada yang meninggal dunia maka ada masalah waris.¹³⁹ Mengenai sistem pusaka Islam telah dijelaskan sebelumnya dalam bab II.

¹³⁸Ibid., 76 ; Soejono Soekanto, *Hukum Adat Indonesia*, (Jakarta: Rajawali Press, 2010), 260.

¹³⁹Hadikusuma, *Hukum Waris Adat*, 40.

6. Sistem Pusaka Barat

Sistem pusaka menurut hukum barat adalah hukum yang berlaku di negara Indoensia yang telah diatur dalam Kitab Undang-Undang Hukum Perdata (KUHP) atau yang dikenal dengan istilah *Burgerlink Wetboek* (BW).¹⁴⁰ Sistem ini mengamalkan sistem individu, di mana ketika seseorang meninggal dunia maka harta pusaka harus segera dibahagikan. Sistem ini kebanyakannya dianuti oleh warga negara Indonesia keturunan asing seperti keturunan Eropah, China, bahkan keturunan Arab lainnya yang tidak lagi berpegang teguh pada ajaran agamanya.

Asas utama hukum waris barat adalah tercantum dalam fasal 1066 KUH Perdata yang berbunyi:¹⁴¹

- (1) Dalam hal seorang mempunyai hak atas sebahagian dari sekumpulan harta-benda seorang itu tidak dipaksa membiarkan harta benda itu tetap tidak dipecahkan di antara orang-orang yang bersama-sama berhak atasnya.
- (2) Pembahagian harta benda ini selalu dapat dituntut, meskipun ada suatu perjanjian yang bertentangan dengan itu.
- (3) Dapat dipertanggungjawabkan, bahawa pembahagian harta benda itu dipertangguhan selama waktu tertentu.

¹⁴⁰ *Burgerlink Wetboek* (BW) iaitu suatu aturan hukum yang dibuat oleh pemerintah Hindia-Belanda yang dianuti oleh kaum golongan warga negara bukan asli iaitu dari Eropah, Tionghoa dan Timur. Namun demikian, berdasarkan kepada fasal 2 aturan peralihan Undang-undang Dasar 1945, seluruh peraturan yang dibuat oleh pemerintah Hindia-Belanda berlaku bagi warga negara Indonesia. Beberapa ketentuan yang terdapat di dalam BW pada saat ini telah diatur secara khas oleh pelbagai peraturan perundang-undangan. Kodifikasi KUH Perdata Indonesia yang diumumkan pada tanggal 30 April 1847 melalui *Staatsblad* No. 23. Setelah Indonesia Merdeka, berdasarkan aturan fasal 2 aturan peralihan *Undang-Undang Dasar 1945*, KUH Perdata Hindia Belanda tetap dinyatakan berlaku sebelum digantikan dengan Undang-Undang baru berdasarkan Undang-Undang Dasar ini. BW Hindia Belanda merupakan induk hukum perdata Indonesia. Lihat wikipedia, "Kitab Undang-Undang Hukum Perdata", http://id.wikipedia.org/wiki/Kitab_Undang-undang_Hukum_Perdata, dicapai pada 5 april 2014.

¹⁴¹ Wirjono Podjodikoro, *Hukum Pusaka di Indonesia*, ed. ke-5, (Bandung: Sumur Bandung, 1976), 14.

- (4) Perjanjian semacam ini hanya dapat berlaku selama lima tahun tetapi dapat diadakan lagi, kalau masa lima tahun itu telah lalu.

3.3 Peruntukan Pusaka dalam Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Indonesia

Dalam perkembangan hukum pusaka Islam di Indonesia, hukum pusaka Islam di Indonesia dinyatakan sebagai hukum yang berlaku bagi umat Islam di Indonesia iaitu sejak dikeluarkan Kompilasi Hukum Islam (KHI), dengan melalui suatu proses yang panjang yang melibatkan Mahkamah Agung sebagai pemegang kekuasaan peradilan tertinggi di Indonesia bersama Menteri Agama, dan juga para ulama, pakar fiqh, ahli hukum dan pemuka masyarakat.

Penyusunan Kompilasi Hukum Islam (KHI) ini telah ditempuh pelbagai peringkat dan pendekatan perumusan.¹⁴² Peringkat pertama, ditempuh melalui pengkajian kitab-kitab fiqh Islam. Pengkajian kitab-kitab ini melibatkan para pakar dari Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (IAIN) di Indonesia dengan merumuskan pedoman hukum yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh disertai dalil hukumnya yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Hadīth Rasulullah SAW.¹⁴³

Peringkat kedua, adalah melibatkan para ulama di sepuluh ibu kota provinsi di Indonesia dengan menemu bual dan membahagikan soal selidik tentang pelbagai hal yang berkaitan dengan hukum perkahwinan, hukum pusaka dan hukum perwakafan. Para ulama tersebut terdiri dari perwakilan individu mahupun perwakilan pimpinan organisasi masyarakat dan sosial keagamaan.

¹⁴²M. Anshary, *Hukum Kewarisan Islam Indonesia, Dinamika Pemikiran dari Fiqh Klasik ke Fiqh Indonesia Modern*, (Bandung: Mandar Maju, 2013), 14-15.

¹⁴³Muhibbin dan Wahid, *Hukum Kewarisan Islam*, 171.

Peringkat ketiga, adalah jalur perundangan yang dimulai sejak zaman Hindia-Belanda terhimpun dalam buku-buku dan dokumen-dokumen, yang dipelajari dan dikaji serta disimpulkan landasan hukum daripadanya.

Peringkat keempat, adalah jalur kajian perbandingan ke negara-negara majoriti umat Islam seperti Arab Saudi, Mesir, Tunisia dan lainnya, mengenai hukum dan pelaksanaan hukum Islam di negara tersebut serta sistem peradilan mereka.

Dengan demikian, melalui keempat peringkat tersebut, pendekatan asas-asas hukum Islam yang dirumuskan dan terbentuk Kompilasi Hukum Islam (KHI) di Indonesia.¹⁴⁴

KHI terdiri dari tiga buku, buku I tentang hukum perkahwinan, buku II tentang hukum pusaka, dan buku III tetang hukum perwakafan. Landasan pelaksanaannya secara rasmi diumumkan berdasarkan Instruksi Presiden Nomor 1 tahun 1991 yang dikeluarkan pada tanggal 10 jun 1991, diikuti pula oleh Keputusan Menteri Agama Nomor 154 tahun 1991 yang meminta untuk segera menerapkan Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang mengatur urusan perkahwinan, kewarisan dan perwakafan di Pengadilan Agama yang ada di seluruh Indonesia.¹⁴⁵ Selanjutnya aturan hukum dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang mengatur tentang harta pusaka terdiri dari 23 fasal, yang di mulai dari fasal 171 sampai dengan fasal 193.¹⁴⁶

Adapun ketentuan umum mengenai harta pusaka terdapat dalam fasal 171 yang menjelaskan, antaranya: a). Hukum Kewarisan sebagaimana juga terdapat dalam kitab fiqh dengan rumusan yang berbeza. b). Membincangkan tentang pewaris dengan syarat beragama Islam dan c). Membincangkan tentang ahli waris, di mana disyaratkan

¹⁴⁴Ibid.; Muhammad Daud Ali, “Asas-asas Hukum Kewarisan Dalam Kompilasi Hukum Islam”, *Majalah Mimbar Hukum*, Nombo 9 Tahun 1993, (Penerbit al-Hikmah dan Ditbinbapera Islam), 3.

¹⁴⁵Moh. Muhibbin dan Abdul Wahid, *Hukum Kewarisan Islam*, 172.

¹⁴⁶Syarifuddin, *Hukum Kewarisan Islam*, 327.

wujudnya hubungan kekerabatan dengan pewaris dan beragama Islam. Sedangkan d) dan e). Membincangkan tentang anak angkat dan baitul mal.

Fasal 172 menjelaskan tentang identiti keislaman seseorang. Di dalam fasal ini dijelaskan bahawa keislaman seseorang boleh diketahui daripada amalan dan kesaksian, sedangkan bayi atau anak yang belum dewasa mengikut kepada agama bapanya.

Pada fasal 173 membincangkan tentang terhalangnya seseorang daripada mendapatkan harta pusaka. Adapun format dan substansinya berbeza dengan fiqh, dengan rumusan:

Seseorang terhalang menjadi ahli waris apabila dengan putusan hakim yang telah mempunyai kekuatan hukum yang tetap, ianya dihukum kerana:

- i. Dipersalahkan telah membunuh atau mencoba membunuh atau menganiaya berat pada pewaris.
- ii. Dipersalahkan secara menfitnah telah mengajukan pengaduan bahawa pewaris telah melakukan suatu kejahanan yang diancam dengan hukuman 5 tahun penjara atau hukuman yang lebih berat.

Selanjutnya fasal 174 tentang ahli waris, sama ada dalam hubungan darah mahupun perkahwinan. Sedangkan tentang kewajipan ahli waris terhadap harta sebelum dibahagikan harta pusaka kepada ahli waris diatur dalam fasal 175 seperti *tajhiz mayyit*, hutang dan wasiat pewaris.

Dalam fasal 176 membincangkan tentang hak bahagian anak terhadap harta pusaka, sama ada dalam keadaan sendiri mahupun lebih dari satu orang, sedangkan bahagian bapa diatur dalam fasal 177 sebagai berikut:

“Bapa medapatkan sepertiga bahagian apabila pewaris tidak mempunyai anak, bila ia mempunyai anak, maka bapa mendapat seperenam bahagian”

Sedangkan bahagian ibu dalam tiga kemungkinannya diatur dalam fasal 178. Dan fasal 179-180 menyebutkan tentang bahagian duda dan janda dalam dua kemungkinannya, dalam penentuan bahagiannya telah bersesuaian dengan al-Qur'an dan rumusannya dalam fiqh.

Fasal 181 menjelaskan bahagian saudara seibu, manakala bahagian saudara kandung dan sebapa dijelaskan dalam fasal 182, di mana dalam segala kemungkinannya juga telah bersesuaian dengan al-Qur'an. Fasal 183 membincangkan tentang usaha perdamaian yang menghasilkan pembahagian yang berbeza dari petunjuk namun atas dasar kerelaan bersama. Ianya dapat diterima dengan menggunakan pendekatan pemahaman *takharuj* yang dibenarkan dalam mazhab Hanafi.¹⁴⁷

Fasal 184 membincangkan tentang pengangkatan wali bagi anak yang belum dewasa untuk mengurus hak pusaka anak tersebut, meskipun tidak dinyatakan dalam kitab-kitab *fiqh farāid*, namun kerana telah bersesuaian dengan maksud dan kehendak al-Qur'an surah al-Nisa' ayat 5, fasal ini dapat diterima.

Mengenai ahli waris pengganti telah dirumuskan pada fasal 185 yang menyatakan:

- a) Ahli waris yang meninggal lebih dahulu daripada pewaris maka kedudukannya dapat digantikan oleh anaknya, kecuali mereka yang tersebut dalam fasal 173.
- b) Bahagian ahli waris pengganti tidak boleh melebihi dari bahagian ahli waris yang sederajat dengan yang diganti.

Fasal 185 (a) menyatakan bahawa mengakui wujudnya ahli waris pengganti. Adapun ahli waris pengganti ialah hak pusaka cucu melalui anak perempuan yang diketahui dari kaedah "ahli waris yang meninggal lebih dahulu" yang digantikan anaknya, sama ada

¹⁴⁷Ibid., 330.

lelaki maupun perempuan. Ketentuan ini juga menafikan sifat diskriminatif yang ada pada hukum pusaka Islam. Ketentuan ini juga bersesuaian dengan budaya Indonesia yang mengamalkan sistem kekeluargaan *parental*.

Adapun fasal 185 (b) menjelaskan pembahagian ahli waris pengganti dengan tetap menganut asas keadilan antara lelaki dan perempuan. Tanpa fasal ini, sukar dilaksanakan penggantian ahli waris kerana ahli waris pengganti itu menurut asalnya hanya sesuai dengan sistem Barat yang menempatkan kedudukan anak lelaki sama dengan anak perempuan.

Fasal 186 mengatur tentang hak pusaka anak yang lahir di luar nikah atau yang lebih dikenal dalam istilah fiqh sebagai anak zina, dan ianya hanya menjadi ahli waris bagi ibunya dan keturunan dari pihak ibu sahaja.

Fasal 187 tentang pelaksanaan pembahagian harta pusaka, fasal 188 berkenaan dengan pengajuan permintaan untuk pembahagian harta pusaka dan fasal 189 membincangkan tentang pusaka tanah pertanian, walaupun tidak diatur dalam fiqh, namun kerana hal-hal ini hanya menyangkut masalah pentadbiran dan sesuai pula dengan prinsip maslahah.

Fasal 190 tentang hak isteri atas bahagian harta bersama atau lebih dikenal dengan harta *gono-gini*,¹⁴⁸ secara langsung tidak menyangkut hak pusaka mempusakai dan dalam kedudukan sebahagian yang menjadi hak pewaris.

Fasal 191 tentang pewaris yang tidak meninggalkan ahli waris atau ahli waris tidak diketahui keadaannya mengikut kepada aturan fiqh *farāiq*. Adapun fasal 192 dan 193

¹⁴⁸Harta yang dihasilkan bersama suami isteri selama dalam ikatan perkahwinan, di Aceh disebut dengan *hareuta sihareukat* atau *hareuta syarikat*. Syahrizal, *Hukum Adat dan Hukum Islam Di Indonesia*, 272.

masing-masing membincangkan tentang penyelesaian pembahagian harta pusaka dengan cara ‘awl¹⁴⁹ dan radd¹⁵⁰.

Dalam penjelasan fasal demi fasal yang berkenaan dengan ketentuan pusaka mempusakai dapat dikatakan bahawa pada umumnya Kompilasi Hukum Islam (KHI) dapat dikatakan sebagai pembaharuan dalam Hukum Pusaka Islam, meskipun ianya terdapat beberapa poin yang tidak sesuai dengan kitab fiqh. Antaranya ialah fasal 194-209 yang mengatur tentang *waṣiyyah wājibah*, yang dianggap sebagai hukum materil dan diterapkan di peradilan Mahkamah Syariah.

Secara teori, *waṣiyyah wājibah* ialah tindakan yang dilakukan penguasa atau hakim untuk memberi keputusan wajib wasiat bagi orang yang telah meninggal dunia yang diberikan kepada orang tertentu dalam keadaan tertentu.¹⁵¹

Kompilasi Hukum Islam mempunyai ketentuan tersendiri tentang *waṣiyyah wājibah* dan berbeza dalam pengaturannya dari negara-negara Muslim yang lain. Konsep Kompilasi Hukum Islam memberikan *waṣiyyah wājibah* terbatas kepada anak angkat dan orang tua angkat. Sementara negara-negara lain seperti Mesir, Syria, Maroko dan Tunisia memperuntukkan *waṣiyyah wājibah* untuk mengatasi persoalan cucu yang orang tuanya meninggal lebih dahulu daripada datuknya.¹⁵²

Melihat latar belakang penyusunan Kompilasi Hukum Islam ini, dapat diperoleh beberapa alasan tentang penetapan *waṣiyyah wājibah* terbatas kepada anak dan orang tua

¹⁴⁹awl terjadi apabila jumlah *fūrūd* dari beberapa orang ahli waris yang terkelompokkan pada satu kes melebihi harta yang ada sehingga harta yang ditinggalkan tidak mencukupi untuk memenuhi semua *fūrūd*.

¹⁵⁰Radd terjadi apabila wujudnya baki harta sesudah dibahagikan kepada *dhaw furūd* sedangkan ahli waris yang berhak atas baki tersebut tidak ada, sehingga semua baki harta yang ada dikembalikan kepada ahli waris *fūrūd* yang ada berdasarkan kadar bahagian masing-masing.

¹⁵¹Abdul Manan “Beberapa Masalah Hukum Tentang Wasiat dan Permasalahannya Dalam Konteks Kewenangan Peradilan Agama”, *Jurnal Mimbar Hukum Aktualisasi Hukum Islam*, no. 38 Tahun IX, 1998, 23

¹⁵²Roihan A. Rasyid, “Pengganti Ahli Waris dan Wasiat Wajibah”, *Kompilasi Hukum Islam dan Pengadilan Agama dalam Sistem Hukum Nasional*, (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1999), 88-89.

angkat iaitu pertama, para ulama Indonesia belum menerima konsep anak angkat sebagai ahli waris sebagaimana berlaku dalam hukum adat. Kedua, penerapan ahli waris pengganti terhadap cucu yang ditinggal meninggal lebih dahulu oleh orang tuanya, dipandang lebih adil dan lebih berkemanusiaan bagi masyarakat Indonesia.¹⁵³

3.4 Pelaksanaan Pembahagian Harta Pusaka di Aceh

Islam merupakan agama yang dianut oleh majoriti masyarakat di Aceh. Kehidupan masyarakat Aceh dikenal sebagai penganut yang cukup fanatik terhadap ajaran agamanya. Setiap perilaku dalam amalan kehidupannya selalu mengikut pada norma yang berasaskan ketentuan-ketentuan hukum Islam.

Hukum Islam di Aceh sudah dipraktikkan sejak masuknya agama Islam ke Nusantara iaitu melalui Kerajaan Pasai, Aceh Utara (1345 M), hal ini terbukti dengan berdirinya kerajaan-kerajaan Islam di Aceh yang menjalankan hukum Islam. Antaranya pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636). Selain menjalankan hukum Islam, beliau juga menerapkan hukum adat dalam memutuskan suatu kes di mahkamah.¹⁵⁴

Pada masa pemerintahan kolonial Belanda Snouck Hurgronje telah melakukan penelitian di Aceh pada tahun 1891-1892 mengenai hukum yang hidup dan berlaku bagi umat Islam di Aceh. Hasil penelitiannya menunjukkan bahawa dalam kalangan masyarakat Aceh di samping berlaku hukum Islam terdapat juga ketentuan lain yang disebut dengan ketentuan hukum adat (*adatrecht*).¹⁵⁵

¹⁵³Hartini, “Wasiat Wajibah Dalam Kompilasi Hukum Islam”, *Jurnal Mimbar Hukum*, No. 37 Tahun II, 2001, 189.

¹⁵⁴Hal ini terdapat dalam kitab yang diberi nama “*Makuta Alam*” kemudian di dalam kitab hukum *Safīnatul Hukkām fi Takhlisi al-Khassām* yang ditulis oleh Jamaluddin Bin Syeikh Muhammad Kamaluddīn. Di dalam muqaddimah kitab hukum acara tersebut dikatakan bahawa dalam memeriksa suatu perkara, seorang hakim mesti memperhatikan Hukum Syarak, Hukum Adat, serta Adat dan *Reusam*. Lihat Hilman Hadikusuma, *Pengantar Ilmu Hukum Adat Indonesia*, (Bandung: Mandar Maju, 1992), 9.

¹⁵⁵Syahrizal, *Hukum Adat dan Hukum Islam Di Indonesia*, 50.

Istilah *adatrecht* pertama kali digunakan oleh Snouck Hurgronje tahun 1893 dalam bukunya *De Atjeher* dan *Het Gajoland*.¹⁵⁶ Asas utama yang terdapat di dalam dua buku tersebut menunjukkan bahawa apa yang berlaku di Aceh daripada hukum adat adalah hukum yang berjalan selaras dengan hukum Islam. Hukum adat merupakan pencerminan dari hukum yang nyata dari masyarakat, sehingga ia berkembang sesuai dengan perkembangan masyarakatnya. Dengan demikian, hukum adat tidak memiliki sifat statis, akan tetapi dinamis.

Hukum adat di Aceh memiliki landasan yang bersumber dari prinsip-prinsip hukum Islam. Ungkapan *adat ngon hukom lagee zat ngen sifeut* (adat dan hukum bagaikan zat dengan sifat) menunjukkan begitu eratnya hubungan antara kedua sistem hukum tersebut¹⁵⁷. Ungkapan ini juga menggambarkan hukum adat dan hukum Islam memiliki fungsi hukum yang sama dalam mengatur kehidupan masyarakat di Aceh. Dalam bidang hukum keluarga dan sebahagian hukum harta benda seperti perkahwinan, pusaka, hibah, wakaf dan sedekah, masyarakat Aceh menggunakan hukum Islam.

Adapun proses pembahagian pusaka di Aceh pada umumnya dilaksanakan setelah meninggalnya pewaris, di mana peralihan harta pusaka baru dapat dilaksanakan setelah si pewaris meninggal dunia. Meskipun demikian, bukan bererti pembahagian harta pusaka sebelum si pewaris meninggal dunia tidak pernah terjadi di Aceh.

Pembahagian harta pusaka sebelum meninggal pewaris biasanya dilakukan oleh orang kaya yang mempunyai anak-anak yang telah dewasa dan bahkan ada yang sudah berkeluarga. Pembahagian harta pusaka sebelum meninggalnya si pewaris bertujuan supaya

¹⁵⁶*Ibid.*

¹⁵⁷Badruzzaman Ismail, *Pengaruh Faktor Budaya Aceh Dalam Menjaga Perdamaian Dan Rekonstruksi* (Kertas kerja pada Seminar Faktor Budaya Aceh Dalam Perdamaian dan Rekonstruksi, yang dilaksanakan oleh Tunas Aceh Research Institute, Darussalam, tanggal 20 September 2006), 1.

harta tersebut dapat dijadikan modal bagi anak-anaknya dalam membina keluarga masing-masing. Pembahagian tersebut dilakukan dengan cara musyawarah dengan mengumpulkan seluruh ahli waris. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan perselisihan di masa hadapan setelah ia meninggal dunia.

Adapun pelaksanaan pembahagian harta pusaka sesudah pewaris meninggal dunia adalah bersesuaian dengan pengertian hukum pusaka Islam. Jika seseorang meninggal dunia, maka sebelum dilaksanakan pembahagian harta pusaka, lazimnya dalam masyarakat Aceh khususnya masyarakat Aceh Besar terlebih dahulu dilaksanakan acara kenduri (hajatan). Acara kenduri kematian dimulai pada hari pertama kematian sampai hari ke tujuh. Pada hari ketujuh, kepala desa, imam dan tokoh masyarakat dan para tetangga diundang untuk acara kenduri yang dilanjutkan dengan pembacaan tahlilan dan doa yang dipimpin oleh imam masjid. Pembahagian harta pusaka terkadang dilaksanakan pada hari ke-44 dan ada juga pada hari ke-100.¹⁵⁸

Amalan pembahagian harta pusaka dalam adat Aceh dinamakan *weuk pusaka*¹⁵⁹. Adapun jenis harta yang diamalkan tersebut berupa:

1. Harta bawaan dari masing-masing pihak suami dan isteri atau harta yang diperoleh dari hadiah, pusaka dan pemberian lainnya. Jenis harta tersebut dinamakan dengan *hareuta tuha* atau *hareuta asai*.¹⁶⁰
2. Harta yang diperoleh suami dan isteri selama berlangsung perkahwinan atau harta bersama yang juga disebut dengan istilah *hareuta sihareukat*.¹⁶¹

¹⁵⁸ Arskal Salim, *Praktek Penyelesaian Formal dan Informal Masalah Pertanahan, Kewarisan dan Perwalian Pasca Tsunami di Banda Aceh dan Aceh Besar*, (Laporan Penyelidikan, International Development Law Organization (IDLO), Post Tsunami Legal Assistance Initiative For Indonesia); Stensilan, “Laporan penelitian dan pencatatan Hukum adat tentang waris, harta serikat dan anak angkat di dalam lima daerah hukum Pengadilan Negeri dalam wilayah Pengadilan Tinggi Banda Aceh”, 2006, 181-192.

¹⁵⁹ M. Yusuf Hasan, “Kecenderungan Pembahagian Pusaka dalam Masyarakat Aceh Besar”, *Jurnal Kanun Ilmu Hukum* no. 24 (Disember 1999), 413.

¹⁶⁰ Syahrizal, *Hukum Adat dan Hukum Islam Di Indonesia*, 267.

Semua harta peninggalan pada saat meninggalnya pewaris tetap berada dalam keadaan utuh untuk beberapa waktu. Keadaan demikian adakalanya berlangsung selama dua puluh hari. Setelah itu dilakukan perhitungan biaya untuk kepentingan pengebumian.¹⁶² Demikian pula dari harta peninggalan tersebut harus dikeluarkan bahagian untuk membayar hutang pewaris dan wasiat-wasiatnya.

Dalam proses pembahagian pusaka di dalam masyarakat Aceh Besar dapat dilakukan melalui dua cara: iaitu melalui musyawarah dan melalui Mahkamah Syariah atau Pengadilan Agama. Adapun cara yang pertama dilakukan secara musyawarah untuk menjaga kehormatan keluarga.¹⁶³ Wujudnya prinsip kekeluargaan dan musyawarah dalam pembahagian harta pusaka diketahui dengan adanya keharusan untuk memberikan tempat tinggal atau rumah kepada ahli waris perempuan.

Dari hasil temu bual dengan para kepala desa, imam masjid dan ketua majelis adat di Aceh Besar mereka sependapat bahawa rumah merupakan hak pusaka yang mesti diberikan kepada ahli waris perempuan. Sedangkan harta pusaka lainnya dibahagikan sesuai dengan haknya masing-masing ahli waris. Pembahagian dengan cara tersebut, tidak bertentangan dengan hukum Islam bila didasarkan atas dasar musyawarah dan kekeluargaan. Masyarakat di Aceh Besar juga meyakini bahawa pembahagian pusaka dengan cara perdamaian dan musyawarah dianjurkan dalam syariat Islam, dan musyawarah menjadi tahap yang pertama dalam pembahagian harta pusaka.¹⁶⁴ Syariat Islam menetapkan bahawa musyawarah adalah bentuk penyelesaian urusan yang paling baik.

¹⁶¹ Menurut ketentuan hukum Adat, harta bersama baru dibagi antara suami dan isteri apabila mereka bercerai, baik cerai hidup maupun cerai mati. Apabila salah satu pihak meninggal dunia, yang disebut dengan cerai mati, maka terlebih dahulu harus dipisahkan mana harta bersama dan mana harta milik pribadi yang meninggal sebelum harta pihak yang meninggal difarā'iḍkan. *Ibid*, 272.

¹⁶² M. Koesnoe, *Membagi Harta Pusaka Menurut Hukum Adat di Kabupaten Aceh Besar*, (Pusat Studi Hukum Adat dan Islam, Fakultas Hukum dan Pengetahuan Masyarakat, 1979), 2-3.

¹⁶³ T. Ismail Is, (Anggota Majelis Adat Aceh), dalam temu bual dengan pengkaji, 25 disember 2013.

¹⁶⁴ *Ibid*.

Pembahagian yang dilakukan secara musyawarah biasanya dihadiri oleh kerabat dekat atau kerabat jauh yang dijadikan sebagai *mediator*. Hasil dari pembahagian pusaka melalui musyawarah tersebut bersifat mengikat walaupun tidak setingkat dengan putusan daripada Mahkamah Syariah, namun dalam kenyataannya sangat sulit untuk membantahnya. Hal ini dapat diketahui berdasarkan hasil penyelidikan, tidak ada satupun responden yang setuju bahawa putusan pembahagian harta pusaka secara musyawarah boleh dibantah oleh ahli waris lainnya.

Pembahagian harta pusaka selalu diusahakan secara damai dan kekeluargaan antara sesama ahli waris yang berhak menerimanya. Apabila sesama kerabat belum mampu menyelesaikan pembahagian harta pusaka, maka cara damai dilakukan oleh kepala desa, imam masjid¹⁶⁵, dan ketua majelis adat¹⁶⁶. Dan pembahagian harta pusaka yang dilakukan oleh tokoh agama dan tokoh masyarakat ini tidak mutlak berdasarkan pada ketentuan *farāiq*. Oleh kerana itu, pembahagian harta pusaka sangat tergantung kepada kesepakatan para ahli waris. Bagi mereka yang menyelesaikan pembahagian harta pusaka tersebut lazimnya diberikan wang yang disebut *boeh peuraee*.¹⁶⁷

Apabila pembahagian harta pusaka berdasarkan musyawarah tidak mungkin dilaksanakan, maka pembahagian berdasarkan ketentuan *farāiq* dilakukan oleh imam masjid dengan disaksikan oleh kepala desa dan tokoh-tokoh masyarakat yang dijemput

¹⁶⁵Tokoh ulama di kampung di samping bertugas sebagai pendidik atau yang mengurus surau dan pengurus pengajian di tingkat kampong, imam masjid juga berfungsi sebagai pemberi nasehat kepada para pihak yang bersengketa, memberi pertimbangan-pertimbangan keagamaan, oleh kerana sebelum dimulainya perdamaian para pihak yang bersengketa terlebih dahulu imam masjid memberikan nasehat-nasehat agama kepada para pihak sehingga para pihak dapat menerima nasehat-nasehat tersebut. Lihat Ilyas, “Eksistensi dan kekuatan Penyelesaian Sengketa Secara Adat Pada Tingkat Kampong Suatu Penelitian di Kabupaten Aceh Besar”, *Jurnal Ilmu Hukum Kanun*, No 50 April 2010), 156.

¹⁶⁶Orang tua kampong yang dipilih oleh masyarakat yang bertugas sebagai dewan pertimbangan apabila ada sesuatu permasalahan atau kes yang perlu saran-saran dan pertimbangan-pertimbangan dalam proses penyelesaian perkara di tingkat kampong. *Ibid*.

¹⁶⁷Mohammad Hoesin, *Adat Aceh*, (Banda Aceh: Pendidikan dan Kebudayaan Daerah Istimewa Aceh, 1970), 39.

hadir. Harta pusaka biasanya langsung dibahagikan di hadapan tokoh masyarakat dengan menunjukkan harta yang akan dibahagikan sama ada secara fizikal mahupun secara perhitungan kepada ahli waris yang menerimanya.¹⁶⁸

Sebelum membahagikan harta pusaka, imam masjid terlebih dahulu meneliti ketentuan halangan ahli waris untuk memperoleh pusaka atas dasar halangan permanen (*hijab hirmān*) mahupun halangan pengurangan bahagian (*hijab nuqsān*). Bila tidak ada sebarang halangan apapun yang ada pada ahli waris, maka imam masjid menetapkan bahawa ahli waris yang berhak didahulukan ialah *dhaw al-furūd*, kerana mereka ialah ahli waris yang telah ditetapkan bahagiannya dalam al-Qur'an dan al-Hadīth seperti 1/2, 1/3, 1/4, 1/6, 1/8 dan 2/3.

Apabila pembahagian harta pusaka kepada *dhaw al-furūd* tidak menghabiskan semua harta, maka bakinya diberikan kepada ahli waris *aṣabah*. Dan apabila harta tidak habis terbagi dalam kalangan *dhaw al-furūd* dan tidak ada ahli waris *aṣabah*, maka baki harta itu diserahkan ke *bait al-māl*. Di Aceh, *bait al-māl* ini dikenal dengan Badan Amil Zakat Infaq dan Shadaqah (BAZIS).¹⁶⁹

Jika pembahagian harta pusaka dengan cara yang di tempuh oleh imam masjid di atas masih belum memuaskan para ahli waris, maka biasanya persoalan ini akan dibawa ke Mahkamah Syariah. Pada tahap awal, Mahkamah Syariah tetap mengusahakan mediasi atau cara perdamaian dalam penyelesaian kes tersebut. Apabila cara tersebut tidak berhasil, maka dilakukan pemeriksaan perkara waris dengan menerapkan hukum *farāid* yang

¹⁶⁸*Ibid.*

¹⁶⁹Syahrizal, *Hukum Adat dan Hukum Islam Di Indonesia*, 229.

berpedoman pada al-qur'an dan al-hadith. Dalam hal ini Mahkamah Syariah mengadakan perbicaraan untuk masing-masing ahli waris sesuai dengan hukum *farāid*.¹⁷⁰

Dalam penerapan hukum *farāid*, Mahkamah Syariah mengadakan perbicaraan terhadap seluruh harta pusaka, sama ada yang sudah dimiliki oleh salah seorang ahli waris melalui hibah atau pemberian mahupun yang belum dikuasai oleh salah seorang ahli waris. Apabila terdapat ahli waris lelaki dan perempuan, maka diterapkan sistem pembahagian dua berbanding satu antara ahli waris lelaki dan perempuan. Pembahagian yang seperti ini sesuai dengan tanggung jawap para pihak dalam keluarga.¹⁷¹

Apabila kes pusaka yang diperkarakan itu sudah pernah diadakan pembahagian secara musyawarah keluarga, maka Mahkamah Syariah mempertimbangkan pembahagian itu sesuai dengan hukum *farāid* atau tidak, jika pembahagian itu sudah sesuai dengan hukum *farāid*, maka Mahkamah Syariah hanya melakukan pengesahan pembahagian itu melalui suatu putusan pengadilan tanpa mengubahnya.¹⁷²

Pada dasarnya masyarakat tidak menginginkan wujudnya kes pusaka yang diajukan ke Mahkamah Syariah. Pembahagian harta pusaka melalui Mahkamah Syariah atau Pengadilan Agama kerap membuat hubungan keluarga menjadi renggang¹⁷³, kerana putusan pengadilan memiliki sifat memaksa dalam pelaksanaannya. Oleh itu, dalam kalangan masyarakat Aceh, pembahagian harta pusaka melalui Pengadilan Agama merupakan jalan terakhir yang ditempuh apabila cara musyawarah sesama ahli waris tidak

¹⁷⁰H. Abd. Hafiz, (Pengetua Jabatan Mahkamah Syar'iah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkajian, 15 Januari 2014.

¹⁷¹Muhammad Raihan, (Pegawai Panitera Muda Hukum di Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 17 Januari 2014.

¹⁷²*Ibid.*

¹⁷³T. Ismail Is, (Anggota Majelis Adat Aceh), dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Disember 2013.

mungkin dilakukan. Mereka merasa malu kepada tetangga dan kerabat, kerana dianggap tidak mampu hidup rukun di dalam suatu keluarga.¹⁷⁴

Perselisihan antara anggota keluarga pada prinsipnya tidak boleh terdedahkan dihadapan masyarakat awam, kerana boleh membuat malu seluruh ahli keluarga dan kerabat. Sepatutnya setiap perselisihan yang menyangkut masalah pusaka diselesaikan terlebih dahulu secara kekeluargaan dengan melibatkan seluruh anggota keluarga. Hal ini dibenarkan oleh responden dan informan penyelidikan. Sememangnya tidak semua kes pusaka dapat diselesaikan dengan cara musyawarah dan kekeluargaan. Antaranya ialah kes penangguhan pembahagian pusaka yang kerap di anggap remeh oleh sebahagian masyarakat khususnya masyarakat Islam di daerah Aceh Besar. Hal ini terbukti dengan banyaknya kes-kes yang dimohonkan ke Mahkamah Syariah Aceh Besar yang berpuncak pada masalah penangguhan pembahagian harta pusaka. Bahkan dalam tahap penyelesaian di Mahkamah Syariah tersebut mengambil masa bertahun-tahun kerana ada pihak yang tidak berpuas hati terhadap keputusan hakim dengan melakukan Banding, Kasasi sampai Peninjauan Kembali (PK) ke Mahkamah Agung¹⁷⁵.

¹⁷⁴H. Abd. Hafiz, (Pengetua Jabatan Mahkamah Syar'iah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 15 Januari 2014.

¹⁷⁵*Ibid.*

BAB IV

ANALISIS KESAN PENANGGUHAN HARTA PUSAKA DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI KABUPATEN ACEH BESAR

4.1 Pengenalan Kawasan Kajian

A. Keadaan Geografi, Iklim dan Pembahagian Wilayah

1. Keadaan Geografi dan Iklim

Provinsi Aceh terdiri dari 20 daerah tingkat II, yang terdiri dari 16 Kabupaten dan 4 Kota. Kabupaten Aceh Besar merupakan salah satu dari 20 daerah tingkat II tersebut. Letak astronomi Kabupaten Aceh Besar ialah $5,2^{\circ}$ - $5,8^{\circ}$ Lintang Utara (LU) dan 95° - $95,8^{\circ}$ Bujur Timur (BT). Serta mempunyai batas-batas sebagai berikut¹⁷⁶:

- a. Sebelah Barat berbatasan dengan Samudera Indonesia
- b. Sebelah Timur berbatasan dengan Kabupaten Pidie
- c. Sebelah Utara berbatasan dengan Kabupaten Aceh Jaya
- d. Sebelah Selatan berbatasan dengan Selat Melaka dan Kota Banda Aceh.

Wilayah timur Kabupaten Aceh Besar merupakan dataran tinggi yang bersempadan dengan Gunung Seulawah dan membatasi wilayah antara Kabupaten Aceh Besar dengan Kabupaten Pidie. Wilayah tengah merupakan daerah dataran rendah yang tergolong padat penduduknya, sedangkan wilayah barat dan selatan adalah daerah dataran rendah yang berbukit-bukit yang sebahagian besar wilayahnya bersempadan dengan pantai. Aceh Besar juga mempunyai wilayah kepulauan yang termasuk Kecamatan Pulo Aceh.

Secara geografis sebagian besar wilayah Kabupaten Aceh Besar berada pada hulu aliran Sungai Krueng Aceh. Saat ini kondisi tutupan lahan adalah 62,5% (menurut data

¹⁷⁶Pemerintah Kabupaten Aceh Besar: "Aceh Besar Dalam Angka 2013", laman sesawang : <http://www.acehbessarkab.go.id/page/Data-Strategis-2013/ids/130>, dicapai pada 26 Disember 2013.

citra landsat tahun 2012). Bandar Udara Internasional Sultan Iskandar Muda yang merupakan bandara internasional dan menjadi salah satu pintu gerbang untuk masuk ke Provinsi Aceh berada di wilayah kabupaten ini. Pulau Benggala yang merupakan pulau paling barat dalam wilayah Republik Indonesia merupakan bagian dari Kabupaten Aceh Besar.

Kabupaten Aceh Besar juga termasuk dalam daerah beriklim tropika dengan musim kemarau setiap tahunnya terjadi antara bulan mac sampai ogos serta musim hujan antara bulan september sampai bulan februari. Secara keseluruhan purata suhu udara di Aceh ialah sekitar 26 darjah Celsius sampai 30 darjah Celsius sepanjang tahun.¹⁷⁷

2. Pembahagian Wilayah

Kabupaten boleh sama-ertikan dengan daerah dalam bahasa Melayu. Kabupaten diguna secara meluas di Indonesia yang diketuai oleh seorang ketua daerah atau datuk bandar yang digelar bupati. Kabupaten bersama-sama dengan kota merupakan pecahan daripada provinsi.¹⁷⁸

Secara administratif wilayah Kabupaten Aceh Besar dibahagi menjadi 23 Kecamatan yang terdiri dari 66 mukim, 590 desa dan 5 kelurahan. Dari 13 kecamatan tersebut hanya satu kecamatan yang mempunyai luas lebih dari 1000 Km², iaitu Kecamatan Seulimuem dengan luasnya 1.069,15 Km². Sebahagian besar kecamatan-kecamatannya mempunyai luas ratusan kilometer kecuali Kecamatan Kuta Baro, Darul Imarah dan Peukan Bada luasnya dibawah 100 km². Ketiga kecamatan tersebut hanya mempunyai luas wilayah masing-masing 92,42 km², 49,15 km² dan 31,90 km².

¹⁷⁷*Ibid.*

¹⁷⁸Wikipedia, “Kabupaten”, laman sesawang: <http://id.wikipedia.org/wiki/Kabupaten>, dicapai pada 26 Disember 2013.

Jumlah desa di setiap kecamatan bervariasi antara 13 sampai dengan 85 desa, iaitu 6 kecamatan dengan jumlah desanya lebih dari 50 desa, 2 kecamatan dengan jumlah desa antara 40-50 desa, 4 kecamatan dengan jumlah antara 15-31 desa dan 1 kecamatan dengan jumlah hanya 13 desa. Dari 596 desa yang terdapat dalam wilayah Kabupaten Aceh Besar.

Aceh Besar juga mempunyai wilayah kepulauan yaitu wilayah Kecamatan Pulo Aceh. Kabupaten Aceh Besar bagian kepulauan di sisi barat, timur dan utaranya dibatasi dengan Samudera Indonesia, Selat Malaka, dan Teluk Benggala, yang memisahkannya dengan Pulau Weh, tempat di mana Kota Sabang berada. Pulau-pulau utamanya adalah Pulau Breueh dan Pulau Nasi.¹⁷⁹

Prasarana dan sarana yang berkaitan dengan jalur perhubungan darat sangat baik untuk mengembangkan hubungan antarkecamatan menuju ibukota kabupaten maupun ibukota provinsi. Dengan demikian, diharapkan kelangsungan proses ekonomi akan berjalan lancar dan mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

B. Kondisi Sosial Budaya

1. Penduduk

Jumlah penduduk Kabupaten Aceh Besar menurut registrasi tahun 2012 ialah 371.412 jiwa dengan jumlah keluarga sebanyak 73.883 Kepala Keluarga. Kecamatan yang paling banyak penduduknya ialah Kecamatan Darul Imarah iaitu 49.264 jiwa, sedangkan penduduk yang paling sedikit terdapat di Kecamatan Leupung iaitu 2.703 jiwa, hal ini kerana Kecamatan Leupung terletak di pinggiran pantai sehingga banyak penduduknya yang telah meninggal dunia ketika musibah tsunami yang melanda Aceh 10 tahun yang

¹⁷⁹Wikipedia, “Kabupaten Aceh Besar”, laman sesawang : http://id.wikipedia.org/wiki/Kabupaten_Aceh_Besar, dicapai pada 26 Disember 2013.

lalu. Berdasarkan hasil banci penduduk pada tahun 2012, jumlah penduduk lelaki di Kabupaten Aceh Besar ialah 190.713 jiwa dan perempuan 180.666 jiwa.

Jadual 4.1: Jumlah Penduduk per Kecamatan di Kabupaten Aceh Besar Tahun 2012

Kecamatan		Penduduk / Population Lelaki Perempuan		Jumlah / Total	Perbandingan Jantina
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
01.	L h o o n g	5.193	4.399	9.592	118,05
02.	Lhoknga	8.116	7.543	15.659	107,60
03.	Leupung	1.427	1.276	2.703	111,83
04.	Inapuri	10.586	10.434	21.020	101,46
05.	Kuta Cot Glie	6.602	6.438	13.040	102,55
06.	Seulimeum	11.687	11.119	22.806	105,11
07.	Kota Jantho	4.718	4.205	8.923	112,20
08.	Lembah	6.007	5.339	11.346	112,51
	Seulawah				
09.	Mesjid Raya	11.231	10.802	22.033	103,97
10.	Darussalam	12.032	11.918	23.950	100,96
11.	Baitussalam	9.517	7.974	17.491	119,35
12.	Kuta Baro	12.414	12.409	24.823	100,04
13.	Montasik	9.533	9.162	18.695	104,05
14.	Blang Bintang	5.866	5.550	11.416	103,04
15.	Ingin Jaya	15.036	14.592	29.628	105,69
16.	Kr. Barona	7.662	7.269	14.931	105,41
	Jaya				
17.	Sukamakmur	7.382	7.252	14.634	101,79
18.	Kuta Malaka	3.165	3.057	6.222	103,53
19.	Simpang Tiga	2.864	2.745	5.609	104,34
20.	Darul Imarah	26.096	24.168	49.264	103,84
21.	Darul Kamal	3.668	3.477	7.145	105,49
22.	Peukan Bada	8.752	7.731	16.483	113,21
23.	Pulo Aceh	2.159	1.840	3.999	117,34
Jumlah		190.713	180.699	371.412	105,54

Sumber: Jabatan Statistik Aceh Besar.

Berdasarkan jadual di atas, dengan merujuk kepada luas wilayah Kabupaten Aceh Besar, hal ini memperlihatkan bahawa penyebaran penduduk tidak merata. Hal ini terlihat

dari sejumlah kecamatan yang ada menunjukkan bahawa terdapat 16 kecamatan dengan jumlah penduduk di atas 10.000 jiwa.¹⁸⁰

2. Pendidikan

Sistem pendidikan kebangsaan di Aceh Besar di peringkat sekolah di bawah kategori institusi pendidikan kerajaan terdiri daripada:-

a. Pendidikan Prasekolah

- Program pendidikan bagi murid yang berumur dari empat hingga enam tahun;

b. Pendidikan Rendah

- Kursus pengajian pada peringkat rendah yang direncanakan bagi tempoh enam tahun tetapi yang boleh tamat diikuti dalam tempoh antara lima hingga tujuh tahun;
- Ia terdiri daripada sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan;

c. Pendidikan Menengah

- Pendidikan yang terdiri daripada pendidikan menengah rendah dan menengah atas;
- Pendidikan menengah yang diadakan terdiri daripada :-

1. Sekolah Akademik

2. Sekolah Teknik dan Vokasional

3. Sekolah Kebangsaan Agama

¹⁸⁰Pemerintah Kabupaten Aceh Besar: "Kondisi Demografi", laman sesawang : <http://www.acehbesar kab.go.id/page/Profil-Aceh-Besar/ids/11>, dicapai pada 26 Disember 2013.

d. Pendidikan Lepas Menengah

- Pendidikan yang disediakan untuk seseorang yang sudah tamat mengikuti pendidikan menengah rendah dan menengah atas, tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi.

Selain itu, terdapat juga banyak sekolah swasta agama seperti pondok atau ma'had pasantren yang mengajarkan kitab-kitab *turāth* dan ilmu agama lainnya.

Persekolahan di bawah kategori institusi pendidikan bantuan kerajaan pula adalah bagi sekolah berasrama penuh yang ditanggungjawabkan kepada unit sekolah berasrama penuh bahagian sekolah.

Pendidikan di Kabupaten Aceh Besar sememangnya telah mengalami peningkatan saban tahun. Banyak daripada sekolah-sekolah tersebut yang mendapatkan bantuan pembagunan dari NGO luar negara selama pasca musibah tsunami melanda Aceh tahun 2004 silam.

3. Mata Pencarian

Pertanian adalah sumber mata pencarian utama masyarakat di Kabupaten Aceh Besar. Jenis pertanian yang mereka usahakan ialah pertanian tanaman pangan seperti padi, dan lainnya. Sedangkan sebahagian desa lainnya menggunakan sebahagian tanahnya untuk perternakan dan perkebunan. Desa yang berada di pinggiran pantai penduduknya lebih mengutamakan penggunaan lahan pada sektor perikanan darat, seperti pembudidayaan ikan dan udang.

Selain pekerjaan pada bidang pertanian dan perikanan, sebahagian warga Aceh Besar bekerja pada bidang kerajinan tangan dan bidang lain yang mendukungnya.

Keterkaitan jenis usaha ini dapat ditemui di Desa Lamtamot di Kecamatan Darussalam yang mampu memanfaatkan lahan yang cukup subur untuk ditanami jenis tanaman yang sangat disukai oleh kupu-kupu penghasil ulat sutera. Sehingga Desa Lamtamot dikenal dengan desa penghasil kepompong ulat sutera. Kepompong ini kemudian dimanfaatkan untuk membuat pelbagai jenis tenunan sutera yang indah. Kecamatan Lhoknga dan Leupung juga terdapat pengrajin rotan. Mereka mampu menciptakan pelbagai bentuk peralatan rumah tangga seperti keranjang buah, seperangkat meja, kursi dan lain-lain.

Usaha kerajinan tangan tersebut berperan penting dalam kemajuan perekonomian Aceh Besar kerana mereka secara tidak langsung turut mengembangkan bidang perindustrian, sama ada dalam skala kecil maupun besar.

4.2 Pandangan Hukum Islam Terhadap Harta Pusaka Yang Belum Dibahagikan

Kes penangguhan pembahagian harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah Aceh Besar telah membawa kepada wujudnya penangguhan pembahagian harta pusaka kepada pemilikan harta secara bersama sesama ahli waris. Bermakna bahawa ketika penangguhan pembahagian harta pusaka itu berlaku maka ada hak setiap ahli waris terhadap harta pusaka yang belum dibahagikan.

Selanjutnya bagaimana Pandangan hukum Islam terhadap harta pusaka yang ditangguhkan pembahagiannya kepada ahli waris?

Dalam kitab fiqh, pemilikan bersama disebut *shirkah* atau *sharikah*. Kata *shirkah* berasal dari bahasa Arab secara etimologi diambil dari masdar iaitu - -

- : yang bererti penyatuan dua dimensi atau lebih menjadi satu kesatuan. Kata ini juga bermakna bahagian bersyarikat.¹⁸¹

Shirkah dalam pengertian istilah *fuqaha'* terbahagi kepada dua macam,¹⁸² iaitu:

1. *Shirkah al-Amlāk*, ialah perkongsian yang terjadi antara dua orang atau lebih atas sesuatu sebab dari beberapa sebab kepemilikan harta, seperti: pembelian, penerimaan, hibah, wasiat, sedaqah atau penerimaan harta pusaka di antara beberapa ahli waris. Pada *Shirkah al-Amlāk* ini tidak dibolehkan salah seorang yang berkongsi untuk mengalihkan dan memanfaatkan sesuatu hak perkongsian saudaranya tanpa seizinnya.
2. *Shirkah al-'Uqūd*, ialah perkongsian yang dibentuk berdasarkan akad antara dua orang atau lebih terhadap modal dan keuntungan, atau hanya berdasarkan keuntungan sahaja dan tidak berdasarkan modal.

Jika ditinjau secara teliti, pengurusan harta *farāid* melalui pembentukan *shirkah* ini akan membabitkan dua unsur utama iaitu harta dan kontrak. Dan secara tidak langsung akan menyebabkan penglibatan kedua-dua jenis *shirkah* yang utama iaitu *shirkah al-amlāk* dan *shirkah al-'uqūd*. Kedua-dua jenis *shirkah* ini berlaku pada dua peringkat yang berasingan.

Shirkah al-amlāk berlaku pada peringkat awal penggabungan harta itu iaitu bila berlakunya pemindahan harta pusaka dari si mati kepada ahli waris disebabkan sesuatu kematian, dan ini dikenal dengan istilah *shirkah al-amlāk al-jabariyah* iaitu yang

¹⁸¹Lewis Ma'lūf al-Yasū'i, *al-Munjid fī Lughah wa al-I'lām*, (Bairūt: Matba'ah al-Kātulikiyyah, t.t), 284.

¹⁸²Sayyid Sabiq, *Fiqh as-Sunnah*, (Beirūt: Dār al-Fikr, 1983), 3:202; Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmi wa adillatuhu*, 4:794.

bermaksud terjadi tanpa perbuatan ahli waris.¹⁸³ Dalam hal ini, setiap ahli waris dianggap sebagai orang asing oleh ahli waris yang lain dalam menguruskan saham atau bahagian ahli waris yang lain.¹⁸⁴

Larangan dalam menguruskan harta ahli waris yang lain menyebabkan keperluan terhadap *shirkah al-‘uqūd* dalam mewujudkan perjanjian yang dipersetujui oleh ahli waris secara sah supaya harta pusaka bersama tersebut dapat dimakmurkan serta dibagunkan bagi kepentingan bersama di antara sesama ahli waris termasuklah faedahnya nanti dapat dicapai oleh generasi-generasi mereka yang seterusnya kelak. Dengan demikian, berlakulah *shirkah al-‘uqūd* terhadap penggabungan ini pada peringkat seterusnya.

Shirkah al-Amlāk dapat terjadi juga atas keinginan masing-masing orang yang bersangkutan dengan suka rela, *shirkah al-am�āk* seperti ini disebut *shirkah al-am�āk al-ikhtiariyyah*; misalnya beberapa orang memiliki bersama-sama sebidang tanah untuk ditanami dan sebagainya. Dapat juga terjadi apabila seseorang membeli bahagian dari suatu benda yang tidak mungkin dipisah-pisahkan bahagiannya.

Secara umum diketahui bahawa *shirkah al-am�āk* berkaitan dengan hak pemilikan bersama bagi sesuatu harta. Ia hanya melibatkan perkongsian hak milik ke atas sesuatu harta tersebut tanpa melibatkan sebarang usahasama untuk memajukan atau mengeksplorasi harta tersebut.¹⁸⁵ Oleh kerana setiap ahli waris adalah dianggap sebagai orang asing oleh ahli waris yang lain dalam menguruskan bahagian atau saham ahli waris yang lain, seorang ahli hanya boleh mengurus secara bersendirian pada harta tersebut

¹⁸³ Al-Syarqāwī, *al-Tahrīr*, (Misr: al-Bāb al-Halaby, t.t), 3: 110.

¹⁸⁴ *Ibid.*,

¹⁸⁵ Nabil A. Saleh, *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law*, 2nd edition. (London: Graham and Trotman Ltd., 1992) 113.

dengan persetujuan ahli-ahli yang lain tetapi tidak boleh menguruskannya dengan cara yang boleh merosakkan kepentingan saham atau bahagian ahli-ahli yang lain.

Disamping itu, mana-mana ahli waris dibenarkan menjual bahagiannya kepada ahli waris yang lain dalam semua keadaan tetapi tidak dibenarkan menjual bahagian ahli waris yang lain yang bukan miliknya kepada pihak ketiga tanpa kebenaran rakannya itu. Bagaimanapun, tidak boleh mana-mana ahli waris memaksa ahli waris yang lain membeli atau menjualkan bahagian sahamnya kepada pihak-pihak tertentu.

Dalam sifatnya sebagai harta *shirkah*, setiap ahli waris dapat bertindak atas harta itu bila telah disetujui oleh pihak lain atau atas kuasa dari anggota *shirkah* yang lain. Setiap anggota tidak dapat bertindak sendiri-sendiri kerana di dalam harta *shirkah* tersebut ada hak orang lain.¹⁸⁶

Dalam tinjauan hukum Islam atas pemilikan bersama pada harta pusaka, maka perlu diketahui dasar hukum pemilikan bersama pada harta pusaka yang belum dibahagi yang dapat dikaji dari keumuman beberapa ayat al-Qur'an dan al-Hadīth, di antaranya:

1) Surat al-Māidah ayat 2

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ ... 

Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa.

Kata *al-bir* ialah lafaz 'am, kerana ia merupakan *isim mufrad* yang *ma'rifikatkan* dengan *alif lam jinsiyyah*, maka ia mencakup semua yang baik. Menurut al-Raghib, *al-bir* meliputi semua perbuatan baik secara luas.¹⁸⁷

¹⁸⁶Kamāl al-Dīn Ibn al-Humām, *Fath al-Qadīr*, (Misr: Mustafā al-Bābi, 1970), 6: 152.

¹⁸⁷Muhammad 'Abduh, *Tafsīr al-Manār*, (Bairūt: Dār al-Fikr, t.t.), 6: 129.

Dengan demikian prinsip tolong menolong dalam ayat di atas dapat menjadi dasar umum hukum *shirkah*. Sebab dalam *shirkah* merupakan salah satu bentuk pelaksanaan perintah tolong menolong dalam kebaikan di bidang penghidupan.¹⁸⁸

Ayat ini dapat pula menunjukkan kebolehan atas perkongsian milik antara para ahli waris terhadap harta pusaka yang belum dibahagi.

2) Surat al-Nisā', ayat 5 :

وَلَا تُؤْتُوا الْسُّفَهَاءَ أُمُّ الْكُنْدُرِ

Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya,¹⁸⁹ harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu)

Ayat ini menyatakan bahawa tidak boleh menyerahkan harta kepada orang yang belum dewasa. Jika ayat ini dihubungkan kepada ahli waris yang masih kanak-kanak, maka dapat difahami, kita tidak boleh menangguhkan pembahagian harta pusaka sampai para ahli waris sempurna akalnya atau sampai mereka mencapai usia dewasa.

3) Surat al-Nisā' ayat 12:

فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءٌ فِي الْأَلْثُلُثِ

Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, Maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu.

¹⁸⁸Ahmad Azhar Basyr, *Hukum Waris Islam*, (Penerbitan Fakultas Ekonomi, Universitas Islam Indonesia, 1995), 45.

¹⁸⁹Orang yang belum sempurna akalnya ialah anak yatim yang belum baligh atau orang dewasa yang tidak dapat mengatur harta bendanya. Lihat Departemen Haji dan Wakaf Su'udiy al-'Arabiyyah, *al-Qur'ān dan Terjemah*, (Madinah: Mujamma' al-Khādim al-haramain al-Syarīfayn al-Mālik Fadh li Tibā'ah al-Mushaf al-Syarīf, 1411 H), 115.

Ayat di atas juga menunjukkan kepada adanya perkongsian milik antara para ahli waris terhadap harta pusaka yang belum dibahagi.

4) Surah al-Nisā' ayat 29:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا لَا تَأْكُلُوْا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ
تَكُونَ تِحْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ۝

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang Berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu.

Ayat ini menunjukkan bahawa harta yang baik, berguna dan dihalalkan Allah untuk dapat dimanfaatkan ialah harta yang diperoleh melalui perbuatan yang diridhai sesama manusia dan tidak meninggalkan pengaruh negatif. Dengan demikian, apabila harta pusaka itu tertangguh atas dasar kerelaan dan saling meridhai di antara semua ahli waris maka dibolehkan.

5) Hadīth Kudsi:

يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى : أَنَا ثَلَاثُ الشَّرِيكَيْنَ مَا لَمْ يَخْنُ أَحَدُهُمَا صَاحِبٌ (رَوَاهُ أَبُو)

Allah SWT berfirman: Aku adalah kongsi ketiga dari dua orang yang berkongsi selama salah seorang tidak mengkhianati kongsinya (apabila ia mengkhianatinya, maka Aku keluar dari perkongsian itu). (Riwayat Abu Dawud)¹⁹⁰

Hadīth di atas menunjukkan isyarat bahawa persekutuan atau perkongsian yang dilakukan dengan penuh kejujuran dan amanah akan diberkati Allah, sebaliknya apabila perkongsian itu dilakukan tanpa kejujuran maka ia akan mendapatka murka-Nya.

¹⁹⁰ Al-Šan'āny, *Subul al-Salām Syarh Bulūgh al-Marām*, (Riyāḍh: Maktabah Nazar Muṣṭafā al-Bāz, t.t) 3:1190.

Dari ayat-ayat dan al-Hadīth di atas dapat disimpulkan bahawa di dalam *shirkah al-milk* ada beberapa prinsip umum, iaitu: tolong menolong dalam kebaikan, kejujuran dan adanya kerelaan.

Pada dasarnya, setiap muamalah dalam masalah keduniaan hukum asalnya ialah mubah, dan dipandang haram apabila ada nas daripada al-qur'an dan al-hadīth yang mengharamkannya.

Dengan demikian, pemilikan atas harta pusaka yang ditangguhkan atau belum dibahagikan hukumnya ialah mubah, selama bersesuaian dengan prinsip umum daripada ayat-ayat dan al-hadīth di atas.

Pemilikan harta pusaka bersama dapat berlaku sampai dilakukan pembahagian harta pusaka di antara ahli waris yang bersyarikat. Selama belum adanya kesepakatan untuk dilakukan pembahagian, maka pemilikan bersama tetap berlaku.

Selanjutnya sejauhmana harta pusaka dapat dipertahankan, hal itu tergantung kepada sejauhmana harta pusaka itu tidak terlibat hak orang lain. Usaha penyelesaian pembahagian harta pusaka tergantung kepada kemahanuan bersama para ahli waris sebagai pemilik harta pusaka.¹⁹¹ Kesepakatan bersama inilah yang menentukan apakah harta pusaka itu akan dibahagikan, kalau dibahagikan, bila waktu dilaksanakan pembahagian itu. Dan boleh semua ahli waris untuk bersepakat untuk tidak dibahagikan harta pusaka itu selama hal itu dikehendakinya, kerana membahagi itu ialah hak mereka. Maka mereka dapat mempergunakan hak tersebut atau tidak mempergunakannya.¹⁹²

¹⁹¹H. Abd. Hafiz, (Pengetua Jabatan Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 15 Januari 2014.

¹⁹²Abdullah 'Alī Husayn, *al-Muqāranāh al-Tasyri 'īyyah*, (al-Qāhirah: Dār al-Salām, 2001), 4:1476.

4.3 Faktor Penangguhan Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar.

Penangguhan pembahagian harta pusaka ialah penangguhan pembahagian harta yang terjadi akibat berselang waktu yang lama sejak kematian si pewaris sampai terlaksananya pembahagian harta pusaka.

Menurut kebiasaan adat dalam kalangan masyarakat di Aceh Besar bahawa sebahagian besar di antara mereka menyelesaikan pembahagian harta pusaka setelah memperingati hari kematian yang ke-44 dan hari ke-100. Dengan anggapan bahawa pada waktu-waktu tersebut akan dilaksanakan kenduri kematian untuk si mati dan diharapkan para ahli waris dapat berkumpul di rumah pewaris.¹⁹³

Di dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) juga disebutkan tentang penangguhan pembahagian harta pusaka yang diatur dalam fasal 189 ayat 1 iaitu: Bila harta pusaka yang akan dibahagikan berupa harta tanah yang luasnya kurang dari 2 hektar, supaya dipertahankan kesatuannya dan dimanfaatkan untuk kepentingan bersama para ahli waris yang bersangkutan.¹⁹⁴

Dalam proses pembahagian harta pusaka, dimana harta pusaka si pewaris akan berberpindah kepada ahli waris secara *ijbāri*.¹⁹⁵ Antara salah satu kewajipan ahli waris adalah membahagikan harta pusaka di antara ahli waris yang berhak menerimanya.¹⁹⁶ Namun, dalam amalan pembahagian harta pusaka dalam masyarakat di

¹⁹³T. Ismail Is, (Anggota Majelis Adat Aceh), dalam temu bual dengan pengkaji, 25 disember 2013.

¹⁹⁴Departemen Agama Republik Indonesia, *Kompilasi Hukum Islam*, (Jakarta: Direktorat Jenderal Pembinaan Kelembagaan Islam, 1997), 96.

¹⁹⁵Dalam KHI fasal 71 poin d, yang dimaksud harta peninggalan ialah harta yang ditinggalkan oleh pewaris dan hak-haknya.

¹⁹⁶Menurut KHI fasal 75 ayat 1 kewajipan ahli waris terhadap pewaris ialah a) mengurus dan menyelesaikan tajziz al mayyit; b) menyelesaikan hutang-hutang berupa pengobatan, perawatan termasuk kewajipan pewaris mahupun menagih hutang; c) menyelesaikan wasiat pewaris; d) membahagikan harta pusaka di antara ahli waris yang berhak.

Aceh Besar banyak yang masih menangguhkannya sampai waktu yang tidak pasti. Oleh itu, perlu kita ketahui apa sahaja faktor penangguhan dan apa sahaja harta pusaka yang kerap ditangguhkan pembahagiannya.

Untuk dapat mengetahui harta pusaka yang manakah kerap tertangguh, maka pengkaji akan menemu bual Jabatan Mahkamah Syariah Aceh Besar yang menangani langsung kes-kes penangguhan pembahagian harta pusaka.

a. Harta Pusaka Yang Kerap Tertangguh Pembahagiannya

Penangguhan pembahagian harta pusaka dapat terjadi pada semua harta pusaka. Adapun harta pusaka yang kerap ditangguhkan ialah rumah, harta tanah dan perabot rumah. Kerana harta tersebut tidak dapat dibahagikan secara terpisah.¹⁹⁷

Menurut Muhammad Raihan¹⁹⁸, apabila seseorang meninggal dunia, maka harta kekayaan yang tetap tak terbahagi dan berada di bawah pengawasan anak lelaki, duda atau jandanya, maka harta pusaka yang tetap dipertahankan antara lain tanah pertanian, rumah dengan perkarangannya dan benda-benda lainnya.

Selanjutnya dalam beberapa perundangan Pengadilan Agama menunjukkan bahawa harta pusaka yang tertunda di antaranya: tanah, sawah, tanah kebun, tanah perkarangan, rumah dan perkarangannya, barang perhiasan (emas dan permata), perabot rumah tangga dan toko.¹⁹⁹

¹⁹⁷H. Abd. Hafiz (Pengetua Jabatan Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 15 Januari 2014.

¹⁹⁸Muhammad Raihan, (Pegawai Panitera Muda Hukum di Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 17 Januari 2014.

¹⁹⁹Putusan Mahkamah Agung no. 27, lihat: Direksi Pembangunan Badan Peradilan Agama Islam Depag, *Perundangan Pengadilan Agama dan Analisa* (Jakarta: Al-Hikmah, 1995), 433.

Dari petunjuk di atas, maka dapat disimpulkan bahawa semua harta pusaka dapat tertangguh pembahagiannya. Namun harta pusaka yang kerap tertangguh adalah rumah dan perkarangannya, toko dan hartanah.

b. Faktor Penangguhan Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar

Selanjutnya, untuk mengetahui faktor apa sahaja yang menyebabkan harta pusaka tertangguh dalam kalangan masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar, perlu dikemukakan juga beberapa kes yang terdaftar di Mahkamah Syariah Aceh Besar dan menemu bual Jabatan Mahkamah Syariah Aceh Besar. Antara faktor penangguhan pembahagian harta pusaka iaitu :

a. Salah tanggapan

Sebahagian dari masyarakat beranggapan bahawa adalah tidak wajar membahagikan harta pusaka terlalu awal, kononnya “tanah kubur masih merah”. Jika terdapat salah seorang waris yang menyarankan agar pembahagian dan penyelesaian harta itu dibuat dengan segera, biasanya dia akan dipandang serong oleh waris-waris yang lain, dituduh sebagai tidak beradab, tidak menghormati si mati dan sebagainya. Untuk mengelakkan perkara ini, akhirnya semua waris mengambil sikap berdiam diri dan menanti-nanti bilakah perkara itu akan diselesaikan dan siapakah yang patut memulakannya. Anak sulung yang selalunya menjadi tumpuan hanya berdiam diri. Penantian ini kadangkala memakan masa yang lama sehingga bertahun-tahun. Ini adalah satu tanggapan yang salah dan bertentangan dengan syarak kerana pembahagian pusaka perlu disegerakan.²⁰⁰

²⁰⁰ H. Abd. Hafiz (Pengetua Jabatan Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 15 Januari 2014.

b. Terlalu bersopan

Masyarakat Aceh terkenal dengan sifat bersopan santun yang tinggi nilainya. Mereka amat berhati-hati agar tidak dikatakan orang sesuatu yang tidak baik terhadap mereka. Dalam kes penyelesaian harta pusaka ini umpamanya, masing-masing takut untuk bersuara, bertanyakan tentang harta pusaka nanti akan dituduh berkehendakkan harta, tamakkan harta. Justeru itu masing-masing membiarkan harta pusaka tersebut sehingga sekian lama tanpa menyelesaiannya. Dengan bersifat demikian, mereka telah mengabaikan tanggungjawab mereka untuk membahagikan pusaka, sekaligus mereka juga telah mengabaikan tuntutan agama supaya menyegerakan pembahagian pusaka. Dengan ini bermakna mereka telah mengenepikan agama semata-mata kerana adat bersopan santun yang bukan pada tempatnya.²⁰¹

c. Tiada pengetahuan dan maklumat

Kekurangan pengetahuan dan maklumat ini boleh ditafsirkan kepada dua maksud: Pertama, ahli waris tidak mempunyai dasar pengetahuan yang mendalam tentang proses pembahagian harta pusaka sama ada dari segi hukum atau undang-undang. Mereka tidak tahu ke mana dan kepada siapa harus dikemukakan perkara tersebut. Kedua, mereka tidak tahu tentang risiko dan kesan dari tindakan mereka menangguh-nangguhkan pembahagian harta pusaka. Mereka menganggap tidak ada apa-apa kesan dari segi hukum mahupun undang-undang. Akibatnya, pusaka itu dibiarkan begitu sahaja tanpa disegerakan penyelesaiannya.

²⁰¹ *Ibid.*

d. Sikap tidak apa atau tidak prihatin

Sebahagian daripada masyarakat pula menganggap bahawa tugas menyelesai harta pusaka ini merupakan satu tugas yang remeh temeh. Mereka mengambil sikap endah tak endah dan menganggap bahawa menangguhkan penyelesaian harta pusaka ini tidak mendatangkan sebarang kesan, baik dari segi hukum atau undang-undang. Mereka tidak prihatin terhadap tuntutan agama yang menuntut mereka agar menyegerakan pembahagian pusaka.

Sebab itulah kadangkala harta pusaka itu dibiarkan sehingga begitu lama tidak diselesaikan. Mereka hanya mahu menyelesaikannya apabila sesuatu yang menguntungkan bakal menemui mereka, misalnya apabila harta tersebut hendak dijual, digadai atau diambil balik oleh kerajaan dan mendapat wang pampasan. Selalunya keadaan demikian berlaku keatas hartanah. Mereka tidak mempunyai rasa tanggung jawab untuk menyelesaikannya, kerana tanah tidak ke mana. Selagi tidak terdesak selagi itulah tanah tersebut dibiarkan.

Ada di antara mereka yang tinggal di luar daerah atau negeri enggan untuk pulang menyelesaikan pusaka dengan alasan tidak ada masa, tidak memadai kerana harta sedikit dan berbagai alasan lagi. Sedangkan apabila dibuat kenduri kahwin misalnya mereka boleh pulang meraikannya.²⁰²

e. Pertelingkahan di kalangan waris-waris

Pertelingkahan sesama waris juga merupakan salah satu sebab mengapa harta pusaka dibiarkan dan tidak diselesaikan dengan segera. Pertelingkahan mungkin wujud sebelum berlaku kematian dan berlarutan.

Apabila berlaku kematian, waris-waris yang bertelingkah itu tidak dapat bersua

²⁰²Muhammad Raihan, (Pegawai Panitera Muda Hukum di Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 17 Januari 2014.

muka di antara satu sama lain apatah lagi bertanya khabar tentang harta pusaka atau berbincang mengenainya.

Pertelingkahan mungkin juga wujud selepas kematian. Mungkin ada di antara waris-waris yang tidak puas hati di dalam sesuatu perkara semasa pengurusan jenazah misalnya atau ada yang sengaja untuk cuba menguasai atau membolot harta-harta si mati untuk kepentingan dirinya sendiri. Ini berlaku akibat dari rasa tamak dan haloba dan kadangkala sayangkan harta itu supaya tidak jatuh ketangan orang lain. Akibatnya harta pusaka tidak dibahagi dan dibiarkan.

f. Tidak Puas Hati Dengan Sikap Si mati

Ini salah satu sebab yang juga menyumbang kepada kelewatan penyelesaian harta pusaka tetapi kurang diberikan perhatian. Ada kes yang berlaku, di mana waris-waris tidak puas hati dengan sikap si mati semasa hayatnya yang tidak berlaku adil terhadap anak-anaknya. Ada anak yang diberi layanan dan perhatian baik dan ada yang sebaliknya. Ada juga anak yang telah diberi hibah (pemberian semasa hidup) dan ada yang tidak diberi, atau diberi secara tidak adil, dan berbagai perkara lagi. Hal-hal seumpama ini juga akan menyebabkan sebahagian waris merasa jauh hati dan tidak memberikan perhatian yang sewajarnya kepada penyelesaian harta pusaka itu.²⁰³

g. Tidak Mahu Harta Berpindah Kepada Orang Lain

Mengikut satu kajian yang dilakukan oleh seorang Pegawai Mahkamah Syariah mendapati 75% daripada waris-waris yang disoal siasat mempunyai hubungan yang baik dengan waris yang lain, dan tidak mempunyai apa-apa masalah yang

²⁰³Ibid.

boleh mengakibatkan berlakunya kelewatan permohonan untuk menuntut pusaka, tetapi apabila disoal siasat beliau mendapati sikap pemohon itu sendiri yang menyebabkan berlakunya kelewatan di mana ada di kalangan mereka yang tidak mahu menyusahkan diri, berasa selesa dengan keadaan semasa. Mereka ini adalah di kalangan orang yang mendudukki tanah pusaka atas nama si mati. Mereka menjadi berat hati dan takut untuk memohon pusaka kerana takut tanah yang didudukki mereka akan dituntut oleh waris-waris lain. Oleh yang demikian untuk mengelakkan wujudnya hubungan tidak mesra di antara waris, maka lebih elok tanah tersebut kekal dengan nama si mati.²⁰⁴

4.4 Analisis Kesan Penangguhan Pembahagian Harta Pusaka di Kalangan Masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar

Dari kes penangguhan pembahagian harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah Aceh Besar, dapat ditemui bahawa kesan penangguhan pembahagian harta pusaka boleh membawa kepada pemilikan harta secara bersama sesama ahli waris. Bermakna bahawa ketika penangguhan pembahagian harta pusaka itu berlaku maka ada hak setiap ahli waris terhadap harta pusaka tersebut dalam keadaan utuh yang belum terbahagikan. Walau bagaimanapun, sebahagian ahli waris tidak membahagi-bahagikan harta pusaka itu menjadi bahagian-bahagian kecil, namun mereka tetap menjadikannya suatu harta yang utuh dan setiap ahli waris memperolehi nilai dari harta tersebut sesuai bahagian yang telah ditentukan. Sementara ada sebahagian ahli waris yang menangguhkan harta pusaka kerana keterbatasan harta pusaka, penguasaan oleh sebahagian ahli waris dan ketidakpuasan dalam pembahagian harta pusaka.

²⁰⁴Ibid.

Selanjutnya pengkaji akan menitikberatkan bagaimana hukum penangguhan atas dasar kesepakatan ahli waris? Dan penangguhan pembahagian harta pusaka atas dasar untuk mempererat hubungan keluarga?

Untuk menjelaskan persoalan ini, maka akan diuraikan sebagai berikut:

a. Penangguhan atas dasar kesepakatan setiap ahli waris

Dalam mengkaji hukum penangguhan pembahagian harta pusaka atas dasar kesepakatan setiap ahli waris, pertanyaan yang muncul ialah apakah hak seseorang untuk mewariskan harta pusaka termasuk kepada kategori hak Allah atau hak hamba (hak individu).²⁰⁵

Untuk menjawab pertanyaan ini, maka akan dikemukakan pendapat ahli *uṣūl fiqh* di antaranya: Menurut Abu Zahrah, hak seseorang untuk mewarisi harta pusaka termasuk dalam kategori hak hamba atau hak individu secara murni. Ia menyerupai hak untuk mewarisi dengan hak untuk menerima piutang dan masalah lainnya yang berhubungan dengan pemilikan harta.

Melanggar hak hamba ialah suatu kezaliman. Allah tidak menerima taubat seseorang yang memakan hak hamba, kecuali jika orang tersebut membayar hak itu kepada pemiliknya, atau digugurkan oleh pemilik, atau dimaafkannya. Hak semacam ini tidak lain ialah untuk memelihara kemaslahatan individu.²⁰⁶

Dari hasil kajian ini dapat mengambil kesimpulan bahawa dibenarkan bagi setiap ahli waris membahagikan harta pusaka secara kekeluargaan atau dibahagi secara damai sesuai dengan kesepakatan ahli waris. Berdasarkan hal tersebut maka

²⁰⁵Pertanyaan ini pernah dikemukakan oleh Satria, “Analisis Fiqh”, dalam *Jurnal Mimbar Hukum* Nomor 37, thn. X 1996, 80.

²⁰⁶Abu Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 324.

dibenarkan juga menggugurkan dalam pembahagian harta pusaka itu untuk diserahkan kepada ahli waris yang lain.²⁰⁷

Dari penjelasan di atas dapat difahami bahawa hak seseorang untuk menerima harta pusaka masuk kepada kategori hak hamba atau hak individu secara murni. Dengan demikian penangguhan pembahagian harta pusaka yang dilakukan atas dasar kesepakatan ahli waris, hukumnya ialah mubah.

b. Penangguhan atas dasar mempererat hubungan keluarga

Untuk mengkaji status hukum penangguhan harta pusaka atas dasar mempererat hubungan keluarga, terlebih dahulu perlu dirumuskan pertanyaan sebagai berikut; apakah penangguhan ini memiliki alasan dan tujuan yang sesuai dengan *maqāṣid al-syar'iyyah*. Dari pertanyaan ini akan diperolehi jawapan yang selanjutnya akan dapat diketahui status hukumnya. Dalam kajian *uṣūl fiqh*, manakala adat kebiasaan itu telah dilakukan oleh masyarakat dan tidak bertentangan dengan dalil syarak, maka ia termasuk kepada ‘urf *sahīh*. Begitu juga jika dilihat dari alasan penangguhan pembahagian harta pusaka untuk menegakkan kehidupan keluarga, yang terdiri dari janda dan kanak-kanak yang masih kecil, maka dapat dikatakan niat yang terkandung dari menegakkan keluarga yang terkecil ini adalah sebagai

²⁰⁷Pelbagai macam alasan mungkin dapat mendorong seseorang untuk menggugurkan haknya. Misalnya ia adalah seorang yang berhasil dalam kehidupan ekonominya bila dibandingkan dengan ahli waris yang lain. Dengan demikian secara sukarela ia memberikan haknya kepada pihak yang kurang berhasil kehidupan ekonominya itu. Atau, ia menyadari bahawa yang paling banyak mengurus orang tuanya semasa hidup adalah salah seorang dari ahli waris, sehingga wajar jika ahli waris yang seorang itu dibahagi lebih banyak dari harta peninggalan pewaris. Hasil temu bual dengan beberapa responden yang terdiri dari Pengetua Mahkamah Syariah Aceh Besar, kepala desa, imam masjid dan ketua majelis adat.

amal syari'at dan bersesuaian dengan kaedah *uṣūl fiqh*, " yang bermakna segala urusan bergantung kepada niatnya.²⁰⁸

c. Penangguhan atas dasar waktu sampai kanak-kanak mencapai usia dewasa

Jika penangguhan pembahagian harta pusaka di lihat dari sudut waktu iaitu sampai anak-anak mencapai usia dewasa, maka ada petunjuk dalam ajaran Islam untuk tidak menyerahkan harta kepada orang yang tidak cakap dalam bertindak.²⁰⁹

Dalil-dalil yang menjadi dasar asasnya ialah firman Allah :

وَلَا تُؤْتُوا الْسُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيمًا ...
◎

al-Nisa' 4: 5

Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan.

Dari ayat di atas dapat difahami bahawa masalah harta ialah masalah yang sangat penting, kerana harta itu menyangkut kehidupan orang lain. Dalam kajian *uṣūl fiqh* persoalan harta masuk pada pembahasan *dāri‘iyah*. Dengan demikian, jika harta pusaka itu diberikan kepada orang yang tidak cekap dalam bertindak, maka akan mendarangkan kemudharatan. Oleh itu, dalam Islam segala kerosakan itu harus dihilangkan. Dan para ulama *uṣūl fiqh* merumuskan suatu kaedah: "

yang bermaksud kemudharatan itu harus dihilangkan.²¹⁰

²⁰⁸Shāleḥ Ibn Ghānim al-Sadlān, "al-Qawāid al-Fiqhiyyah al-Kubrā Wamā Tafarra'a 'Anhā", (Riyādh: Dār Balnasiyah, 1418 H), 41.

²⁰⁹Satria, "Analisis Fiqh", 131.

²¹⁰Shāleḥ Ibn Ghānim al-Sadlān, al-Qawāid al-Fiqhiyyah, 512.

Untuk mengetahui bagaimana seseorang itu cekap dalam bertindak yang dalam istilah *uṣūl fiqh* disebut dengan *ahliyyat al-adā'*.²¹¹ Para ulama menetapkan dalam menentukan seseorang telah memiliki *ahliyyat al-adā'* iaitu ‘aqil, baligh dan cerdas. Mereka berpedoman kepada firman Allah :

وَابْتَلُو الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا أَلْبَارِحَ فَإِنْ ءَانْسَتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوهُ إِلَيْهِمْ أَمْوَالُهُمْ

al-Nisa' ayat 6

Dan ujilah anak yatim itu sampai mereka cukup umur untuk kawin. kemudian jika menurut pendapatmu mereka telah cerdas (pandai memelihara harta), Maka serahkanlah kepada mereka harta-hartanya.

Menurut ulama *uṣūl fiqh*, kalimat “cukup umur” dalam ayat ini menunjukkan seseorang telah bermimpi dengan mengeluarkan mani untuk lelaki dan haid untuk wanita.

Dari pembahasan di atas dapat disimpulkan bahawa Islam membolehkan penangguhan pembahagian harta pusaka yang dilakukan berdasarkan kesepakatan setiap ahli waris atas dasar kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratian.²¹²

Selanjutnya Bagaimakah kedudukan pegangan harta pusaka yang ditangguhkan pembahagiannya? ada pendapat yang mengatakan bahawa yang mengurus harta pusaka yang tertangguh pembahagiannya itu diurus oleh janda pewaris, anak-anak pewaris dan keluarga terdekat para ahli waris.²¹³

²¹¹ *Ahliyyat al-adā'* ialah sikap kecakapan bertindak hukum seseorang yang telah dianggap sempurna untuk mempertanggung jawabkan perbuatannya, baik yang bersifat positif maupun negatif.

²¹² Dari kesimpulan ini, dengan sendirinya dapat menolak pernyataan Wirjono yang menyebutkan: “Hukum Islam tidak mengenal penangguhan harta pusaka”, yang terdapat pada buku Wirjono Prodjodikoro, *Hukum Pusaka*, 25.

²¹³ H. Abd. Hafiz, (Pengetua Jabatan Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 15 Januari 2014.

Untuk itu akan pengkaji haraikan sebagai berikut:

a. Penguasaan harta pusaka oleh janda

Apabila pewaris meninggalkan isteri,²¹⁴ sedangkan anak-anaknya masih kecil, maka harta pusaka berada di bawah pengawasan janda pewaris. Secara umumnya pada masyarakat Aceh Besar, janda juga dapat menguasai harta pusaka selama hidupnya, atau dapat juga mengalihkannya kepada anak-anaknya setelah mereka dewasa.²¹⁵ Dalam penguasaan harta pusaka, si janda juga mempunyai peranan sebagai pembahagi harta pusaka kepada ahli waris, tanpa turut campur tangan pihak saudara-saudara lelaki pewaris. Tetapi tidak demikian halnya apabila si janda tidak mempunyai anak.²¹⁶

b. Penguasaan Harta Pusaka Oleh Anak Sulung

Apabila janda pewaris sudah lanjut usia sedangkan anak-anaknya sudah dewasa dan mereka sudah berkahwin, maka pengurusan harta pusaka yang belum dibahagikan diurus secara bergiliran di antara ahli waris yang berhak atau masing-masing ahli waris mengurusnya sebahagian atau diurus oleh salah seorang dari ahli waris.²¹⁷

Dalam pelaksanaannya didapati bahawa ada sebahagian ahli waris daripada anak pewaris yang menguasai harta pusaka dengan tidak amanah. Banyak

²¹⁴Apabila pewaris meninggakan suami, maka si duda dapat dikatakan tidak mempunyai masalah, ia tetap berkewajipan mengurus anak-anaknya dan harta kekayaan tersebut. Akan tetapi jika si duda berkahwin lagi, maka anak-anak akan mencatat harta ibunya dan mana yang merupakan harta gono gini (harta bersama) bapa dan ibunya. Apabila mereka mempunyai saudara tiri lain ibu, maka dalam pembahagian harta pusaka mereka tidak akan dirugikan.

²¹⁵Muhammad Raihan, (Pegawai Panitera Muda Hukum di Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 17 Januari 2014.

²¹⁶*Ibid.*

²¹⁷*Ibid.*

dari pada kes penangguhan pembahagian harta pusaka yang disebabkan kerana penguasaan harta pusaka oleh anak sulung atau anak lelaki dari pewaris.

c. Penguasaan Keluarga

Apabila pewaris meninggalkan anak-anak yang masih kecil, sedangkan ia tidak ada jandanya lagi yang dapat bertanggung jawab untuk mengurus harta pusaka. Maka penguasaan harta pusaka yang belum dibahagikan tersebut berada di bawah pengawasan orang tua pewaris menurut susunan garis keturunan kekerabatan. Jika orang tuanya pewaris juga sudah tidak ada lagi, maka penguasaan harta pusaka tersebut dikuasai oleh saudara-saudara pewaris atau keturunannya, menurut susunan garis keturunan kerabat pewaris.

Bila kenyataan di atas dihubungkan pada kehidupan keluarga ahli waris yang bersatu padu dalam sebuah keluarga. Maka dapat dikatakan bahawa harta pusaka yang dimiliki bersama dapat dimanfaatkan oleh para ahli waris. Ini bererti bahawa seluruh ahli waris telah menerima haknya sesuai dengan bahagiannya. Pada prinsipnya, penguasaan harta pusaka yang belum dibahagikan diputuskan berdasarkan atas keinginan bersama ahli waris.²¹⁸

Adapun kesan yang ditimbulkan daripada penangguhan pembahagiaan harta pusaka boleh berkesan kepada dua aspek iaitu kesan daripada hukum syarak dan kesan daripada undang-undang dan sosio-ekonomi.

²¹⁸Ibid.; Lihat juga Hilman Hadikusuma, *Hukum Waris Adat*, 242.

4.4.1 Kesan Penangguhan Pembahagian Harta Pusaka Daripada Hukum Syarak

a. Pemilikan beramai-ramai ke atas hartanah

Adanya kepemilikan beramai-ramai ke atas hartanah ianya melibatkan perkongsian hak milik ke atas sesuatu harta tersebut tanpa melibatkan sebarang usahasama untuk memajukan atau mengeksplorasi harta tersebut.²¹⁹ Oleh kerana setiap ahli waris adalah dianggap sebagai orang asing oleh waris-waris yang lain dalam menguruskan bahagian atau saham rakannya yang lain, seseorang ahli waris hanya boleh mengurus secara bersendirian pada harta tersebut dengan persetujuan waris-waris yang lain tetapi tidak boleh menguruskannya dengan cara yang boleh merosakkan kepentingan bahagian atau saham waris-waris yang lain.²²⁰

Di samping itu, mana-mana ahli waris dibenarkan menjual bahagiannya kepada rakan kongsi yang lain dalam semua keadaan tetapi tidak dibenarkan menjual bahagian atau saham rakan ahli waris yang lain kepada pihak ketiga tanpa kebenaran rakannya itu.²²¹ Bagaimanapun, tidak boleh mana-mana ahli waris memaksa ahli waris yang lain membeli atau menjualkan bahagian sahamnya kepada ahli-ahli yang lain.²²²

Dalam hal ini, mengenai tanah yang diwarisi secara *farāid*, persetujuan ahli waris yang lain termasuk pemegang amanah bagi ahli waris yang di bawah umur yang membenarkan beberapa orang ahli waris mengusaha tanah yang menjadi harta bersama tersebut, akan menjadikan seluruh hasilnya dikongsi bersama di antara

²¹⁹Nabil A. Shaleh, *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law*, 2nd Edition, (London: Graham and Trotman Ltd., 1992), 113.

²²⁰Haidar, Ali, *Durrar al-Hukkām: Syarḥ Majallah al-Ahkām*, 10: 19-20.

²²¹Ibn al-Humān, Kamāl al-Dīn Muḥammad ‘Abd Wahid, *Sharḥ Fath al-Qādir*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 6: 145.

²²²Haidar, Ali, *Durrar al-Hukkām: Syarḥ Majallah al-Ahkām*, 20-21.

mereka.²²³ Bagaimanapun jika salah seorang ahli waris mengusahakan tanah tersebut secara bersendirian, tanpa keizinan ahli waris yang lain, seluruh hasilnya akan menjadi miliknya seorang tetapi ia bertanggungjawab kepada para pewaris yang lain di atas susutnilai tanah berkenaan disebabkan penanamannya itu.

Jika salah seorang ahli waris mengambil sejumlah wang tertentu daripada harta pusaka yang belum dibahagikan tanpa keizinan ahli-ahli waris yang lain, kemudian diperniagakan harta tersebut lalu mengalami kerugian, maka kerugian tersebut akan dipertanggungjawabkan kepada waris yang mengambilnya itu dengan membayar gantirugi disebabkan perbuatannya itu. Begitu juga halnya jika berlaku keuntungan, maka keuntungan tersebut adalah miliknya seorang dan ahli waris yang lain tidak boleh menuntut bahagian keuntungan daripadanya melainkan hanya saham asal yang diambilnya sahaja.²²⁴

Sementara ada sebahagian ahli waris yang menangguhan harta pusaka kerana keterbatasan harta pusaka, penguasaan oleh sebahagian ahli waris dan ketidakpuasan dalam pembahagian harta pusaka.

Dalam kes penangguhan pembahagian harta pusaka no. 59/PK/AG/2009 yang melibatkan perbalahan sesama ahli waris dalam hal penguasaan harta pusaka. Dimana salah seorang ahli waris telah banyak menjual saham atau bahagian harta waris yang belum *disaraiqkan* kepada pihak ketiga.²²⁵ Permasalahan ini berawal sejak kematian bapa daripada pihak penggugat dan tergugat pada tahun 1987 dan pembahagian harta telah dilakukan secara musyawarah, namun ada beberapa hartanah yang masih dipermasalahkan kerana tergugat telah menjual harta itu

²²³*Ibid.*,49.

²²⁴*Ibid.*,50.

²²⁵Tgk. Zakaria Bin Tgk. H. Amin v Tgk. Hasan Bin Tgk. H. Amin, nombo kes: 59/PK/AG/2009.

kepada pihak ketiga tanpa diketahui oleh penggugat selaku adik kandungnya sebelum dilakukan pembahagian harta pusaka.

Selanjutnya dalam kitab-kitab fiqh yang membahas mengenai harta pusaka ada suatu pembahasan yang dikenal dengan bab *al-takhāruj* iaitu suatu perjanjian yang diadakan oleh para ahli waris untuk penarikan salah seorang ahli waris untuk menerima harta pusaka, dengan cara memberikan imbalan, baik imbalan itu berasal dari harta orang yang mengundurkannya, mahupun harta itu berasal daripada harta yang dibahagikan.

Al-takhāruj itu merupakan penarikan diri daripada menerima bahagian harta pusaka sama ada sebahagian atau kesemuanya, dengan memberi bahagiannya itu kepada seseorang atau beberapa orang atau kepada kesemua ahli waris lain sama ada secara sukarela atau diberi ganjaran atau dibayar ganti rugi daripada harta pusakanya itu.²²⁶

Imbalan yang diserahkan pihak pertama seolah-olah merupakan harga pembelian dan imbalan yang diserahkan pihak kedua merupakan barang yang dibeli. Dengan demikian *al-takhāruj* ini merupakan perjanjian jual beli.

Jika imbalan yang diserahkan itu sebagai alat tukar menukar terhadap imbalan yang akan diterimanya, maka *al-takhāruj* tersebut merupakan perjanjian tukar menukar. Di samping itu, jika imbalan yang akan diserahkan kepada pihak yang diundurkan itu diambil dari harta pusaka, maka perjanjian *al-takhāruj* itu dinamakan pembahagian harta pusaka.

Perjanjian *al-takhāruj* ini mempunyai tiga bentuk, iaitu:

²²⁶Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, 10: 7915.

1. *Al-takhāruj* terjadi dengan salah satu ahli waris. bermakna *al-khārij* (orang yang keluar) sepakat dengan salah satu ahli waris yang bersedia melepaskan haknya atas harta waris. Ahli waris itu pun bersedia diberikan sejumlah harta yang menjadi pengganti haknya atas harta pusaka. Harta pengganti yang diberikan kepadanya tidak berasal dari harta waris. Proses *al-takhāruj* dalam bentuk ini ditetapkan berdasarkan akad jual-beli. Dengan demikian, ahli waris yang memberikan pengganti itu menempati posisi *al-khārij* kerana dia adalah pembeli, sehinggalah memiliki bahagian pusaka *al-khārij* ditambah bahagian aslinya.
2. *Al-takhāruj* terjadi dengan semua ahli waris. Dalam hal ini, *al-khārij* bersedia “keluar” atau melepaskan haknya atas harta pusaka jika diganti dengan sejumlah wang, yang bukan harta pusaka. Wang pengganti itu diserahkan ahli waris-ahli waris yang lain kepadanya. Proses *al-takhāruj* dalam bentuk ini ditetapkan berdasarkan akad jual, kerana *al-khārij* menjual bahagiannya kepada ahli waris-ahli waris yang lain. Dengan demikian ahli waris-ahli waris itu dapat memiliki bahagian *al-khārij* sesuai dengan perjanjian tersebut dalam akad *al-takhāruj*. Jika ahli waris-ahli waris itu telah memberikan wang kepada *al-khārij* senilai dengan bahagian mereka masing-masing atas harta waris, mereka pun mendapatkan bahagian dari harta *al-khārij* sesuai dengan bahagian mereka masing-masing atas harta waris. Namun, jika setiap ahli waris memberikan wang dalam jumlah yang sama untuk *al-khārij*, harta *al-khārij* pun dibahagi rata untuk mereka.
3. *Al-takhāruj* dengan para ahli waris. Dalam hal ini, *al-khārij* mencadangkan supaya dia “dikeluarkan” atau tidak diberikan harta pusaka yang menjadi bahagiannya dengan imbalan tertentu, baik berupa wang atau benda yang diambil dari harta pusaka. Proses *al-takhāruj* ini sebenarnya adalah pembahagian yang

tidak sempurna antara *al-khārij* yang melepas bahagiannya dengan ahli waris lain yang memiliki baki harta pusaka. Bentuk ini pada hakikatnya sama dengan *qismah* (hukum pembahagian), bukan jual-beli. Bentuk ini merupakan bentuk yang kerap terjadi dalam masyarakat.

Dalam hal ini, pembahagian harta pusaka kepada seluruh ahli waris termasuk *al-khārij* seakan-akan tidak ada yang keluar. Setelah itu, kita gugurkan bahagian *al-khārij* dari asal masalah, ‘awl, atau *taṣhih*-nya, sebagaimana kita menggugurkannya dari pusaka, lalu kita jadikan bahagian baki sebagai asal masalah. Setelah itu, harta waris dibahagi berdasarkan asal masalah ini.

Besar kecilnya imbalan yang mesti dibayar oleh masing-masing ahli waris kepada *al-khārij* ialah sesuai dengan yang telah mereka sepakati bersama dan saling meredhai.²²⁷

b. Terdedah kepada perlanggaran hukum dengan memakan harta secara batil

Harta mempunyai kedudukan yang amat tinggi dalam diri manusia, dan sangat berperanan dalam kelangsungan hidup mereka, maka Islam sebagai agama yang lengkap sempurna tidak terlepas dari memberikan perhatian mengenainya dan dalam pada itu menunjukkan tatacara pengawasan dan penjagaan yang tiada tolok bandingnya. Untuk itu, maka Islam menetapkan hukum hakam yang dapat menjamin pemilikan harta. Mengambil dan memakan harta orang lain dengan cara batil adalah diharamkan sama sekali dalam Islam. Allah SWT berfirman:

يَتَأْكُلُونَ لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِحْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

²²⁷Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 10:7907; al-Šābūnī, *al-Mawārīth fi al-Syari’ah al-Islāmiyyah*, 171.

mafhum nya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri”.

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا

وَسَيَصْلَوْرُكَ سَعِيرًا

al-Nisa'4 : 10

Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu menelan api sepenuh perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.

Bukan setakat itu, cara mendapatkan harta turut dijelaskan dalam Islam.

Perbuatan mendapatkan harta dengan cara yang tidak syarie seperti mengusai harta pusaka dan tidak memberikan kepada ahli waris yang lain, merampas, meragut, mencuri dan sebagainya adalah diharamkan sama sekali. Bagi memastikan kehormatan harta terpelihara, Islam telah menetapkan hukuman (*‘uqūbah*) setimpal yang dapat mencegah dan menghalang pembuatan mendapatkan hak milik dengan cara mencerobohi hak milik orang lain seperti mencuri dan sebagainya.

Dalam beberapa kes penangguhan harta pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah, Aceh Besar telah banyak terjadi hal ini, dimana ada beberapa ahli waris yang tanpa mereka sedari telah memakan harta secara batil. Mereka telah menjual harta pusaka yang belum dibahagikan yang pada hakikatnya harta tersebut belum menjadi hak milik individu tetapi masih menjadi hak milik bersama. Sama ada dengan menggadaikan surat hartanah tanpa mendapatkan

keizinan daripada ahli waris yang lain, atau dengan memalsukan surat dokumen hartanah dan bahkan juga menjual hartanah dan lain sebagainya.

Dalam kes yang melibatkan adik beradik iaitu Tgk. Zakaria Bin Tgk. H. M. Amin melawan M. Hasan Bin Tgk. H. M. Amin, kes penangguhan pembahagian harta pusaka tersebut terjadi apabila bapa mereka meninggal pada tahun 1987 dan ahli warisnya isteri yang kemudian meninggal tahun 2006, tiga anak lelaki dan dua anak perempuan yang bernama H. Hasan Bin Tgk. H. M. Amin (65 tahun), Aisyah Binti Tgk. H. M. Amin , (60 tahun), Jamariah Binti Tgk. H. M. Amin (55 tahun), H. Muslim Bin Tgk. H. M. Amin (50 tahun) dan Zakaria Bin Tgk. H. M. Amin (42 tahun). Dimana dari harta pusaka bapa mereka ada beberapa hartanah yang telah dijual oleh H. Hasan bin Tgk. H. M. Amin dan H. Muslim bin Tgk. H. M. Amin, yang hasilnya hanya dinikmati oleh mereka berdua tanpa memberi bahagian kepada ahli waris yang lain. Sedangkan harta dari ibu mereka yang meninggal pada tahun 2006 belum dibahagikan sampai dengan kes ini didaftarkan pada tahun 2009.

Harta itu menjadi hak waris-waris dan sebelum dibuat pembahagian, dan bagi ahli waris yang memiliki, menguasai atau memakan harta pusaka itu tanpa kebenaran atau persetujuan semua waris bermakna sudah memakan atau menguasai harta saudara mereka sendiri secara haram atau salah.

Dari kejadian ini menunjukkan bahawa adakalanya harta membuat jiwa seseorang jauh daripada sifat berpada-pada atau berpuas hati dengan apa yang ada dan cenderung kepada sifat ketamakan dan kelobaan, sehingga ia tidak boleh membezakan mana-mana harta yang halal dan yang batil.

Syariat Islam telah menjadikan redha dan kehendak hati yang ikhlas sebagai asas sah atau sebaliknya sesuatu muamalah antara manusia. Bukan hanya sekadar itu,

Islam turut menggariskan tatacara (sistem) akad dari akad-akad muamalat. Pada setiap jenis akad muamalat tersebut ditetapkan rukun, syarat dan hukum-hakam yang tertentu tanpa ada sebarang kekurangan sedikit pun dari segenap sudut dan penjuru. Dalam perihal ini, para ulama dan fuqaha sangat memainkan peranan penting dalam melakukan kajian, penelitian dalam membahaskan semua jenis akad yang umum sama ada ia adalah jual beli, upah, gadaian, syarikat dan sebagainya.

Menurut al-Shātibī, harta merupakan salah satu dari lima maslahat yang diberikan perhatian dalam *maqāṣid al-syariyyah* selain dari maslahat menjaga agama, menjaga nyawa atau jiwa, menjaga akal fikiran, dan menjaga keturunan atau kehormatan. Dimaksudkan dengan *al-darūriyyāt* ialah ia merupakan sesuatu keperluan yang wajib dan perlu wujud untuk menjamin kemaslahatan agama dan kelangsungan hidup manusia di dunia. Sekiranya kemaslahatan tersebut hilang nescaya hidup manusia di dunia akan menjadi pincang, bukan setakat itu bahkan akan mendatangkan kerosakan, permusuhan dan fitnah yang membinasakan kehidupan manusia di dunia. Ia juga menyebabkan manusia keciciran untuk mendapat kejayaan dan kenikmatan di akhirat dan kembali dengan kerugian yang amat nyata.²²⁸

c. Tidak menunaikan hak-hak si mati

Ketika berlaku penangguhan pembahagian harta pusaka maka ia boleh tidak menunaikan hak-hak si mati antaranya ialah hutang dan wasiat yang tidak dilaksanakan dengan segera. Hal ini terjadi apabila telah terjadi perselisihan dan

²²⁸Ibrāhīm bin mūsā bin muhammad al-lakhmī al-Gharnāṭī al-Shātibī, *al-Muwāfaqāt*, (al-Qāherah: Dār Ibn Affān), 2: 18.

perbalahan antara ahli waris yang mengakibatkan masing-masing waris menguasai harta pusaka sebelum harta pusaka tersebut dibahagikan.

Membayar hutang adalah satu kewajipan yang tidak boleh ditangguhkan apabila si pemutang berkemampuan membayarnya.²²⁹ Bagi mereka yang mampu membayar hutang tetapi menangguhkan pembayaran tersebut dikira berdosa dan perbuatannya haram di sisi syarak. Ini kerana Islam sangat menitikberatkan soal pembayaran hutang.

Di antara sebabnya, bagi menjaga keharmonian hidup. Apabila si peminjam berdiam diri, atau tidak mengendahkan hutang yang sepatutnya dibayar maka sikap yang demikian akan menyebabkan orang yang memberi pinjam tidak berpuas hati, mungkin juga boleh mengundang kepada pergaduhan.

Yang keduanya, tidak menjaga janji. Kebiasaan bila seseorang itu berhutang pasti akan menjanjikan satu tarikh, bulan atau tahun bagi melangsaikan hutang tersebut. Malangnya apabila tiba tempoh atau ketika yang dijanjikan orang yang berhutang tidak melangsaikannya sedang dia mampu membayarnya. Jika masih tidak mampu membayarnya sepatutnya meminta tangguh untuk satu tarikh yang akan datang. Ini di antara akhlak yang sepatutnya ada pada orang yang berhutang. Malangnya ada segelintir ahli masyarakat kita yang sudah hilang rasa malu, hilang rasa tanggungjawab, hilang rasa persaudaraan. Hutang tetap dikira hutang, ini ikut perjanjian awal, melainkan orang yang memberi hutang menghalalkan pinjamannya. Firman Allah SWT yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menulisnya.* (al-Baqarah: 282). Dalam ayat sama

²²⁹ Abdul al-Karîm Zaidân, *al-Mufassal fî Ahkâm al-Mar'ah wa al-baitul al-Muslimah*, (Baghdad: Muassasah al-Risâlah, 1997), 11:202.

Allah melanjutkan Firman-Nya bermaksud: *Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan benar, dan janganlah penulis enggan menulisnya sebagaimana yang telah diajarkan oleh Allah, maka hendaklah ia menulis dan orang yang berhutang itu mengimlakkan (menyebutkan) mengenai apa yang ditulis itu dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah dan jangan ia mengurangi sedikitpun daripada hutangnya.*

Rasulullah SAW bersabda:

الغٰنِيُّ : (رواه البخاري و مسلم)

Baginda Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Penundaan hutang bagi mereka yang mampu adalah satu kezaliman”.²³⁰

Persoalan hutang terkadang dianggap remeh oleh kebanyakan waris, sehingga ada yang berani mengatakan: “eleh! Hutang bukan tanggungjawab aku, Bapa aku yang berhutang, jadi pandai-pandailah dia bayar” atau “Bila mati, harta yang ditinggalkan dah jadi pusaka. Jadi, kalau pusaka, ia dah tak kena mengena dengan si mati. Pusaka, Aku punyalah!” Sepatutnya waris harus mementingkan nasib si mati yang berhutang. Bermakna harta yang ditinggalkan perlu digunakan dahulu bagi melunaskan hutang-hutangnya. Apabila hutang tersebut tidak segera dilangsaikan maka si mati akan merana di alam barzakh. Rasulullah SAW bersabda:

عَن النَّبِيِّ : (رواه أَحْمَد و التَّرمذِي)

Dari Nabi SAW. bersabda: “Jiwa seorang mukmin tergantung kepada hutangnya sampai ia melunasi hutangnya.”(Riwayat Ahmad dan Tarmizi).²³¹

²³⁰ Al-Ṣan'āny, *Subul al-Salām Syarh*, 3:61.

Beberapa kali Rasulullah SAW enggan menyembahyangkan jenazah orang yang berhutang sehingga ada di antara sahabat yang sanggup bertanggungjawab atas hutang si mati itu. Ini kerana baginda SAW pernah memberitahu bahawa orang yang mati sedang dia berhutang maka amalannya tergantung sehingga dilangsakan oleh ahli keluarganya atau sesiapa yang bersifat ihsan kepadanya.

Sedangkan wasiat merupakan hak yang ketiga berkaitan dengan harta perninggalan si mati. Wasiat perlu dilaksanakan setelah dilunaskan kesemua hak-hak yang berkaitan dengan mempersiapkan pengebumian janazah dan setelah dilangsakan segala hutang piutang si mati. Wasiat juga hendaklah didahulukan perlaksanaanya sebelum diagihkan harta perninggalan si mati kepada ahli waris.

Wasiat ialah suatu hasrat atau keinginan yang dizahirkan secara lisan atau bertulis oleh seseorang mengenai hartanya untuk diuruskan selepas berlaku kematiannya. Namun wasiat yang dibuat secara lisan adalah terdedah kepada fitnah akibat arahan yang tidak jelas dan boleh dipertikaikan di kalangan ahli waris.

Dalam kes yang berdaftar di Mahkamah Syariah Aceh Besar nombo 09/Pdt.G/2011/Ms-Jth²³² menunjukkan bahawa adalah kes yang melibatkan antara anak pewaris dengan cucu pewaris. Dimana dalam pernyataan daripada cucu pewaris bahawa pewaris pernah memberikan wasiat secara lisan berupa harta tanah seluas 1000 m^2 dari luas tanah 4000 m^2 kepadanya semasa hidup pewaris. Namun ianya tidak boleh menunjukkan mana-mana bukti yang boleh menguatkan perkataannya itu. Sehingga terjadi pertelingkahan di kalangan ahli waris.

²³¹ al-Shawkānī, *Nail al-Autār*, 4: 26.

²³² Salbiah Binti M. Sufi v Fauzi Bin M. Daud, nombo Kes: 09/Pdt.G/2011/Ms-Jth.

d. Bilangan waris makin bertambah ramai akibat kematian berlapis

Kematian berlapis dikenal dalam istilah bahasa Arab dengan masalah *al-munasakhat*. Adapun pengertian *al-munasakhat* menurut istilah ulama *farāid* ialah meninggalnya sebahagian ahli waris sebelum pembahagian harta pusaka sehingga bahagiannya berpindah kepada ahli waris yang lain.

Permasalahan utama adalah pergaduhan dan persengketaan dalam kalangan ahli waris beberapa generasi akibat daripada kecuaian serta kegagalan ahli waris pertama melaksana tanggungjawab menyelesaikan pusaka si mati pada masa itu menyebabkan tertangguh untuk beberapa generasi. Akibatnya apabila mereka sendiri meninggal dunia, pusaka mereka juga turut tertangguh dan tergantung dan membiarkan keharmonian keluarga musnah.

Perkara ini penting bagi mengelakkan sikap ambil mudah terus berpanjangan. Masalah suka bertangguh menyelesaikan pusaka semakin kritikal dan boleh mencapai tahap membimbangkan jika tidak ditangani dengan baik. Ini dapat dilihat melalui kes pusaka bertingkat atau berlapis yang diterima Mahkamah Syariah Aceh Besar. Kes sebegini biasanya amat kompleks dan sukar untuk ditadbir kerana membabitkan kematian berlapis kalangan ahli waris yang berhak. Seperti halnya kes no. 72/Pdt.G/2009/Ms-Jth yang melibatkan antara cucu si mati dengan anak si mati iaitu Muchsin Bin M. Ali (pengugat) melawan Cut Adenen Binti Po Nyak Makam (tergugat) yang telah berumur 90 tahun. Awal permasalahannya ialah ketika meninggal dunia Cut Nyak Merah pada tahun 1980, almarhum meninggalkan anak kandung M. Ali dan Cut Adenen Binti Po Nyak Makam. M. Ali Bin Po Nyak Makam telah lebih dahulu meninggal dunia pada tahun 1979 dengan meninggalkan waris seorang isteri bernama T. Usmi Binti Hasyem dan tiga orang anak iaitu Mukhsin Bin M. Ali, Marhaban Bin M. Ali dan

Irmiani Binti M. Ali. Dan pada tahun 1990 Marhaban Bin M. Ali meninggal dunia. Dalam kes tersebut telah terjadi kematian berlapis dan penangguhan pembahagian harta pusaka si mati sejak meninggal dunia pada tahun 1980. Sehingga kes tersebut didaftarkan ke Mahkamah Syariah pada tahun 2009. Keadaan ini membawa kebimbangan pentadbir pusaka kerana memerlukan tempoh lebih lama bagi membuat siasatan dan pengesahan waris, harta pusaka, wasiat, hutang dan liabiliti sebelum pembahagian dapat dibuat.

Kebiasaannya apabila perkara ini berlaku, waris perlu menunggu lebih lama dan ini akan memudaratkan banyak pihak termasuk kerajaan kerana tiada bayaran boleh dibuat, juga pengesahan aset, harta dan liabiliti tidak dapat diperoleh dengan tepat serta disahkan.

4.4.2 Kesan Penangguhan Pembahagian Harta dari Undang-Undang, dan Sosio-ekonomi

Adapun kesan penangguhan pembahagian harta pusaka dari segi sosio-ekonomi daripada kes penangguhan pembahagian harta pusaka ialah sebagai berikut:

- a. Harta terbiar dan tidak terurus

Harta adalah nikmat dan kurniaan Allah SWT yang diamanahkan kepada manusia. Umat Islam wajib memelihara dan menggunakan harta dengan sebaik-baiknya selaras dengan kehendak Allah SWT. Perbuatan membiarkan harta tanpa diusahakan, membazir serta menyalahgunakan harta adalah dilarang dalam Islam. Dan akan lebih khuatir sekiranya perkara ini berlaku secara meluas dalam masyarakat. Masyarakat Islam akan berhadapan dengan “*opportunity cost*” sekiranya isu ini gagal diselesaikan dengan cara elok dan tersusun.

Isu tentang harta-harta masyarakat yang tidak terurus jarang sekali dititikberatkan,

salah satunya ialah isu harta pusaka milik masyarakat Islam yang tidak dituntut dan tidak segera dibahagikan.

Harta-harta masyarakat Islam ini jika tidak dibangunkan, amat merugikan umat Islam sendiri kerana ia menjadi tanah-tanah terbiar yang tidak dimanfaatkan kerana kurangnya kesedaran masyarakat tentang kepentingannya demi pembangunan sosio-ekonomi ummah. Pembahagian yang ditangguhkan dari hari ke hari sehingga bertahun-tahun lamanya dan tiada siapa yang mahu bertanggungjawab menguruskannya. Akhirnya, harta pusaka itu terbiar begitu sahaja.

Dalam kes yang melibatkan Zuriah Binti Sabi (penggugat) melawan Marhaban Bin Sabi (tergugat),²³³ dimana telah terjadi perkahwinan antara Sabi dan Nyak Ubit dan melahirkan tiga orang anak, iaitu: Marhaban bin Sabi, Zuriah Binti Sabi dan Ramli Bin Sabi, ketiganya merupakan saudara separa dan seibu. Dari keterangan yang disampaikan bahawa Sabi dan Nyak Ubit telah meninggal dunia tahun 1962, sedangkan Ramli Bin Sabi juga meninggal dunia pada tahun 2008. Bahawa sepeninggal Ramli Bin Sabi maka yang menjadi ahli waris ialah penggugat dan tergugat. Dalam perjalanan waktu bahawa banyak daripada harta Ramli Bin Sabi yang terbiar dan tidak diurus dengan cekap. Dari 9 item hartanah terdapat dua item yang sekarang tidak terurus iaitu:

1. Tanah seluas 180 m² yang terletak di Pasar Lam Ateuk, Kecamatan Kuta Baro, Kabupaten Aceh Besar. Dengan taksiran harga Rp. 200.000.000,-
2. Tanah seluas 400 m² yang terletak di Desa Ujong Blang, Kecamatan Kuta Baro, Kabupaten Aceh Besar. Dengan taksiran harga Rp. 45.000.000,-

Dari kes tersebut juga membawa kepada kesan bagi harta tanah, apabila cukai tidak dibayar dan tertunggak dari tahun ke tahun, sehingga boleh mencecah sehingga

²³³Zuriah Binti Sabi v Marhaban Bin Sabi, nombo kes: 210/Pdt.G/2010/Ms-Jth.

jutaan rupiah sedangkan tanah itu ditinggal terbiar tanpa diusahakan atau dimajukan.

Dalam hukum yang berlaku di Indonesia sesuai dengan Kitab Undang-Undang Hukum Perdata (KUHP), harta tak terurus atau harta terbiar apabila dalam tempoh waktu tiga tahun tidak ada ahli waris yang mengakui akan harta tersebut maka harta tersebut dikelola oleh Balai Harta Peninggalan (BHP). Pengurusan tersebut harus melalui institusi Kejaksaan Negeri. Namun apabila terjadi perselisihan mengenai apakah suatu harta peninggalan tidak terurus atau tidak, penentuan ini akan diputuskan oleh hakim.²³⁴

b. Urusniaga harta tanah tidak dapat dijalankan

Penangguhan pembahagian harta pusaka boleh menjadikan urusniaga harta tanah tidak dapat dijalankan. Hal tersebut disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah harta pusaka yang telah menjadi harta sengketa antara ahli waris. Maknanya para ahli waris tidak boleh mengurus harta tanah tersebut sebelum adanya keputusan daripada Mahkamah Syariah. Seperti kes yang melibatkan puan Nyak Dien (penggugat) melawan Muhammad Zami bin Zam Zam Ali (tergugat)²³⁵ yang merupakan anak kandung daripada penggugat. Dalam kes tersebut telah meninggal Zam Zam Ali yang merupakan suami dari penggugat dan bapa daripada tergugat pada tahun 1997. Selain penggugat dan tergugat almarhum juga meninggalkan dua orang putri iaitu Ruhana Binti Zam Zam Ali dan Ruhamah Binti Zam Zam Ali. Almarhum meninggalkan harta pusaka berupa perhiasan emas dan juga harta tanah sebanyak 24 item. Dimana setengah daripada harta peninggalan almarhum telah

²³⁴ Subekti dan Tjitrosudibio, *Kitab Undang-Undang Hukum Perdata* (Jakarta: Pradnya Paramita, 2008), 125.

²³⁵ Nyak Dien v Muhammad Zami Bin Zam Zam Ali, nombo kes: 27 PK/AG/2009.

dikuasai oleh tergugat kurang lebih selama 5 tahun. Kes tersebut telah berlaku sejak tahun 2002 sampai dengan tahun 2011 dan masih dalam proses persidangan di peringkat Peninjauan Kembali (PK) di Mahkamah Agung.

Dari segi ekonomi, selama kes tersebut belum ada suatu keputusan dari pihak Mahkamah Syariah maka harta tersebut tidak boleh dijalankan dan dimanfaatkan untuk ahli waris.

Bagi harta tersebut, selagi masih terdaftar dengan nama si mati, selagi itulah sebarang urusniaga tidak dapat dijalankan. Tanah tersebut tidak boleh dijual beli, dicagar, disewakan, digadai dan sebagainya. Tempoh pembekuan urusniaga ini bergantung kepada langkah yang diambil oleh waris-waris untuk penyelesaian pusaka tersebut mengikut undang-undang. Apabila tanah-tanah tersebut didaftarkan atas nama waris-waris, maka bolehlah urusniaga dijalankan ke atasnya.

- c. Kehilangan dokumen penting seperti surat mati, surat perjanjian dan sebagainya
- Pelbagai kes pusaka menunjukkan bahawa terangkatnya kes harta pusaka ke Mahkamah Syariah disebabkan oleh banyaknya harta peninggalan yang tidak jelas atau hilangnya data harta peninggalan tersebut.²³⁶

Kegagalan waris mendapatkan bukti kematian pemilik tanah kerana kehilangan surat mati atau kematian tidak didaftarkan ataupun kematian di luar Indonesia turut menyulitkan proses pembahagian harta pusaka. Di samping itu, masalah juga timbul apabila berlaku kehilangan dokumen-dokumen yang berkaitan disebabkan oleh kecuaian ahli waris bahkan juga sikap ahli waris yang cuba menyembunyikan fakta dan dokumen-dokumen yang berkaitan, umpamanya salinan hak milik keluaran atau

²³⁶Muhammad Raihan, (Pegawai Panitera Muda Hukum di Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan pengkaji, 17 Januari 2014.

salinan dokumen yang menunjukkan pegangan harta tak alih dan salinan harta alih antarnya salinan sijil saham, buku simpanan bank, akte hak milik tanah dan sebagainya.

Lebih malang lagi sekiranya waris-waris tidak dapat mengingati fakta salasilah waris atau turutan tarikh kematian waris-waris yang telah meninggal dunia. Misalnya, mereka lupa tentang sejarah perkahwinan si mati atau tidak pasti tarikh kematian seseorang itu sama ada mati dahulu atau kemudian.

Semua fakta tersebut akan memberi kesan langsung kepada pembahagian harta pusaka dalam menentukan siapa waris-waris yang berhak dan kadar bahagian masing-masing. Kesilapan dalam meberikan fakta sesuatu kes pusaka akan menyebabkan pembahagian yang tidak betul. Selain itu, dari ketidakjelasan harta peninggalan tersebut dapat memberi peluang kepada ahi waris yang lemah imannya untuk memanipulasi dokumen harta peninggalan tersebut.

Kebanyakan daripada kes penangguhan pembahagian pusaka yang berdaftar di Mahkamah Syariah telah menempuh proses dalam tempoh yang lama kerana ketiadaan bukti-bukti dari yang mereka sampaikan kepada pihak Mahkamah. Hal ini pula yang menyulitkan proses perbicaraan pembahagian pusaka. Salah satunya ialah kes yang melibatkan antara anak dan cucu dari si pewaris iaitu Mukhsin Bin M. Ali (Penggugat) melawan Cut Adenen Binti Po Nyak Makam (Tergugat),²³⁷ dalam kes tersebut dijelaskan bahawa pada tahun 1980 telah meninggal dunia seorang perempuan yang bernama Cut Nyak Meurah dengan meninggalkan dua orang ahli waris iaitu Cut Adenen Binti Po Nyak Makam dan M. Ali Bin Po Nyak Makam yang telah lebih dahulu meninggal dunia pada tahun 1979 dengan meninggalkan

²³⁷Mukhsin Bin M. Ali v Cut Adenen Binti Po Nyak Makam, nombo kes: 72/Pdt.G/2009/MS-Jth.

ahli waris seorang isteri yang bernama T. Usmi Binti Hasyem dan tiga orang anak yang disebut ahli waris pengganti iaitu Mukhsin Bin M. Ali, Marhaban Bin M. Ali dan Irmiati Binti M. Ali. Sejak meninggalnya Cut Nyak Meurah pada tahun 1980 belum pernah *difarāiqkan* kepada ahli waris, apabila Cut Adenen telah menguasai banyak harta pusaka dari ibunya tersebut dengan mengabaikan hak daripada anak-anak saudara kandungnya yang telah meninggal lebih dahulu daripada ibunya. Serta juga telah banyak surat penjanjian dan akte jual beli serta surat hibah yang telah hilang disebabkan penangguhan pembahagian harta pusaka dalam suatu keluarga.

d. Berlakunya jenayah antara sesama ahli waris

Kes harta pusaka ialah persoalan yang melibatkan anggota keluarga, kerana itu ia termasuk perselisihan keluarga. Jika permasalahan tersebut didaftarkan ke Mahkamah Syariah, maka kesan yang timbul ialah berlaku pertelingkahan dan perpecahan institusi kekeluargaan.

Pertelingkahan sesama waris juga merupakan salah satu sebab mengapa harta pusaka dibiarkan dan tidak diselesaikan dengan segera. Pertelingkahan mungkin wujud sebelum berlaku kematian dan berlarutan. Apabila berlaku kematian, waris-waris yang bertelingkah itu tidak dapat bersua muka di antara satu sama lain apakah lagi bertanya khabar tentang harta pusaka atau berbincang mengenainya. Pertelingkahan mungkin juga wujud selepas kematian. Mungkin ada di antara waris-waris yang tidak puas hati di dalam sesuatu perkara semasa pengurusan jenazah misalnya atau ada yang sengaja untuk cuba menguasai atau membolot harta-harta si mati untuk kepentingan dirinya sendiri. Ini berlaku akibat dari rasa tamak dan haloba dan kadangkala sayangkan harta itu supaya tidak jatuh ketangan orang lain. Akibatnya harta pusaka tidak dibahagi dan dibiarkan.

Dan matlamat utama daripada hukum pusaka Islam ialah untuk mengelakkan perselisihan dan putusnya hubungan persaudaraan sesama keluarga.

Namun, dari beberapa kes yang berdaftar di Mahkamah Syariah telah banyak terjadi perebutan dan percaduhan adik beradik disebakan tanah pusaka peninggalan orang tua yang sudah pun meninggal dunia. Pembahagian harta pusaka tidak dilakukan dengan telus dan adil mengikut syarak sebaliknya dipengaruhi oleh unsur-unsur penipuan dan penyelewengan. Hal ini terjadi kerana didorong oleh sifat tamak, dengki dan penyakit hati yang dikaburi oleh kemewahan harta.

Hal ini terbukti daripada kes-kes yang pengkaji dapati, bahawa perselisihan tersebut ada yang melukai dan bahkan mencuba membunuh. Dalam kes yang melibatkan Tgk. Zakaria Bin Tgk. H. M. Amin (penggugat) melawan H. Hasan Bin Tgk. H. M. Amin²³⁸(tergugat) yang merupakan adik beradik telah membawa kepada kes jenayah. Dimana penggugat tidak berpuas hati dengan pembahagian harta pusaka yang menurutnya tergugat telah menguasai sebahagian harta pusaka dan menjual sebahagian hartanah tanpa keizinan dari waris yang lain. Sebelumnya penggugat juga telah berusaha menempuh segala cara untuk melakukan penyelesaian secara damai dan musyawarah bersama imam masjid dan ketua adat desa, namun tidak berhasil. Akibat daripada permasalah yang memakan tempoh yang lama maka terjadi tindakan jenayah yang dilakukan oleh kedua pihak yang berselisih. Hal tersebut terbukti dimana penggugat menikam tergugat dengan parang sebanyak enam kali. Tidak hanya itu penggugat bahkan sempat membakar sebuah tas yang berisi surat hartanah dan dokumen lainnya milik tergugat.

²³⁸Lihat Berita Acara Perkara (BAP), kes yang melibatkan Tgk. Zakaria Bin Tgk. H.M. Amin v M. Hasan Bin Tgk. H.M. Amin, nombo kes: 59 PK/AG/2009.

Padahal hukum adat dalam masyarakat Aceh juga mempunyai peranan untuk mengatasi kesan negatif daripada sesuatu yang berkaitan dengan hal pertelingkahan. Hal tersebut telah diatur dalam norma-norma yang bersifat *preventive*. Sebagaimana pepatah adat Aceh yang berbunyi "*Malei kaom, meungnyoe mupakei, habeih crei-brei bandum syeedara*"²³⁹.

Untuk menghindarkan dampak negatif dari penangguhan pembahagian harta pusaka, maka perlu suatu cara demi terwujudnya kemaslahatan sesama ahli waris. Dalam kajian hukum Islam kemudaratan harus dihilangkan sesuai dengan kaedah *uṣūl fiqh*.

Selanjutnya bagaimakah peranan hukum Islam dalam mengatasi kesan negatif daripada penangguhan pembahagian harta pusaka?

Peranan hukum Islam dalam mengatasi kesan negatif daripada penangguhna pembahagian harta pusaka seperti hilangnya dokumen atau ketidakjelasan harta pusaka dan lain sebagainya maka diperlukan cara untuk mengatasi kesan negatif dari penangguhan pembahagian harta pusaka tersebut, iaitu:

Pertama, perlu adanya pencatatan semua harta peninggalan (*hiyāzah al-māl*), sama ada harta alih mahupun harta tidak alih, dan kemudian semua pencatatan itu diketahui oleh semua ahli waris.

Kedua, perlu adanya pembatasan waktu atau masa habis tempoh, untuk menghindari hilangnya atau ketidakjelasan dokumen harta peninggalan. Untuk lebih jelasnya akan diuraikan sebagai berikut:

²³⁹Maknanya; "Malu kaum kalau berbalah, sesame saudara bercerai-berai". Lihat, Badruzzaman Ismail, *Pengaruh Faktor Budaya Aceh Dalam Menjaga Perdamaian Dan Rekonstruksi* (Kertas kerja pada Seminar Faktor Budaya Aceh Dalam Perdamaian dan Rekonstruksi, yang dilaksanakan oleh Tunas Aceh Research Institute, Darussalam, tanggal 20 September 2006), 3.

a. Pencatatan Harta Peninggalan

Dalam kitab-kitab fiqh yang membahas tentang harta benda, terdapat satu pembahasan yang dikenal dengan kewajipan untuk *hiyāzah al-māl*. Kata *hiyāzah* berasal dari kata *hawzun* yang bererti terkumpul atau sebidang tanah yang mempunyai sempadan yang jelas.²⁴⁰

Kata *hiyāzah* bila dihubungkan dengan *al-māl* (harta) maka akan bermakna mengumpulkan dan menyisihkan harta serta memberikan batas-batas yang jelas.²⁴¹

Dengan *hiyāzah* bererti harta seseorang tersisih dari harta orang lain dan tidak bercampur, sehingga akan dapat diketahui batas dan jumlah harta miliknya.

Dengan mengetahui sempadan tanah miliknya dan milik orang lain, akan mudah diketahui jika adanya pelanggaran hak dari pihak lain terhadap haknya, dan sebaliknya ia sendiri dapat membatasi diri supaya tidak mengambil hak bahagian orang lain.

Selain itu, *hiyāzah al-māl* juga akan memudahkan untuk menyelesaikan permasalahan harta pusaka. Tidak dilakukannya *hiyāzah al-māl* akan menimbulkan banyak permasalahan tidak hanya pada masa masih hidup pewaris tetapi juga setelah ia meninggal dunia. Tidak jelasnya batas dan jumlah harta yang ditinggalkan seseorang akan mengakibatkan perselisihan dan perbalahan di antara sesama ahli waris.

Dengan demikian, harta pusaka yang awalnya diharapkan sebagai rahmat dan berkat bagi ahli waris dan sebagai suatu yang bisa mengingatkan seseorang kepada orang

²⁴⁰Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 5: 341; Lewis Ma’lūf al-Yasū’i, *al-Munjid fī Lughah wa al-I’lām*, 156.

²⁴¹Abd al-Mun’im al-Syarqāwī dan ‘Abd al-Basit Jamīlī, *Syarh Qānūn al-Murāfa’ah al-Jadīdah*, (Misr: al-Fikr al-Arabi, 1968), 74.

yang meninggalkan harta itu. Dengan terjadinya perbalahan dan perselisihan sesama ahli waris, akan berubah menjadi suatu fitnah dan boleh memutuskan hubungan tali persaudaraan. Hal seperti ini jelas bertentangan dengan tujuan hukum pusaka Islam.

Hiyāzah al-māl bukan hanya bermanfaat untuk memudahkan penyelesaian harta pusaka, ia juga dapat bermaanfaat dalam penyelesaian masalah jual beli, hibah, sewa menyewa, wakaf dan lain sebagainya.

Dalam Kompilasi Hukum Islam di Indonesia, pada fasal 187 ayat (1), disebutkan:

Bilamana pewaris meninggalkan harta peninggalan, maka oleh semasa hidupnya atau oleh para pewaris dapat ditunjuk beberapa orang sebagai pelaksana pembahagian harta pusaka dengan tugas:

- a) Mencatat dalam suatu daftar harta peninggalan, sama ada harta alih mahupun tak alih yang kemudian disahkan oleh para ahli waris yang bersangkutan, bila perlu dinilai dengan harga wang;
- b) Menghitung jumlah pengeluaran untuk kepentingan pewaris sesuai dengan fasal 175 ayat (1) sub a,b dan c.²⁴²

Dalam konsep *hiyāzah al-māl* dan fasal 187 ayat (1) sub a dan b di atas, dapat kita pahami bahawa perlu adanya pencatatan harta peninggalan, guna menghindari perselisihan dan perbalahan ketika akan dilakukannya proses pembahagian harta pusaka.

- b. Penerapan waktu atau masa habis tempoh dalam pembahagian harta pusaka.

²⁴²Departemen Agama Republik Indonesia, *Kompilasi Hukum Islam*, (Jakarta: Direktorat Jenderal Pembinaan Kelembagaan Islam, 1997), 80.

Di dalam kitab fiqh disebutkan bahawa pembatasan waktu atau masa habis tempoh pembahagian harta pusaka berkisar antara 15 tahun sampai 33 tahun.

Menurut al-Syarqāwī, apabila telah lewat waktu 15 tahun, maka hakim tidak boleh lagi menerima tuntutan.²⁴³ Sedangkan pendapat ‘Ala al-Dīn Afandī, seseorang yang tidak mahu menggugat dalam waktu 33 (tiga puluh tiga) tahun padahal ia tidak ada halangan untuk menggugat, maka tuntutannya tidak dapat diterima.²⁴⁴

Ahmad Nāsir al-Jundi adalah mantan ketua Mahkamah Syariah di Mesir, beliau mengatakan apabila tuntutan itu telah mencapai masa 33 (tiga puluh tiga) tahun, maka tidak ada lagi perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai batas waktu daluarsa.²⁴⁵

Selama ini di Mahkamah Syariah di Indonesia belum dilakukan pembatasan atau masa habis tempoh dalam masalah pembahagian harta pusaka. Oleh itu, masa habis tempoh ini sangat penting untuk diterapkan oleh Mahkamah Syariah guna menghilangkan ketidakpastian hukum dalam masyarakat. Hal ini dapat dimaklumi, manakala suatu tuntutan diajukan setelah berlalu dalam masa yang cukup lama. Misalnya 15 tahun atau 33 tahun dan atau lebih. Kemungkinan harta pusaka yang dikuasai oleh masing-masing pihak yang berperkara sudah hilang dokumennya atau tidak jelas lagi.

c. Cara pembahagian harta pusaka yang sudah lewat masa habis tempoh

Untuk menyelesaikan kes pusaka yang telah lewat masa habis tempoh tersebut ialah dengan cara *al-munāsakhāt*. Adapun pengertian *al-munāsakhāt* ialah meninggalnya

²⁴³ Al-Syarqāwī, *Hashiyah al-Syarqāwī*, 382.

²⁴⁴ Muhammad ‘Ala al-Din Afandī, *Hāshiyah Qurruṭu ‘Uyūn al-Akhyār*, 485.

²⁴⁵ Ahmad Nasir al-Jundi, *Mabādī’ al-Qada’ al-Syāfi’i Fī Khamsīn Am*, 526-527.

sebahagian ahli waris sebelum pembahagian harta pusaka sehingga bahagiannya berpindah kepada ahli waris yang lain.²⁴⁶ Bila salah seorang ahli waris meninggal dunia, sedangkan ia belum menerima hak waris (kerana ditangguhkan atau memang belum dibahagikan), maka hak waris berpindah kepada ahli waris. Kerananya di sini akan timbul suatu masalah yang oleh kalangan ulama *farāid* dikenal dengan sebutan *al-jāmi'ah*.²⁴⁷

Selama ini di Mahkamah Syariah di Indonesia belum dilakukan pembatasan waktu dalam masalah pembahagian harta pusaka. Oleh itu, pembatasan waktu atau masa habis tempoh ini sangat penting untuk diterapkan oleh Mahkamah Syariah guna menghilangkan ketidakpastian hukum dalam masyarakat. Hal ini dapat dimaklumi, manakala suatu tuntutan diajukan setelah berlalu dalam masa yang cukup lama. Misalnya 15 tahun atau 33 tahun lebih. Kemungkinan harta pusaka yang dikuasai oleh masing-masing pihak yang berperkara sudah kehilangan dokumen penting seperti surat mati, surat tanah, surat perjanjian dan sebagainya.

²⁴⁶ Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, 10: 7907; Fatchur Rahman, *Ilmu Waris*, 460. al-Šābūni, *al-Mawārith fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, 159.

BAB V

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Pensyariatan *farāid* bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia sama ada melibatkan individu, keluarga dan masyarakat, kerana mempunyai beberapa hikmah yang tersendiri bagi menunjukkan kepentingan dan kedudukannya sebagai satu cabang ilmu yang mulia. Hakikatnya, hikmah yang sebenar hanya diketahui oleh Allah SWT yang telah menentukan dan menetapkan hukum tersebut. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا حَكِيمًا

“Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui sesiapa di antara mereka yang lebih dekat serta banyak manfaat bagi kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang telah diterangkan itu ialah) ketetapan daripada Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi amat bijaksana. (al-Nisa:11)

Sistem *farāid* yang disyaratkan dalam Islam dapat menghapuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan penerima terhadap bahagian masing-masing yang mungkin membawa kepada percaduhan dan perbalahan antara satu sama lain. Sebagai contoh, kes penangguhan pembahagian harta pusaka yang apabila seseorang meninggal dunia dan meninggalkan harta tanpa diurus dengan satu peraturan yang baik, nescaya akan membawa kepada pengabaian atau dieksplorasi oleh segolongan tertentu sahaja. Realiti persengketaan akibat penangguhan pembahagian harta pusaka yang banyak berlaku di dalam masyarakat

Aceh Besar ini boleh dikurangkan atau dihapuskan sama sekali dengan satu sistem yang baik, efisyen dan adil. Hal ini bersesuaian dengan al-Hadith Rasulullah yang bermaksud:

Belajarlah ilmu *farāid* dan ajarkanlah kepada manusia kerana sesungguhnya aku ini manusia biasa yang pasti mati. Ilmu *farāid* juga akan diangkat (hilang) sehingga menjadikan dua orang akan berselisih dalam membahagikan harta pusaka, dan kesua-dua mereka itu tidak akan mendapat seorangpun untuk menyelesaikannya antara mereka berdua.

Undang-undang pusaka Islam (*farāid*) sama seperti peraturan hukum perundangan Islam lain yang menjadikan wahyu sebagai sandaran utama. Nas Syarak yang bersumberkan kepada al-Qur'an dan al-Hadith menjadi rujukan primer bagi hukum *farāid*. Manakala ijma' sahabat dan ijтиhad mereka digunakan dalam penyelesaian pelbagai masalah *farāid* yang berlaku. Dan kesemuanya ini telah dibentuk dan dikuatkuasakan dalam suatu perundangan di Indonesia yang dikenal dengan Kompilasi Hukum Islam.

5.2 Kesimpulan

Penangguhan pembahagian harta pusaka itu bukan sahaja akan mendorong berlakunya krisis dalam institusi kekeluargaan tetapi ia akan menyebabkan harta itu terutamanya hartanah akan menjadi statik dan tidak memberikan pulangan ekonomi yang sepatutnya. Keadaan akan menjadi lebih serius lagi apabila pihak-pihak yang bertelagah mengambil jalan singkat dengan mengambil keputusan menjualkannya bagi membolehkan hasil jualan diagih-agihkan sesama mereka.²⁴⁸

²⁴⁸ Ghazali Ibrahim, *Urus Harta Sebelum Mati*, (Kuala Lumpur: Mustread, 2008). 45.

Apabila perkara ini berlaku, ia sebenarnya tidak akan menyelesaikan permasalahan utama malah ia akan membawa kepada masalah jangka masa panjang yang lebih serius, bila mana hak milik harta itu berpindah ke tangan pihak ketiga dan wujudnya salah faham sesama mereka yang tidak berpuas hati dengan ganjaran yang diperoleh.

Segala kemelut ini mampu ditangani dengan berkesan sekiranya masyarakat itu sendiri membuat perancangan awal dengan mengurus tadbir harta mereka secara teratur dan sistematik sebelum meninggal dunia.

Setelah pengkaji membahas kajian yang tertajuk: Kesan Penangguhan Pembahagian Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar, maka dapat diambil kesimpulan sebagai berikut:

1. Sumber-sumber hukum pusaka Islam sebahagian besar telah ditetapkan Allah SWT dalam al-Qur'an, kemudian dijelaskan oleh Rasulullah dalam al-Hadith dan Ijma' oleh para sahabatnya, pada masalah-masalah yang belum tercakup di dalam ketiga sumber tersebut ada tempat berijtihad dengan akal untuk menentukan hukum yang tidak tercakup di dalamnya.
2. Dalam pusaka Islam ada dikenal beberapa asas pusaka, antarnya asas mempusakai akibat kematian, hubungan nasab dan perkahwinan, asas *ijbāri*, asal bilateral, asas individu, dan asas keadilan.
3. Pembahagian harta pusaka di Aceh terdiri dari tiga cara: adat, Islam dan undang-undang hukum pusaka yang dikenal Kompilasi Hukum Islam (KHI). Namun kebanyakan yang berlaku di dalam masyarakat mereka lebih condong kepada pembahagian secara adat dengan tidak menafikan cara syariah. Adapun cara undang-undang dilaksanakan apabila cara adat dan Islam tidak berhasil dilakukan dalam pembahagian harta pusaka.

4. Beberapa faktor tertangguhnya pembahagian harta pusaka yang berlaku dalam masyarakat Islam di Kabupaten Aceh Besar, antaranya: Sebahagian dari masyarakat beranggapan bahawa adalah tidak wajar membahagikan harta pusaka terlalu awal, waris tidak memiliki maklumat tentang pembahagian pusaka, adanya janda pewaris, sedikitnya harta pusaka yang ditinggalkan, ahli waris masih kanak-kanak, ahli waris berhijrah ke daerah lain di luar daerah tempat harta pusaka berada dan adanya penguasaan atas sebahagian besar harta pusaka oleh salah seorang ahli waris.
5. Pandangan hukum Islam terhadap pemilikan bersama adalah ianya boleh membawa kepada *shirkah al-am�āk*, dimana terjadinya perkongsian antara dua orang atau lebih atas sesuatu sebab dari beberapa sebab kepemilikan harta. Dalam hal harta pusaka, setiap ahli waris boleh bertindak atas harta itu apabila telah disetujui oleh ahli waris lain, dan setiap ahli waris tidak boleh bertindak secara individu kerana di dalam harta *shirkah* tersebut ada hak orang lain.
6. Kedudukan harta pusaka yang belum dibahagikan ialah merupakan harta milik bersama ahli waris. Namun demikian, dalam pengurusannya diatur oleh janda pewaris atau anaknya yang tertua atau keluarga terdekat ahli waris seperti keluarga paman.
7. Pemilikan secara bersama pada harta pusaka itu boleh dibenarkan apabila para ahli waris menyadari hak dan kewajipan masing-masing.
8. Hukum pusaka Islam mengisyaratkan supaya harta pusaka segera dibahagikan kepada ahli waris. Manakala harta pusaka dimiliki bersama dalam masa yang lama, maka perlu pembahagian pada manfaat dan hasil dari harta pusaka tersebut. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan perselisihan dan perbalahan sesama ahli waris.

9. Penangguhan pembahagian harta pusaka mengundang banyak masalah dan kesannya sama ada dari segi hukum mahu pun undang-undang dan sosio ekonomi.

Adapun kesan daripada segi hukum syarak ialah:

1. Pemilikan beramai-ramai atas hartanah oleh waris-waris.
2. Terdedah kepada perlanggaran hukum dengan memakan harta secara batil dan harta anak yatim.
3. Tidak menunaikan hak-hak si mati; antaranya ialah hutang dan wasiat si mati tidak dijelaskan dengan segera.
4. Bilangan waris makin bertambah ramai akibat kematian berlapis disebabkan terlewatnya pembahagian harta pusaka.

Sedangkan kesan daripada segi undang-undang dan sosio-ekonomi, ialah:

1. Harta pusaka menjadi terbiar dan tidak terurus dengan cekap, sehingga ianya boleh merugikan waris-waris.
2. Urusniaga hartanah tidak dapat dijalankan kerana masih banyak hartanah masih atas nama si mati.
3. Kehilangan dokumen penting seperti surat mati, surat perjanjian dan sebagainya yang menyulitkan proses pembahagian harta pusaka.
4. Berlakunya jenayah antara sesama ahli waris yang boleh membawa kepada kes jenayah pembunuhan.

5.3 Saranan

Semua waris adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan harta pusaka dengan secepat mungkin. Bukan sekadar membuat permohonan untuk membahagikan harta pusaka di Pejabat Pembahagian Pusaka, tetapi mempunyai tanggungjawab bersama untuk menyelesaikan pembahagian dengan sebaik mungkin, iaitu dengan cara:

1. Harta milik individu-individu mesti dilakukan pencatatan seperti dokumen surat kematian, surat wasiat, surat perjanjian dan lain sebagainya.
2. Membuat permohonan untuk membahagikan harta pusaka secepat mungkin dan mengadakan perbincangan terutamanya berkaitan cara pembahagian yang akan dipersetujui.
3. Menghadiri perbicaraan. Jika tidak dapat hadir, boleh tanda tangan surat persetujuan dan mengambil tahu semua harta pusaka dan apa-apa yang berkaitan dengannya, seperti hutang, wasiat dan sebagainya.
4. Bekerjasama demi untuk menyelesaikan harta pusaka ini dengan sebaik mungkin.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Dalam Bahasa Arab:

- Al-Qur'ān Al-Karīm bi al-Rasm al- 'Uthmānī*, Damsyiq: Dār al-Furqān, 1425H.
- 'Abd al-Fatāh Muḥammad Abu al-'Anin. *Ahkām al-Mirāth fī al-Syari'ah al-Islāmiyah*, Jāmi'ah al-Mansūrah Kuliah al-Huqūq qism al-Syari'ah al-Islāmiyah, t.t.
- 'Abd al-Mun'im al-Syarqāwī dan 'Abd al-Bāsit Jamīly. *Syarh Qānūn al-Murāfa'ah al-Jadīdah*, Misr: Dār al-Fikr al-Arabiyy, 1968.
- 'Abd al-Rahmān al-Jazāiry. *al-Fiqh Ala al-Mazāhibul al-Arbaah*, Qāherah: Dār al fikr li al-Taba' wa al-Nasyr wa al-Tawzī'iy, t.t.
- 'Abd al-Wahhāb Hawwās. *al-Wasīth fi Ilmi al-Mawāarith*, Qāherah: Maktab al-Risālah al-Dawliyah li al-Tiba'ah, 1997.
- 'Abdul al-Wahhāb Khallāf. *Ilm Ushūl al-Fiqh*, ed. ke-8, Qāherah: Maktabah al-Dakwah al-Islāmiyah, t.t.
- 'Abd. Karīm Zaidān. *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syari'ah al-Islāmiyah*, Baghdad: Muassasah al- Risālah, 1989.
- 'Abdullah 'Ali Husayn. *al-Muqaranah al-Tasyri'iyyah*, Qāherah: Dār al-Salām, 2001.
- Abu Al-Yazid Muhammad Abu Al-'Azam. *Maqāsid fi al-Mirāth*, Cairo: Universitas Al-Azhar, t.t.
- Aḥmad al-Ghandur. *al-Mirāth fī al-Islām wa al-Qānūn*, Mesir: Dār al-Ma'ārif, 1966.
- Aḥmad ibn Muhammad ibn Hanbal. *al-Musnād*, ed.ke-1, al-Qāherah: Dār al-Hadist, 1995.
- Aḥmad Nasīr al-Jundi. *Mabādi' al-Qadā' al-Syaf'i Fiy Khamsīn Ām*, Misr : Dār al Fikr al-Arabiyy 1978.
- Al-Bukhari. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Qahirah: Dar wa Mathba' al-Shatibi, t.t.
- al-Naisabūry, al-Hāfidh abi al-Husain Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusyairy. *Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. ke- 1, Riyāḍh: Dār al-Thāyyibah, 1426H.
- al-Kamāl ibn al-Humām. *Fath al-qadīr*, al-Qāhirah: Muṣṭafā al-Bāb, 1970.
- al-San'āny. *Subūl al-Salām Syarh Bulūgh al-Marām*, Riyāḍh: Maktabah Nazar Muṣṭafā al-Bāz,

al-Syarqāwī, ‘Abd Allah Hijāzī bin Ibrāhīm. *Hāshiyah al-Syarqāwī*, Bairūt: Dār al-Ma’rifah, t.t.

Badrān Abu al-‘Aynayn Badrān. *Ahkām al-tarikah wa al-Mawārith fī al-Syari‘ah al-Islāmiyah wa al-Qānūn*, al-Qāhirah: Dār al-Ma’arif, 1981.

Direksi Pembangunan Badan Peradilan Agama Islam Depag. *Perundangan Pengadilan Agama dan Analisa*, Jakarta: Al-Hikmah, 1995.

Haidar, Ali, *Durrar al-Hukkām: Syarh Majallah al-Ahkām*, ed. ke 1, Bairūt: Dār-al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991.

Ibn Manzūr, Abu al-Fadhl Jamāl al-Dīn Muhammād Mukarram. *Lisān al-‘Arab*. Bairūt : Dār Sader, 1994.

Kamāl al-Dīn Ibn al-Humām. *Fath Qadīr*, Misr: Muṣṭafā al-Bābi, 1970.

Lewis Ma'luf al-Yasu'i. *al-Munjid fī al-Lughah wa al-I'lām*, Bairūt: Matba'ah al-Katulikiyyah, t.t.

Muhammad ‘Abduh. *Tafsir al-Manār*, Bairūt: Dār al-Fikr, t.t

Muhammad A'lā al-Dīn Afandī, *Hāshiyah Qurruṭu 'Uyun al-Akhyār Takmilah Radd al-Muhtār 'ala al-Dārri al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Abshār*, Riyādh: Dār ‘Ālim al-Kutub, 2003.

Muhammad ‘Alī al-Šābūnī. *al-Mawārith fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah ‘ala Dhau al-Kitāb wa al-Sunnah*”, ed. ke-1, Huqūq al-Taba’ Mahfudhah, 1969.

Muhammad Abu Zahrah. *Uṣūl al-Fiqh*, Misr: Dār al-Fikr ‘Arabi, t.t.

Muhammad al-Khātib al-Sharbainī. *Mughni al-Muhtāj Ilā Ma'rifati Ma'anī alfādh al-Minhāj*, Bairūt: Dār al-Fikr, 1995.

Muhammad Ibn ‘Ali al-Shawkānī. *Nail al-Autār min Ahadīth Sayyid al-Akhyār Syarh Muntaqa al-Akhbār*, Bairūt: Dār al-Khair, 1996.

Muhammad Ibn Ahmad Ibn Rusyd. *Bidāyah al-Mujtahid*, Bairūt : Dār al-Fikr, t.t.

Muhammad Mahyuddin Abd al-Hamid. *Ahkām al-Mawārith fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah ‘ala mazāhib al-Aimma al-Arba’ah*, Bairūt : al-Maktabah al-‘Asriyah, 1991.

Mustafā Ahmad Zarqā. *al-Fiqh al-Islāmī fī Tabwīb al-Jadīd*, Bairūt: Dār al-Fikr, 1968.

Sayyid Sabiq. *Fiqh as-Sunnah*, Beirūt: Dār al-Fikr, 1983.

Saleh Ibn Ghānim al-Sadlān. *al-Qawāid al-Fiqhiyyah al-Kubrā Wamā Tafarra'a 'Anhā*, Riyad: Dār Balnāsiyah, 1418 H.

Sibt al-Maridini, Badr al-Din Muhammad ibn Muhammad. *al-Rahābiyyah fī al-'Ilm al-Farā'id*, Damsyik: Dār al-Kalām, t.t.

Syawqi Abduh al-Sāhī. *Mausū 'ah Ahkām al-Mawārit̄h*, Bairūt: Dār al-hikmah, t.t.

Wahbah al-Zuhailī. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, ed. ke-4, Damsyik: Dār al-Fikr, 2006.

Wizārah al-Awqāf wa Syu'ūn al-Islāmiyyah. *al-Mawsū 'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Matba'ah al-Mausū'iyyah al-Fiqhiyyah, 1988.

Yasin Ahmad Ibrāhīm al-Darādikah. *al-Mīrāth fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, ed. ke-5, Bairūt: Mu'assasah al-Risālah, 1998.

Rujukan Dalam Bahasa Inggris:

Michael Bloor and Fiona Wood. *Keywords and Qualitative Methods A Vocabulary of Research Concepts*, London: SAGE, 2006.

Nabil A. Saleh. *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law*, 2nd edition. London: Graham and Trotman Ltd., 1992.

Rujukan Dalam Bahasa Melayu:

Abdul Mannan. *Teori dan Praktek Ekonomi Islam*, terj. M. Nastangin, Yogyakarta: Dana Bhakti Wakaf, 1995.

Abdul Rashid Hj. Abdul Latif. *Undang-undang Pusaka Dalam Islam: Suatu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur: Percetakan al-Hidayah dan Hizbi, 1987.

Abdullah Siddiq. *Hukum Waris Islam Dan Perkembangannya Di Seluruh Dunia Islam*, Jakarta: Widjaya, 1984.

Abdur Rahman I.Doi. *Undang-Undang Syariah*, terj. Rohani Abd. Rahman, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Ahmad Azhar Basyr. *Hukum Waris Islam*, Bagian Penerbitan Fakultas Ekonomi, Universitas Islam Indonesia, 1995.

Al-Yasa' Abu Bakar. *Ahli Waris Sepertalian Darah: Kajian Perbandingan Terhadap Penalaran Hazairin dan Penalaran Fiqh Mazhab*, Jakarta: Inis XXXVI, 1998.

_____. *Rekonstruksi Fikih Kewarisan Reposisi Hak-hak Perempuan*, Banda Aceh: LKAS, Institute for Religious and Social Studies, 2012.

- Amir Syarifuddin. *Hukum Kewarisan Islam*, Jakarta, Kencana, 2004.
- _____. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam dalam Lingkungan Adat Minangkabau*, Jakarta: Gunung Agung, 1984.
- C. Dewi Wulansari. *Hukum Adat Indonesia; Suatu Pengantar*, Bandung: Ferika Aditama, 2012.
- Departemen Agama Republik Indonesia. *Kompilasi Hukum Islam*, Jakarta: Direktorat Jenderal Pembinaan Kelembagaan Islam, 1997.
- Departemen Haji dan Wakaf Su'udiy al-'Arabiyyah. *al-Qur'an dan Terjemah*, Madinah: Mujamma' al-Khadim al-haramain al-Syarifayn al-Malik Fadh li Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif, 1411 H.
- Fatchur Rahman. *Ilmu Waris*, Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1988.
- H. M. Idris Ramulyo. *Perbandingan Hukum Kewarisan Islam Dengan Kewarisan Kitab Undang-Undang Hukum Perdata*, Jakarta: Sinar Grafika, 2004.
- Hamka, Haji Muhammad Abdul Maik bin Abdul Karim Amrullah. *Tafsir al-Azhar*, Yayasan Nurul Islam, 1966.
- Hasbi Ash- Shiddiedy. *Fiqh Mawarist*, Semarang: Pustaka Rizki Putra, 1999.
- _____. *Pengantar Fiqh Muamalah*, Jakarta: Bulan Bintang, 1974.
- Hazairin. *Hukum Kewarisan Bilateral Menurut Qur'an dan Hadits*, Jakarta: PT. Tinta Mas, 1982.
- Hilman Hadikusuma. *Hukum Waris Adat*, Bandung : Alumni, 1980.
- _____. *Pengantar Ilmu Hukum Adat Indonesia*, Bandung: Mandar Maju, 1992.
- Idris Awang. *Penyelidikan; Amalan dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil dan Syakir Sdn.Bhd., 2009.
- Idris Djakfar dan Taufiqyahya. *Kompilasi Hukum Kewarisan Islam*, Jakarta: Pustaka Jaya, 1995.
- Imam Sudiyat. *Hukum Adat Sketsa Asas*, Yogyakarta: Liberty, 1981.
- Komite Fakultas Syariah Universiti al-Azhar Mesir. *Hukum Waris*. Jakarta: Senayan Abadi Publishing, 2009.
- Lexy J. Moleong. *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: Remaja Rosdakarya, 2008.

- M. Anshary. *Hukum Kewarisan Islam Indonesia, Dinamika Pemikiran dari Fiqh Klasik ke Fiqh Indonesia Modern*, Bandung: Mandar Maju, 2013.
- M. Koesnoe. *Membagi Harta Pusaka Menurut Hukum Adat di Kabupaten Aceh Besar*, Pusat Studi Hukum Adat dan Islam, Fakultas Hukum dan Pengetahuan Masyarakat, 1979.
- Moehammad Hoesin. *Adat Aceh*, Banda Aceh: Pendidikan dan Kebudayaan Daerah Istimewa Aceh, 1970.
- Moh. Muhibbin dan Abdul Wahid. *Hukum Kewarisan Islam Sebagai Pembaharuan Hukum Positif di Indonesia*, Jakarta: Sinar Grafika, 2009.
- Muhammad Suhaili Sufyan. *Fiqh Mawaris Praktis, Perbandingan Empat Mazhab dan Kompilasi Hukum Islam Indonesia*, Bandung: Cita Pustaka Media Perintis, 2011.
- Noresah Baharom. *Kamus Dewan*, ed. ke-4, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Oemarsalim. *Dasar-dasar Hukum Waris di Indonesia*, Jakarta: Rineka Cipta, 2000.
- Rahmad Budiono. *Pembaharuan Hukum Kewarisan Islam di Indonesia*, Jakarta, Citra Aditya Bakti, 2004.
- Roihan A. Rasyid. *Kompilasi Hukum Islam dan Pengadilan Agama dalam Sistem Hukum Nasional*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1999.
- Sajuti Thalib. “*Hukum Kewarisan Islam di Indonesia*”. Jakarta : PT Bina Aksara, 1982.
- Soerjono Soekanto. *Hukum Adat Indonesia*, Jakarta: Rajawali Press, 2010.
- Syahrizal. *Hukum Adat dan Hukum Islam Di Indonesia; Refleksi Terhadap Beberapa Bentuk Integrasi Hukum Dalam Bidang Kewarisan di Aceh*, Batuphat: Nadiya Foundation, 2004.
- Team Redaksi Nuansa Aulia. *Kompilasi Hukum Islam; Hukum Perkahwinan, Kewarisan dan Perwaqafan*, ed. ke-2, Bandung: C.V. Nuansa Aulia, 2009.
- Ter Haar Bzn. *Asas- Asas dan Susunan Hukum Adat*, Paramita: jakarta, 1960.
- Wahbah Zuhaili dan Syeikh Ali al-Sabuni, terj. Hj. Abdul Rahman B. Mohd.Adil. *Hukum Harta Pusaka dan Imu Faraid*, Kuala Lumpur: Pustaka Azhar, 2011.
- Wirjono Podjodikoro. *Hukum Warisan di Indonesia*, ed. ke-5, Bandung: Sumur Bandung, 1976.

Yahaya jusoh dan Azhar Muhammad. *Interaksi Harta Dalam Al-Qur'an, Pengertian, Pengumpulan dan Pemanfaatan*, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia Skudai, 2005.

Zainuddin Ali. *Pelaksanaan Hukum Waris di Indonesia*, Jakarta : PT.Sinar Grafika, 2008.

Rujukan Dalam Disertasi:

Abdul Shakor bin Borham, “*Amalan Pembahagian Harta Pusaka Orang-orang Islam di Daerah Muar, Johor*”, Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999.

Jasni Sulong, “*Bidangkuasa Mahkamah Syariah Dalam Pentadbiran Pusaka Di Malaysia*”, Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000.

M. Syakroni, “*Penundaan Pembagian Harta Warisan Dalam Perspektif Islam*”, Disertasi Sarjana Syariah, Fakulti Syariah, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2000.

Mohd. Mansor Bin Hj. Daod, “*Konflik Antara Dzawil al-Arham dan Bayt al-mal Dalam Pembahagian Pusaka Islam; suatu kajian di Negeri Kelantan*”. Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1996.

Nasri Naiimi, “*Pengurusan Harta Faraid Oleh Pewaris Melalui Pembentukan syarikah : Satu Kajian Terhadap syarikah Keluarga*”, Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009

Rafidah binti Mohamad Khushairi, “*Isu-isu Pengurusan Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam Di Malaysia; Suatu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*”, Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Saharuddin Bin Selamat, “*Isu-isu dalam pembahagian Harta Pusaka di Mahkamah Syariah Negeri Selangor*”, Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.

Yulia Hidayat, “*Tanggungjawab Ahli Waris Terhadap Hutang Pewaris Ditinjau Dari Hukum Waris Islam*” Disertasi Magister Kenotariatan, Fakultas Hukum, Universiti Indonesia, 2009.

Rujukan Dalam Kertas Kerja:

Arskal Salim, *Praktek Penyelesaian Formal dan Informal Masalah Pertanahan, Kewarisan dan Perwalian Pasca Tsunami di Banda Aceh dan Aceh Besar*. Laporan Penyelidikan, International Development Law Organization (IDLO), Post Tsunami Legal Assistance Initiative For Indonesia.

Badruzzaman Ismail, *Pengaruh Faktor Budaya Aceh Dalam Menjaga Perdamaian Dan Rekonstruksi*. Kertas kerja pada Seminar Faktor Budaya Aceh Dalam Perdamaian dan Rekonstruksi, yang dilaksanakan oleh Tunas Aceh Research Institute, Darussalam, tanggal 20 September 2006.

Che Zarina Sa’ari, *Kaedah Penyelidikan Lanjutan*. Kertas kursus, Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 22 julai 2009.

Osin Moh. Muhsin, S.H, M.Hum, *Penyelesaian Perkara Kewarisan di Mahkamah Syariah Kota Banda Aceh dan Problematikanya*, Kertas kerja pada Pelatihan ilmu Fara’id Bagi Tokoh Masyarakat Se-Kota Banda Aceh, Aula Gedung C Pemerintah Kota Banda Aceh, 20-21 Maret 2013.

Stensilan, “*Laporan penelitian dan pencatatan Hukum adat tentang waris, harta serikat dan anak angkat di dalam lima daerah hukum Pengadilan Negeri dalam wilayah Pengadilan Tinggi Banda Aceh*”, 2006.

Rujukan Dalam Laman Sesawang:

Pemerintah Kabupaten Aceh Besar, “Kondisi Demografi”, laman sesawang : <http://www.acehbesarkab.go.id/page/Profil-Aceh-Besar/ids/11>, dicapai pada 26 Disember 2013

Pemerintah Kabupaten Aceh Besar, “Aceh Besar Dalam Angka 2013”, laman sesawang : <http://www.acehbesarkab.go.id/page/Data-Strategis-2013/ids/130>, dicapai pada 26 Disember 2013

Republika, “Di Aceh ramai-ramai isteri minta cerai”, laman sesawang: <http://www.republika.co.id/berita/regional/nusantara/11/08/18/lq4654-di-aceh-ramairamai-istri-minta-cerai>, dicapai pada 20 Jun 2012.

Serambi Indonesia, “Abang gorok adik kandung hingga tewas”, laman sesawang: <http://aceh.tribunnews.com/2014/01/02/abang-gorok-adik-kandung-hingga-tewas>, dicapai pada 8 Hb Jan 2014.

Wikipedia, “Kabupaten Aceh Besar”, laman sesawang http://id.wikipedia.org/wiki/Kabupaten_Aceh_Besar, dicapai pada 26 Disember 2013.

Wikipedia, “Kabupaten”, laman sesawang: <http://id.wikipedia.org/wiki/Kabupaten>, dicapai pada 26 Disember 2013

Wikipedia, ”*Kitab Undang-Undang Hukum Perdata*”, http://id.wikipedia.org/wiki/Kitab_Undang-undang_Hukum_Perdata, dicapai pada 5 march 2014.

Rujukan Jurnal:

- Abdul Manan, “Beberapa Masalah Hukum Tentang Wasiat dan Permasalahannya Dalam Konteks Kewenangan Peradilan Agama”, *Jurnal Mimbar Hukum Aktualisasi Hukum Islam*, no. 38 Tahun IX, 1998.
- Hanira Hanafi, “Gender Perspective Of The Fara’id System : Is It Bias Against Women?” *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, j.15, bil. 2, 2007.
- Hartini, “Wasiat Wajibah Dalam Kompilasi Hukum Islam”, *Jurnal Mimbar Hukum*, No. 37 Tahun II, 2001
- Ilyas, “Eksistensi dan kekuatan Penyelesaian Sengketa Secara Adat Pada Tingkat Gampong Suatu Penelitian di Kabupaten Aceh Besar”, *Jurnal Ilmu Hukum Kanun*, No 50 April 2010.
- Jasni Sulong dan Faisal Husen Ismail, “Pemakaian Doktrin al-Masalih al-Mursalah Dalam Hukum fara’id”, *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Syariah Universiti Malaya, Jil. 1, Bil. 1, 2011.
- Jasni Sulong, “Kedudukan Wanita Dalam Pembahagian Harta Pusaka”, *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, j.14, bil. 2, 2006.
- M. Jafar, “Pola Pewarisan Pada Masyarakat Aceh Di Kabupaten Aceh Besar” *Jurnal Ilmu Hukum*, Fakultas Hukum, Universitas Syiah Kuala, Darussalam Banda Aceh, No. 46, April 2009.
- M. Yusuf Hasan, “Kecenderungan Pembahagian Warisan Dalam Masyarakat Aceh Besar” *Jurnal Ilmu Hukum*, Fakultas Hukum, Universitas Syiah Kuala, Darussalam Banda Aceh, No. 24, Disember 1999.
- Muhammad Daud Ali, “Asas-asas Hukum Kewarisan Dalam Kompilasi Hukum Islam”, *Majalah Mimbar Hukum*, Nombo 9 Tahun 1993, penerbit al-Hikmah dan Ditbinbapera Islam.
- Satria Effendi M. Zein, “Analisa Fiqh terhadap Perundangan tentang Kewarisan”, *Jurnal Mimbar Hukum*, No. 20 Tahun IV, 1995.
- _____, “Analisa Fiqh terhadap Perundangan tentang Kewarisan”, *Jurnal Mimbar Hukum*, No. 37, Tahun X, 1996.

Rujukan Temubual:

- Encik Amir Hamzah, (Imum Meunasah desa Branden, Kecamatan Peukan Bada, Aceh Besar), dalam temu bual dengan penulis, 6 Januari 2013.

Encik Azhar Bin Yusuf (Kepala Desa Ajun Jeumpet, Kecamatan Darul Imarah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan penulis, 10 Januari 2013.

Encik H. Abd. Hafiz (Pengetua Jabatan Mahkamah Syari'ah, Aceh Besar), dalam temu bual dengan penulis, 15 Januari 2014.

Encik Muhammad Raihan, (Pegawai Panitera Muda Hukum di Mahkamah Syari'ah Aceh Besar), dalam temu bual dengan penulis, 17 Januari 2014.

Encik T. Ismail Is, (Anggota Majelis Adat Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 25 Disember 2013.